



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 14

Selasa

2 April 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 7)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019	(Halaman 37)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 37)
Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.1) 2018	(Halaman 42)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Selasa, 2 April 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)
mempengerusikan Mesyuarat*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah hala tuju kementerian berkenaan sistem pelupusan sampah di Malaysia.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]:
Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah. Sebelum saya menjawab soalan Tuan Yang di-Pertua, boleh saya nak mengalu-alukan kehadiran Angkatan Muda Keadilan dari Hulu Langat seramai 15 orang. *[Tepuk]* Sesungguhnya orang muda adalah masa depan negara. Syabas, tahniah. *Alhamdulillah.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan kepada Yang Berhormat Tebrau, hala tuju KPKT dalam mengendalikan sisa pepejal negara adalah ketika ini sistem yang digunakan adalah dua sistem iaitu *dumpsite* dan *sanitary landfills*. Memandangkan keadaan penggunaan cara *landfill* dan juga *dumpsite* ini adalah mengenakan belanja yang sangat tinggi, satu.

Kedua, memandangkan kos tanah juga adalah menjadi satu faktor yang membebankan, sedangkan tanah-tanah ini boleh kita gunakan pada perkara-perkara yang lebih manfaat. Jadi, memandangkan keadaan ini, *Ministry* KPKT telah membuat arahan kepada semua negeri, bahawa dalam masa dua tahun kita akan beralih daripada sistem pelupusan, sisa pepejal *landfill* kepada *waste-to-energy* (WtE) iaitu loji *waste-to-energy*.

So, dalam mengendalikan sistem *waste-to-energy* ini, ianya *insya-Allah* akan lebih bersih, lebih produktif dan juga lebih menjimatkan. So, dengan ini, dengan adanya sistem WtE ini, ia juga mampu untuk kita mengendalikan *circular economy*, yang mana KPKT akan memandang sampah itu sebagai satu aset kepada KPKT untuk menjadikan ia *income*, menjana pendapatan kepada kerajaan dan negara.

Jadi, dengan ini, KPKT juga telah memberikan arahan dalam masa dua tahun, kita akan beralih kepada WtE dan peringkat ke peringkat dan kepada semua negeri. Jadi, sekarang, KPKT sedang meneliti dan menyemak tapak-tapak *landfill* yang ada, sama ada ianya bersesuaian untuk

terus *ditransform* kepada WtE di tapak itu sendiri, bergantung kepada keluasan yang masih ada di kawasan-kawasan *landfill* tertentu itu. Jadi, semakan sedang dilakukan dan *insya-Allah* akan kita berikan panduan kepada setiap negeri, berapakah WtE yang patut kita bina untuk mengendalikan sampah sarap ataupun sisa pepejal dalam sesebuah negeri itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tebrau untuk mengemukakan soalan tambahan pertama. Masa, 30 saat. Sila.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menerangkan kepada Dewan Rakyat, apakah prestasi kementerian Yang Berhormat Menteri dan MESTECC dalam menangani isu pelupusan sampah di Malaysia. Ini kerana kita nampak ada *area* dengan izin, yang bercanggah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila, Yang Berhormat Menteri. Masa 2 minit 30 saat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau di atas soalan tambahan. Saya ingat tidak ada percanggahan di antara budi bicara ataupun skop penglibatan MESTECC dan juga KPKT di dalam pengurusan sisa pepejal. Cuma, mengikut *ministry function order*, MESTECC berperanan untuk penguatkuasaan kualiti alam sekitar di mana di bawah *Environmental Quality Act 1974* ia adalah untuk mengawal *schedule waste, chemical and all those things*, sisa berjadual yang mengandungi bahan-bahan *chemical* dan sebagainya.

Kedua, mengawal kualiti efluen seperti pelepasan ke air dan udara. Manakala KPKT pula, bertanggungjawab untuk pengurusan sisa pepejal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Jadi, dari segi pengendalian urusan mekanisme, pemilihan teknologi dan juga pemilihan syarikat-syarikat untuk mengendalikan WtE dan pelupusan sampah ini di bawah *jurisdiction* bidang kuasa KPKT. KPKT juga ada satu jawatankuasa yang melibatkan MESTECC iaitu Jawatankuasa Penilaian Teknologi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan yang mana MESTECC adalah anggotanya.

MESTECC akan memberikan input dari segi kualiti alam sekitar, udara dan sebagainya melibatkan *environmental issue*. So, jadi sebenarnya tidak ada percanggahan ataupun *cross-boundary* di antara MESTECC dan juga KPKT dari segi skop bidang kerja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelebu untuk mengemukakan soalan tambahan kedua dalam tempoh masa 30 saat.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak keluar sikit, sebenarnya pusat pelupusan sampah ini menjadi masalah daripada sesama ke sesama. Kita kluatir ia akan menjadi *time bomb*, kepada rakyat negara kita.

■1010

Cuma saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, ada tidak perancangan kerajaan sekarang untuk menyelaraskan dan juga untuk *standardize* pengurusan pelupusan sampah di seluruh negara kerana sekarang ada kementerian jaga, ada PBT jaga, ada pihak swasta jaga. Ini mungkin mendatangkan masalah kepada pengguna. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Jadi soalan itu boleh juga membantu rakan-rakan lain, ahli majlis dalam Dewan ini untuk memahami sedikit. Dalam dasar 672, ketika ini ada tujuh negeri sahaja yang menandatangani yang mana KPKT bertanggungjawab dalam pembersihan sampah, pungut sampah dan termasuk sistem pelupusan sisa pepejal. Akan tetapi mana-mana negeri yang tidak menandatangani 672, mereka juga tertakluk dalam polisi-polisi Kerajaan Pusat mengenai pengurusan sisa pepejal. Jadi walaupun mungkin KPKT ataupun *concessioner* tidak *cover* negeri-negeri yang tidak menandatangani 672 tetapi kita juga bertanggungjawab atas memberikan nasihat atau rundingan untuk mengambil sesuatu sistem pelupusan sisa pepejal.

Jadi KPKT pergi ke Terengganu, pergi ke Kelantan, saya sudah turun ke Kelantan dan Terengganu, *insya-Allah* mereka juga tidak akan diketepikan dari segi untuk kita memberikan cadangan, membantu mereka untuk menguruskan sisa pepejal dalam negara. Macam Kelantan dan Terengganu masih lagi banyak *dumpsite*. So, jadi kita tidak mahu, kita harap kita akan dapat *standardize* sistem pelupusan sampah seluruh negara kerana kita hendak negara ini bersih tidak kira negeri pembangkang kah, negeri pakatan pun kita hendak semua daerah dalam negara ini bersih. So, itu jawapan saya. Terima kasih.

2. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah status MyTV dan apakah hasil rundingan di antara pihak MyTV Production Sdn. Bhd. dengan Telekom Malaysia Berhad. Adakah MyTV akan diteruskan dan berapakah dekodernya MyTV telah diagihkan kepada golongan B40.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pendigitalan penyiaran nasional yang sedang dilaksanakan oleh MyTV sedang berjalan lancar di mana liputan siaran digital televisyen *terrestrial* ataupun dikenali sebagai DTT telah mencapai sebanyak 98 peratus kawasan berpenduduk pada hari ini. MyTV Tuan Yang di-Pertua juga telah menyediakan perkhidmatan liputan secara *direct to home* (DTH) melalui siaran satelit bagi meliputi kawasan-kawasan terlindung di seluruh Malaysia. Liputan siaran TV digital boleh dinikmati oleh rakyat di seluruh negara pada hari ini. Sekiranya penonton memasang peralatan dekodernya di TV dan juga memasang aerial UHF pada set TV sedia ada atau membeli set TV yang telah dilengkapi dengan dekodernya ataupun IDTV atau set dekodernya DTH.

Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 900 model IDTV pada masa ini berada di pasaran. Manakala rundingan di antara MyTV dan Telekom Malaysia berhubung isu-isu komersial di antara pihak MyTV Broadcasting Sdn Bhd dan Telekom Malaysia telah pun diselesaikan Yang Berhormat

pada 30 November tahun lalu. Tuan Yang di-Pertua, setakat 30 Mac 2019, MyTV telah selesai mengagihkan sejumlah dua juta dekoder yang diperuntukkan oleh MyTV merangkumi sebanyak 1,651,333 dekoder DGHT dan 24,482 atau 7.02 peratus set dekoder DTH telah diagihkan kepada isi rumah B40 yang berkelayakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Adakah kerajaan bercadang untuk memadamkan sistem analog-analog di negara kita ini dan membolehkan 5G dilancarkan di dalam negara kita ini? Apakah kemudahan internet yang bersekali dengan dekoder diberi kepada B40 dan adakah ia dapat membantu masyarakat desa untuk celik IT dengan pelaksanaan dasar-dasar ini?

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, itu soalan yang baik. Sebenarnya kita dalam proses sekarang melalui apa yang disebutkan sebagai *analog shutdown* di mana kita hendak memulakan sistem digital di seluruh Malaysia. Saya boleh menyatakan bahawa usaha untuk kita *shutdown* itu ataupun memulakan dengan pelancaran TV digital akan dimulakan pada bulan ini dan kita harap bahawa ia dapat diselesaikan dalam bulan Jun. Akan tetapi dalam apa juga keadaan, *we quite confident that there will be a full shutdown, switch off* dalam penggal ataupun *third quarter of this year*.

Berkenaan dengan impak yang akan ada kepada internet, TV dan sebagainya, kita sekarang dalam satu zaman di mana kita ingin dalam proses mengembangkan *infrastructure* di mana kita akan melihat lebih rangkaian internet diberikan kepada seluruh rakyat Malaysia pada masa akan datang. Dalam keadaan tersebut, memang kita tahu bahawa teknologi hari ini dengan kemudahan Internet ini memang banyak isi kandungan atau *content* yang boleh *download* daripada internet untuk kita melihat dan memang masalah-masalah dari segi celik IT dan sebagainya itu akan timbul. Kita ada *committee* ataupun jawatankuasa yang telah pun diwujudkan yang terdiri daripada pihak-pihak yang berkaitan khususnya daripada PDRM, Jabatan Kastam juga daripada KPDRNHEP untuk kita melihat kepada perkara itu dan ia akan ditangani dengan melihat kepada aduan yang dibuat *on the case to case basis*. So, ia adalah satu perkara yang luas. Saya setuju *once we're going into full digital*, kita ada Internet dan sebagainya *this will become problem but the ministry is looking into it*, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa sebanyak dua juta dekoder telah pun diagihkan. Memandangkan penerima BR1M adalah lebih kurang 4.1 juta, so apakah usaha daripada pihak kementerian untuk mengedarkan dekoder sebanyak lebih kurang dua juta unit lagi kepada golongan ini dan sama ada ia akan melibatkan perbelanjaan ataupun peruntukan tambahan kepada kementerian.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Yang Berhormat. Kita telah pun mengambil langkah di mana kita pastikan bahawa setakat mana yang boleh, kita boleh edarkan dekoder supaya semua dapat menikmati faedah yang dibawa melalui dekoder dan *of course* perkhidmatan MyTV ini. Menurut angka yang kita ada seperti mana saya sebut tadi, lebih kurang dua juta *decoder* telah pun diagihkan dan ini adalah juga termasuk dalam golongan B40 Tuan Yang di-Pertua. *I have the exact figure with me*, saya akan berikan kepada Yang Berhormat secara bertulis dan juga dalam

peratusan yang mana pengagihan ini telah pun merangkumi *group* ataupun golongan-golongan yang tertentu, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

3. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah pencapaian Syarikat Prasarana dalam meningkatkan "*ridership*" pengangkutan awam di Lembah Klang sejak pelaksanaan pas pengangkutan awam My100 dan My50 pada Januari 2019 yang lepas dan bilakah program My100 dan My50 diperluaskan ke Pulau Pinang untuk memberi manfaat kepada semua pengguna bas Rapid Penang, Rapid Ferry (Butterworth-Georgetown) dan penumpang keretapi KTM Komuter Utara.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, selamat pagi. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bendera, pas pengangkutan awam bulanan tanpa had, My100 dan My50 di Lembah Klang yang telah dilancarkan pada 1 Disember 2018 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan efektif untuk digunakan bermula 1 Januari 2019.

Pelaksanaan dasar ini adalah untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, meringankan kos sara hidup rakyat dan yang paling penting menunaikan janji Manifesto Pakatan Harapan PRU ke-14. Sambutan orang awam terhadap program MY100 iaitu pas bulanan tanpa had untuk bas Rapid KL, BRT Sunway, Rel Rapid KL termasuk LRT, MRT dan monorel adalah sangat menggalakkan.

■1020

Setakat 29 Mac 2019, pas My100 telah dilanggan dan memberikan manfaat kepada 121,303 orang pengguna unit ataupun *unit users*. Pada bulan Mac, langganan My100 adalah sebanyak 87,349 dan dijangka akan terus meningkat pada bulan yang akan datang.

Untuk makluman Dewan, daripada jumlah pengguna My100 tersebut, 36 peratus adalah kaum lelaki manakala 64 peratus adalah wanita. Dari segi pecahan negeri kelahiran, pengguna yang berasal dari Kuala Lumpur dan Selangor adalah sebanyak 44 peratus, negeri Perak 11 peratus, Johor tujuh peratus, Kelantan enam peratus dan Pulau Pinang sebanyak empat peratus dan selebihnya 3,400 orang. Program ini banyak memberikan manfaat kepada anak-anak muda berasal dari seluruh Malaysia yang bekerja ataupun yang menetap di Lembah Klang.

Dari segi peningkatan, trend peningkatan jumlah penumpang atau *ridership* untuk bulan Januari dan Februari 2019, jumlah bilangan penumpang rel adalah 35,602,076 orang berbanding dengan 32,550,383 orang bagi tempoh yang sama bagi tahun 2018. Suatu peningkatan sebanyak sembilan peratus. Kenaikan tertinggi adalah untuk laluan MRT Sungai Buloh-Kajang Light, sebanyak 33 peratus bagi tempoh yang dinyatakan.

Untuk makluman Dewan, seperti yang diumumkan pada 8 Januari 2019 yang lepas, program pas pengangkutan awam tanpa had My50 akan diperluaskan ke Pulau Pinang, merangkumi seluruh rangkaian bas Rapid Penang yang mempunyai 71 laluan dan juga perkhidmatan Rapid Feri antara Butterworth dan Georgetown. Buat masa sekarang, Prasarana menawarkan pas bulanan tanpa had RM75 di Pulau Pinang dengan pelanggan sebanyak lebih

kurang 1,500 orang sahaja. Dari *ridership*, jumlah penumpang Rapid Penang bagi tahun 2018 ialah 30 juta orang untuk tempoh dua bulan pertama tahun 2019, bilangan penumpang yang dicatatkan oleh Rapid Penang ialah 4.5 juta orang. Maka, pelaksanaan program My50 di Pulau Pinang adalah satu langkah penting untuk merangsang penggunaan pengangkutan awam di Pulau Pinang.

Kerja persiapan Program My50 oleh Prasarana sedang giat dijalankan. Apabila dilancarkan pada bulan Julai 2019, Program My50 Penang dijangka akan dapat memberikan penjimatan dan kesenangan kepada ribuan pengguna pengangkutan awam dengan tambahan opsyen baru aplikasi *mobile apps* serta *cashless e-wallet* yang lebih maju dan memudahkan orang ramai, terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan saya dengar angka-angka ini sangat memberangsangkan. Saya ucapkan syabas kepada Kementerian Pengangkutan. Tadi saya mendengar juga jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Rapid Penang iaitu mempunyai 71 laluan dan saya menjangkakan *ridership* akan melonjak apabila Program My100 dan Program My50 diperluaskan ke Pulau Pinang. Soalan saya, apakah rancangan Prasarana untuk memperbanyakkan lagi bas-bas, sejajar dengan lonjakan *ridership* yang kita jangkakan, itulah soalan saya.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya hendak memperbetulkan Yang Berhormat Bendera bahawa apa yang akan dilancarkan di Pulau Pinang hanyalah My50, ia tidak melibatkan My100 sebab di Pulau Pinang setakat ini belum ada lagi LRT ataupun monorel di Pulau Pinang, maka ia hanya melibatkan bas dan juga feri sahaja. Ia tidak termasuk untuk KTM komuter sebab KTM komuter bukan dalam satu kawasan atau satu negeri sahaja, ia merangkumi beberapa buah negeri, maka jarak itu adalah sangat jauh dan sistem *ticketing* untuk KTM komuter ia berlainan dengan Rapid. Maka apa yang akan dilancarkan hanyalah untuk My50 untuk bas dan juga untuk feri.

Untuk laluan-laluan, kita akan melihat kepada trend penggunaan. Apabila ada peningkatan trend penggunaan, maka laluan-laluan itu akan ditambah dari semasa ke semasa, terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan ini kepada negeri lain dalam perkhidmatan My50 ataupun My100. Mungkin negeri-negeri yang ada infra yang sesuai, minta penjelasan.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Memang kita ada perancangan untuk memperluaskan ke negeri-negeri yang lain, tetapi tertakluk kepada kemudahan dan juga infrastruktur yang ada. Walaupun negeri-negeri lain setakat ini belum lagi ada program seperti My50 ataupun My100 ini, tetapi kebanyakan negeri terutamanya di Semenanjung Malaysia mendapat subsidi dari segi ISBSF untuk bas-bas berhenti-henti termasuklah di negeri Kelantan.

Akan tetapi, memang kita ada perancangan untuk melihat bagaimana kita memperkenalkan pas bulanan ini ke setiap negeri tetapi ia akan secara berfasa-fasa. Terima kasih.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah perbezaan kaedah atau mekanisme pelaksanaan inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-KeeP) berbanding Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) dan berapakah jumlah sasaran pelaksanaan i-KeeP ini menjelang tahun 2020.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Apa beza KR1M dan i-KeeP. Maksud i-KeeP, Inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna. Bezanya adalah kerajaan terdahulu melantik sebuah pasar raya sebagai pengendali. Tugas pasar raya ini menyiapkan premis perniagaan, dia bina atau dia sewa kemudian kerajaan akan bayar. Kemudian pasar raya pengendali ini akan memasukkan 3,000 jenis barangan pengguna dalam itu. Mereka berjaya sehingga 177 buah Kedai Rakyat 1 Malaysia, di mana kerajaan mengeluarkan dana sebesar RM300 juta. Modal itu cuma bertahan setakat enam tahun, kemudian tidak dapat diteruskan kerana beberapa masalah.

Kerajaan sekarang melakukan sedikit pengubahsuaian. Tujuan dan objektif untuk memperbanyakkan kedai yang menjual barangan pada harga yang berpatutan itu kekal, tetapi kami melantik enam pemain dalam sektor industri runcit yang sudah *establish*, tidak ada peruntukan oleh kerajaan tetapi kita meminta syarikat runcit yang bekerjasama dengan kerajaan untuk memasukkan 197 jenis barangan yang kita tentukan. SKU nya. Barangan lain itu syarikat runcit yang terlibat dia hendak masukkan barangan dia, silakan. Akan tetapi 197 jenis barangan keperluan harian yang kita buat melalui kajian bahawa apabila rakyat berbelanja, mesti masuk dalam troli dia, tidak lari daripada 197 barangan keperluan ini.

Jadi, hari ini baru empat bulan kita lancarkan, kita sudah wujudkan 304 buah kedai di seluruh negara. Pada tahun ini, kita berhasrat hendak tambah lagi sebanyak 100 buah, menjelang tahun 2020, kita sasarkan sebanyak 500 lagi kedai melalui inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna ini. Di dalam empat bulan ini Tuan Yang di-Pertua, hampir kesemua kedai i-KeeP ini melaporkan peningkatan *volume* jualan mereka dan keupayaannya adalah kerana dia mengekalkan harga bagi 197 item pengguna ini di antara kadar dua peratus hingga 20 peratus lebih murah daripada kedai biasa. Terima kasih.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, kita prihatin tentang keadaan program ataupun Kedai Rakyat 1 Malaysia ini. So, mengapakah Kedai Rakyat 1 Malaysia ini ditamatkan sebenarnya dan apakah punca utama kegagalan program tersebut serta apakah jaminan kerajaan bahawa inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna (i-KeeP) ini tidak mengalami nasib yang sama seperti Kedai Rakyat 1 Malaysia.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Benar, kita belajar sedikit sebanyak kelemahan daripada model asal Kedai Rakyat 1 Malaysia ini, yang paling ketara adalah:

- (i) kos operasinya sangat tinggi;
- (ii) pemilihan lokasi itu dibuat tidak berasaskan kepada merit perniagaan, kadang-kadang dia letak di satu lokasi yang jumlah penduduk tidak ramai; dan
- (iii) kita tengok adalah kos logistik yang sangat tinggi, sebab apabila pengendali tunggal, dia hendak hantar barangan keperluan di 177 Kedai Rakyat 1 Malaysia itu, dia terpaksa tanggung kos logistik yang sangat tinggi dan kesannya adalah model itu tidak *sustainable* dan itu mengakibatkan kerugian.

■ 1030

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyebut bahawa tanggungjawab kerajaan bukan hanya mewujudkan kedai-kedai yang murah dan bersaing dengan kedai-kedai yang dibina oleh rakyat. Saya fikir ini mekanisme yang tidak kena. Tanggungjawab kerajaan ialah memastikan semua barangan dijual dengan harga yang murah. Persoalan saya ialah, daripada 197 jenis barangan yang dipastikan murah di kedai-kedai diwujudkan sebanyak 304 tadi, apakah mekanisme yang kerajaan boleh buat supaya seluruh rakyat dapat harga barangan murah bukan hanya kedai-kedai tertentu dan mengelakkan persaingan kerajaan berniaga dan bersaing dengan rakyat biasa. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih. Topik kita adalah tentang KR1M dan juga i-KeeP, jadi Yang Berhormat Kubang Kerian bangkitkan perkara yang lebih luas tetapi saya respons juga. Peserta i-KeeP ini pemain termasuklah Koperasi Permodalan FELDA Malaysia, koperasi orang Melayu Kerajaan Perak ini bukan kerajaan berniaga. Kerajaan lantik syarikat runcit, koperasi yang rakyat juga mereka ini. Mereka berniaga, kerajaan fasilitet sahaja dalam kes i-KeeP ini bukan kerajaan terlibat dalam perniagaan. Apabila koperasi orang Melayu Kerajaan Perak, Koperasi Permodalan FELDA, Syarikat KK Mart dan sebagainya ini mereka merupakan pemain industri runcit yang sudah *establish* kerajaan fasilitet.

Pertama, pastikan bekalan mencukupi. Kedua, dapatkan dari pembekal yang mesti memberi harga rendah itu peranan kerajaan. Sebab itu kita dapat jual pada harga yang rendah, buktinya volum jualan daripada syarikat i-KeeP ini meningkat ada yang sampai 40 peratus saya fikir itu fungsi kerajaan dan kita tidak terlibat dalam perniagaan runcit saya mohon betulkan Yang Berhormat Kubang Kerian. Terima kasih.

2. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah yang dilakukan bagi menghapuskan sisa plastik import dari kilang haram yang dilihat menjejaskan alam sekitar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat di atas soalan yang ingin bertanyakan bagaimana menghapuskan sisa plastik import daripada kilang haram. Walaupun kawasan Tumpat bukanlah kawasan tumpuan yang ada isu-isu mengenai kilang plastik dan juga pengimportan plastik. Namun

demikian untuk pengetahuan Ahli Dewan yang lain, KPKT bertanggungjawab dari segi memberikan lesen kepada plastik import yang bersih yang mana diproses dalam negara dan di eksport balik dalam bentuk *resins* dan *pallets* yang ini mendatangkan hasil kepada negara.

Akan tetapi, kehadiran kilang-kilang haram yang disebutkan dan banyak *viral* dalam sosial media, itu bukanlah kilang-kilang diberikan lesen oleh KPKT. So, jadi setiap serbuan yang kita buat termasuk serbuan bersepadu bersama agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk TNB, Jabatan Alam Sekitar, SYABAS dan juga Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Jadi setakat ini, KPKT yang memimpin untuk menyerbu kilang-kilang haram ini telah mengeluarkan notis seperti di Kuala Langat. Kita telah mengeluarkan notis dan membuat dakwaan kepada mereka dan lima syarikat telah dibawa ke mahkamah dan mereka telah didenda dan dipenjarakan.

Kalau diikutkan, dia punya maksimum denda adalah untuk di bawah *Environmental Quality Act* denda maksimum adalah RM100,000 dan penjara tidak lebih dari dua tahun. Kalau untuk *fluence* perindustrian *chemical-chemical* yang keluar yang dilepaskan di sungai dan di perairan, denda maksimum adalah RM100,000 dan penjara tidak lebih daripada lima tahun. So jadi kalau tentang kilang-kilang haram ini, KPKT juga mengarahkan untuk kerajaan negeri melalui PBT masing-masing selain daripada kilang-kilang yang diberikan AP yang dikeluarkan diluluskan oleh KPKT yang lain adalah dianggap sebagai kilang haram. Jadi PBT di kawasan masing-masing diarahkan untuk menutup kilang-kilang ini dan menyaman mereka. Terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas keprihatinan dan memahami akan masalah yang kita hadapi di Tumpat dan saya mengharapkan kebaikan budi Yang Berhormat Menteri dapat membantu di Tumpat sama ada dari segi peruntukkan dan juga apa-apa sahaja infra untuk menyelesaikan masalah di Tumpat ini.

Soalan tambahan saya ialah kita memahami bahawa kerajaan pernah mengenakan larangan pengimportan sisa plastik pada tahun 2007 meliputi plastik di bawah kod SH39.15 dan di bawah Jadual 1, Bahagian I Larangan Mengimport Perintah 1998 Akta Kastam 1967. Soalan saya adakah pengharaman import sisa plastik yang diumumkan kerajaan ini termasuk plastik bersih di bawah kod SH39.01 sehingga 39.14.

Kedua selepas kita melihat suburnya kilang-kilang haram yang mengimport sisa plastik apakah kerajaan berhasrat untuk mengharamkan terus pengimportan sisa plastik dari negara luar serta tidak meletakkan satu jangka masa atau tempoh tamat. Sekian.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Untuk masa ke depan *the way forward* untuk pengendalian plastik import yang bersih ini yang saya kata tadi mendatangkan hasil kepada negara, kita *insya-Allah* dalam masa dua tahun ini KPKT akan memusatkan kerja-kerja *recycling* ataupun kerja-kerja *processing* plastik import ini agar untuk mudah kita memantau dan untuk mudah untuk kita berurusan dengan mereka. Jadi selain daripada kilang-kilang plastik yang terletak di dalam kawasan *waste park* ini yang akan kita buat dalam masa dua tahun ini, untuk kerajaan negeri harus memusatkan semua di kawasan *waste park* ini. Selain daripada luar daripada kawasan ini, akan dianggap sebagai kilang-kilang haram jadi ini memudahkan kita menguruskannya.

Dari segi bawah kod SH39.15 ini yang kita benarkan adalah 39.06 yang mana itu adalah sisa plastik import yang bersih tadi saya kata, yang kita proses menjadikan *pallets* dan juga *resins* untuk kita eksport yang lain daripada itu tidak. KPKT bekerjasama dengan ketat bersama dengan Jabatan Kastam untuk memastikan setiap kali *container* yang masuk, ketika ini agar diperiksa lebih teliti agar tidak sahaja dia *take for granted* bahawa plastik itu adalah plastik yang dibenarkan untuk kita import. KPKT juga melalui SWCorp meletakkan pegawai-pegawai kita untuk pastikan bahawa plastik-plastik (*rubbish*) ini yang kotor ini tidak masuk dalam negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Taiping untuk kemukakan soalan tambahan kedua.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah pendirian KPKT terhadap pemberian lesen operasi sisa plastik import oleh pihak PBT? Yang mana negeri Kedah telah mengumumkan bahawa tiada lesen sebegini akan dikeluarkan, apakah status untuk negeri-negeri lain. Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Memang peringkat negeri tidak mengeluarkan lesen *approve AP* untuk plastik import. Negeri *has no rights to issue that AP* ia diluluskan di bawah KPKT jadi bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara di bawah KPKT. So, jadi mereka harus membuat permohonan kepada KPKT dan ada 18 syarat baharu kita kenakan dan mereka harus mematuhi syarat-syarat itu dan KPKT juga telah mengetatkan lagi syarat-syarat ini dengan buat lawatan tapak ke semua syarikat-syarikat yang memohon AP daripada KPKT.

Jadi untuk kerajaan negeri untuk bertindak tidak membenarkan kilang plastik sama ada diluluskan KPKT tidak, terpulang kepada PBT masing-masing kerana lesen tapak itu dikeluarkan oleh PBT dalam kerajaan negeri. So, itu jawapannya. Terima kasih.

3. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah kedudukan akta-akta seperti Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017 (POCA), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) dan Akta Pencegahan Keganasan (POTA); dan
- (b) adakah Kerajaan akan memansuhkan akta-akta berkenaan seperti yang dijanjikan sebelum ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Beluran. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kajian Undang-undang dan Jawatankuasa Teknikal bagi mengkaji ke semua enam akta yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri yang di pengurusan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.

Di antara akta-akta yang disebutkan ialah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA), Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), Akta Hasutan 1984, Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA) dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (AMCP).

Selain jabatan kerajaan seperti Peguam Negara dan Polis Diraja Malaysia, kedua-dua jawatankuasa ini turut dianggotai wakil Badan Peguam Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), pengamal undang-undang dan juga ahli akademik.

■1040

Melalui beberapa siri mesyuarat dan bengkel yang telah diadakan, ahli kedua-dua jawatankuasa berkenaan telah membangkitkan pelbagai isu dan pandangan berkenaan dengan akta-akta tersebut seperti tempoh tahanan, kuasa polis dan ruang untuk semakan kehakiman ataupun *judicial review*, dengan izin. Buat masa ini, Kementerian Dalam Negeri sedang meneliti kesemua isu dan pandangan yang dikemukakan oleh kedua-dua jawatankuasa tersebut. Seterusnya, Kementerian Dalam Negeri akan mengemukakan syor berkenaan, undang-undang berkenaan kepada Jemaah Menteri untuk diputuskan sebagai keputusan dasar.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Daripada penjelasan yang diberi oleh pihak Yang Berhormat Menteri, jelas menunjukkan bahawa kerajaan belum bercadang untuk memansuhkan akta yang dinyatakan ini. Tentu sekali saya ingin tahu apa pindaan-pindaan yang diperlukan untuk menambah baik akta ini supaya dilihat ia lebih sesuai untuk dilaksanakan di negara ini.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil maklum tentang janji Pakatan Harapan dalam pilihan raya yang lepas. Akan tetapi kita selaku kerajaan ini, kita berpegang kepada bilamana kita ingin menggubal ataupun meminda ataupun memansuhkan sesuatu akta, biarlah ia dilakukan secara teliti supaya kita tidak kelihatan sebagai, apabila berlaku *flip-flop* di sana. Jadi, biarlah bilamana kita buat itu, biarlah dengan kajian yang terperinci dan kita mengambil pandangan semua pihak.

Saya bagi contoh. Contohnya, SOSMA dan juga APA. KDN bersama PDRM dan Jabatan Peguam Negara telah menyediakan draf undang-undang bagi pindaan SOSMA dan APA ini. Tertakluk kepada persetujuan Jemaah Menteri, kedua-dua rang undang-undang ini dicadangkan untuk dibentangkan dengan harapan pada Parlimen sesi ini. Akan tetapi mungkin masa tidak cukup untuk kita sebab kajian dan perincian ini masih belum, kita akan cuba untuk bawa pada sesi yang akan datang. Demikian juga POCA dan POTA.

Jadi maknanya di sini Tuan Yang di-Pertua, kita cuba untuk melihat akta-akta ini kerana janji kita. Kita tidak ingin ada akta yang bersifat *draconian*, akta yang disalahgunakan untuk kepentingan politik. Oleh sebab itulah kita di peringkat kementerian, kita melihat semua aspek ini, mengambil pandangan semua pihak dan dengan harapan agar semua akta yang telah saya sebutkan tadi, *insya-Allah* kita akan bentang dan putus di Dewan yang mulia ini nanti.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya, sementara kajian-kajian dibuat, ada juga perbezaan pendapat antara Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dengan Yang Berhormat Menteri Undang-undang, yang mengatakan bahawa Akta Hasutan ini kalau Yang Berhormat Menteri Undang-undang kata, tidak boleh ditangkap, disiasat di bawah Akta Hasutan tetapi Yang Berhormat Menteri KDN kata diteruskan untuk disiasat dan diambil tindakan. Soalan

saya, di bawah lima atau enam akta yang telah disebut Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah bilangan yang telah ditangkap dan disiasat di bawah akta-akta yang berkenaan? Terutama sekali Akta Hasutan dan juga Akta Perhimpunan Aman. Terima kasih.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini soalan melibatkan angka, saya minta untuk saya jawab secara bertulis. Cuma apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, ini menunjukkan bahawa perlunya ada satu kajian. Oleh kerana ada perbezaan pendapat di antara kementerian dengan kementerian yang lain dan badan-badan tertentu. Oleh sebab itulah, kita walaupun sebab itu saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, lebih baik kita buat secara tertib. Biar lambat, asalkan keputusan yang bakal kita gubal kelak ia satu keputusan yang tepat dan tidak berlaku *flip-flop*.

Kita tidak mahu setelah kita gubal atau mansuh dan akhirnya kita merasakan silap kita gubal dan kita kena buat balik lagi. Jadi, kita tidak mahu perkara seumpama itu berlaku. Makanya, kajian secara terperinci akan kita lakukan dan *insya-Allah* ia akan dibawa ke Dewan yang mulia ini untuk kita bahaskan nanti. *Insya-Allah*.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat perkara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebagai soal keadilan. Apabila kita sebut tentang undang-undang begini, kita memegang kukuh kepada prinsip bahawa semua perlukan pembelaan dan perlukan perbicaraan. Masalah kita dengan undang-undang begini, terutamanya undang-undang POCA dan POTA secara khusus, tidak memberi ruang pembelaan kepada mereka yang ditahan. Kita tidak menggadaikan keselamatan negara tetapi pada masa yang sama, kita kena tegakkan soal keadilan. Jadi, apakah sikap kerajaan dalam memastikan dalam pada kita melaksanakan kajian kepada undang-undang ini, kita mengambil kira soal keadilan kepada mereka yang teraniaya ataupun ditahan di bawah undang-undang tersebut?

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih sekali lagi kepada soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, itu yang saya sebutkan tadi. Kita kena mengambil pandangan semua pihak, terutama sekali pihak polis. Pihak polis ini apabila ia mahu menyiasat sesuatu kes, lagi-lagi bilamana suatu kes yang melibatkan sindiket bukan hanya berada di dalam negara kita tetapi sindiket yang mungkin beroperasi di peringkat antarabangsa. So, faktor masa di sana ada. Oleh sebab itulah, dalam sesuatu kes itu ia memakan masa yang panjang bagi pihak polis untuk menyiasat satu-satu perkara. Oleh sebab itulah, kita mengambil semua idea dan pandangan-pandangan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, 4 April 2019, satu mesyuarat dan perbincangan dengan AG, PDRM dan Kementerian Dalam Negeri untuk melihat seksyen-seksyen, *section by section* dalam Akta POCA dan POTA, contohnya. Oleh sebab itu, maknanya kita— *we go deep into the details of every aspects of these* akta. Itulah kita minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, beri kita masa untuk kita membuat kajian secara terperinci. Jangan bimbang, setelah pindaan ataupun pemansuhan kita bawa ke dalam Dewan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat akan dengar apakah jenis pindaan ataupun item-item yang akan kita cadangkan nanti. Sekian, terima kasih.

4. **Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut]** minta Menteri Kesihatan menyatakan status terkini ke atas usaha menaik taraf Hospital Besut sebagai hospital pakar, sebagaimana diumumkan oleh pihak kerajaan pada Ogos tahun lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang dalam usaha Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjadikan Hospital Besut sebagai sebuah hospital berpakar. Dalam usaha tersebut, melalui inisiatif hospital kluster, Hospital Besut telah menerima perkhidmatan pakar tetap dari Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu sebagai *lead hospital* di dalam bidang perubatan am dan juga bidang pembedahan am.

Kementerian juga menetapkan seorang doktor pakar residen dalam bidang psikiatri di Hospital Besut. Di samping itu, melalui hospital kluster, hospital ini juga menerima perkhidmatan lawatan pakar secara berkala di dalam 13 bidang kepakaran dan subkepakaran iaitu dalam bidang oftalmologi, obstetrik dan ginekologi, pediatrik, otorinolaringologi, radiologi, ortopedik, kardiologi, anesthesiologi, hematologi, reumatologi, nefrologi, *respiratori medicine* dan juga *rehabilitasi medicine*.

Hospital Besut juga telah diluluskan peruntukan sebanyak RM6.65 juta untuk menaik taraf wad kebergantungan tinggi ataupun *high dependency ward* serta perolehan peralatan perubatan dan bukan perubatan sebagai satu langkah untuk menjadikan Hospital Besut sebagai sebuah hospital berpakar. Kementerian memang sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan perubatan yang diberikan. Sekian.

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Kementerian Kesihatan yang telah menaiktarafkan Hospital Besut sebagai hospital pakar dan juga memberi peruntukan sebanyak RM6.65 juta untuk menaik taraf DBW dan juga peralatan perubatan. Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih daripada orang kampung Besut pada hari ini dan mereka ingin bertanya lagi, bila doktor-doktor pakar pinjaman itu dapat digazet sebagai doktor kekal? Juga diharap penaiktarafan infrastruktur yang sudah lebih 40 tahun itu dapat dipertingkatkan. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye: Seperti mana yang saya terangkan tadi, buat sementara waktu doktor pakar daripada perubatan am dan pembedahan am memang bertempat daripada hospital di Kuala Terengganu. Mereka ambil giliran bertugas di Hospital Besut. Terpulanglah kepada jawatan dan juga *availability* dari segi sumber manusia. Memang cadangan daripada kementerian untuk menetapkan pakar residen dalam beberapa bidang untuk Hospital Besut. Jadi kita harap penetapan pakar tersebut boleh dijalankan pada masa yang terdekat. Sekian.

■1050

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri— sejauh manakah hospital kluster yang telah diwujudkan sejak 2014 ini betul-betul membantu mengurangkan beban kerajaan, menjimatkan kos, mengoptimumkan tenaga kepakaran dan juga katil dan betul-betul membantu dapat menyelamatkan nyawa manusia yang datang daripada hospital daerah ini. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih. Ini berkenaan dengan Hospital kluster dan memang saya boleh rumuskan bahawa hampir setengah daripada hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan telah dimasukkan sebagai hospital kluster di mana hospital negeri ataupun hospital pakar *major* dijadikan sebagai *lead hospital* dan hospital tanpa pakar ataupun hospital *minor* akan jadi sebahagian daripada hospital kluster tersebut.

Sejak pelaksanaan Hospital kluster, di mana kita dapat mengoptimumkan penggunaan dari segi sumber dan katil di mana hospital yang tanpa pakar mendapatkan perkhidmatan pakar perubatan daripada hospital berpakar. Sementara waktu, apabila kekangan katil di hospital pakar dan hospital negeri menjadi satu masalah, kita dapat alihkan pesakit-pesakit itu daripada hospital negeri dan hospital pakar *major* ke hospital tanpa pakar. Jadi kita dapat berkongsi sumber dan optimumkan dari segi sumber manusia dan juga sumber lain seperti katil. Sekian.

5. Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah penjawat awam yang ditahan dan didakwa sepanjang 2018 kerana rasuah.

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Tanah Merah.

[Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Sabarlah! Jangan lah marah, relaks lah. Terima kasih juga kepada sahabat-sahabat yang belum menyeberang dan akan menyeberang pada masa akan datang.

[Dewan ketawa]

Jangan Jho Low lah. Untuk makluman Yang Berhormat Tanah Merah, jumlah tangkapan yang melibatkan penjawat awam yang terlibat dengan rasuah ini bagi tahun 2018 ini adalah seramai 418 orang. Dalam tempoh yang sama seramai 140 orang telah dituduh di mahkamah di bawah kesalahan-kesalahan di bawah bidang kuasa suruhanjaya. Kalau Yang Berhormat hendak detil saya ada dia punya— petang nanti kita boleh jumpa ya, kemudian. Terima kasih.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Wah, ringkas sahaja. Terima kasih sahabat saya daripada Yang Berhormat Sepang. Pada hemat saya, majoriti penjawat awam adalah amanah, dedikasi dan berintegriti. Namun kes nila setitik, rosak susu sebelanga. Jadi, dalam usaha untuk membanteras rasuah dalam kalangan agensi penguat kuasa, soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan bercadang untuk mengehadkan tempoh penempatan pegawai atau anggota tersebut di sesuatu daerah atau negeri ataupun di jawatan yang dipikulnya. Langkah tersebut adalah bertujuan untuk kita hendak elak mereka berasa selesa di sesuatu tempat sehingga mendedahkan mereka kepada gejala rasuah dan salah guna kuasa dan apakah langkah-langkah kerajaan seterusnya. Terima kasih

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Setakat ini Yang Berhormat, memang tidak ada satu keputusan bahawa seseorang pegawai itu kita hadkan masa mereka untuk bertugas di tempat-tempat tertentu. Untuk makluman Yang Berhormat, proses penempatan pegawai-pegawai ini, sama ada dipindahkan sesuatu tempat itu mengikut peraturan

yang sedia ada ini boleh dilakukan bila-bila masa. Ini bergantung kepada kesesuaian masa, kekosongan dan sebagainya. Jadi, saya rasa buat masa ini, tidak lagi ini— walaupun kita mengakui apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memang kadang-kadang ada dia punya kebenaran dan kewajaran dia. Akan tetapi, buat masa ini, kita masih lagi menganggap bahawa perkara yang kita lakukan sekarang ini sebenarnya tidak ada masalah dan kita rasanya kita boleh teruskan, kecuali kita rasa ada keadaan mendesak yang perlu kita lakukan perubahan. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada kerajaan yang terdahulu kita mewujudkan;

- (i) Unit Integriti setiap agensi;
- (ii) Jabatan Integriti dan Tadbir Urus (JITN);
- (iii) Makmal Khas NKRA Antirasuah;
- (iv) Institut Integriti Malaysia; dan
- (v) Ahli Jawatankuasa Khas Parlimen Menangani Rasuah (JKMR).

Setakat mana lima-lima perkara ini diteruskan dan keberkesanannya dalam kerajaan sekarang. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian. Saya pun pelik lah, banyak dibuat tetapi banyak juga rasuah masa zaman BN. Macam mana ya? Ada *something missing* Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya, walau bagaimanapun Yang Berhormat saya ingin tegaskan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Morally corrupted also* rasuah tau. *Morally corrupted, it is also is a worst* rasuah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, okey, relax, relax. *I have only 41 minutes.* *[Ketawa]* Relaks, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, tunggu giliran. Sabar, sabar.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Dia semenjak songkok tegak ini dia sudah berlagak sikit lah.

[Dewan ketawa]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, okey. *[Ketawa]*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jampi ini baru tahu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *[Ketawa]* Okey, Yang Berhormat Pontian saya rasa apa yang baik dibuat oleh kerajaan dahulu, kita tidak ada masalah untuk meneruskan. Kita ini bukan kerajaan yang tolak semua apa yang BN buat. Perkara yang baik kita teruskan. Perkara yang tidak baik kita jadikan sempadan, itu sahaja. Jadi, saya rasa Yang Berhormat tidak perlu takut lah ya. Kalau Yang Berhormat baik, Yang Berhormat tidak perlu takut— kalau Yang Berhormat tidak baik, Yang Berhormat kena takutlah. Sekian terima kasih.

[*Dewan ketawa*]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Bila pula saya kata saya takut. Apalah.

6. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan jumlah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang telah berjaya dianugerahkan pensijilan halal sejak pengumuman Bajet 2019 berkaitan RM100 juta dana untuk PKS bagi merencanakan sektor halal dan bagaimana kejayaan ini boleh memberi implikasi positif kepada industri halal.

Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Mohd Redzuan Yusof]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklum balas daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), untuk tempoh 1 November 2018 ke 28 Februari 2019, permohonan yang diterima untuk mendapatkan Pensijilan Halal Malaysia adalah sebanyak 3,298 buah syarikat dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,624 syarikat telah diberi pengesahan Pensijilan Halal Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan RM100 juta yang disediakan di bawah Belanjawan 2019 adalah diperuntukkan kepada Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk pelaksanaan Projek Pembangunan Hab Halal dan juga Program Pembangunan Industri Halal. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) tidak menerima peruntukan khas di bawah Belanjawan 2019 berhubung pembangunan industri halal. Namun begitu, MED telah melaksanakan beberapa program, beberapa inisiatif bagi membantu perkembangan industri halal di negara ini termasuk Program Peningkatan *Enterprise* Bumiputera (BEP), dengan izin bertujuan meningkatkan daya saing PKS bumiputera menerusi bantuan bersepadu yang meliputi pensijilan halal, khidmat nasihat, latihan dan sokongan kewangan.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama kerajaan negeri dan bantuan kewangan yang diberikan adalah dalam bentuk geran bersamaan, *matching grant*. Untuk tempoh 2014 sehingga 31 Januari 2019, sejumlah 1995 kelulusan telah diberikan melibatkan geran berjumlah RM189 juta. Kedua *Business Accelerator Program* (BAP) dengan izin, inisiatif yang dilaksanakan bagi membantu PKS memperkembangkan peniagaan dengan menyediakan bantuan bersepadu dalam bentuk penilaian syarikat, khidmat nasihat perniagaan, tambah baik aktiviti dan bantuan kewangan. Sebanyak 21 PKS telah berjaya memperoleh sijil halal melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM1.9 juta. Kita ada juga SDSI, dengan izin, Program *Showcase* Satu Daerah Satu Industri, di mana MED membawa program ini keluar bandar. Program SDSI ini lebih bersasar ke arah memasarkan produk halal PKS dan mikro PKS serta koperasi di peringkat daerah dan negeri ke pasaran yang lebih luas melalui sesi pepadanan perniagaan yang telah diadakan dengan syarikat peruncitan tempatan dan pasar raya besar.

■1100

Dua siri SDSI telah dilaksanakan setakat ini iaitu SDSI Perak pada 19 hingga 20 Januari 2019 dan juga di Terengganu pada 15 hingga 16 Februari 2019, melibatkan 96 usahawan di

Terengganu dan 52 usahawan di negeri Perak. Siri SDSA ini akan diteruskan ke negeri-negeri lain bagi membantu mempromosikan produk-produk IKS di setiap negeri yang melibatkan halal. Kita baru-baru ini pun telah berjaya, Ekspo Halal Malaysia 2019 dibuat julung kalinya pada bulan Januari lepas untuk mempromosikan barangan halal oleh PKS di Sukan Olimpik di Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali sebelum, ambil masa sedikit ya. MED telah juga dilantik baru-baru ini menganggotai Majlis Halal Malaysia yang akan bertanggungjawab untuk membangunkan usahawan yang berdaya saing dan berdaya maju dalam industri halal. Ini dilaksanakan oleh MED bersama dengan agensi lain seperti MEA, JAKIM dan lain-lain menerusi inisiatif yang telah digariskan di bawah kerangka kerja Pelan Induk Industri Halal.

Bagi merangsang perkembangan industri halal di negara ini, fokus MED adalah pembangunan sumber bahan utama dalam penghasilan produk-produk halal bagi meningkatkan pelbagai produk halal usahawan bumiputera. Antara inisiatif yang sedang diusahakan oleh MED ialah untuk menghasilkan industri pembuatan gelatin halal di Malaysia dengan penglibatan sektor swasta. Perbincangan awal telah diadakan dengan JAKIM dan beberapa negara pengeksport lembu terbesar bagi merealisasikan hasrat ini dengan kadar segera. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hairan kerana terdapat pelbagai kementerian lain yang mengawal dana ini sedangkan kementerian Yang Berhormat yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pembangunan PKS dan bumiputera dalam industri strategik terutamanya di dalam industri halal. Saya percaya Yang Berhormat juga maklum antara cabaran usahawan desa adalah kesukaran untuk mendapat sijil halal tersebut dan semestinya ia memerlukan peruntukan yang secukupnya dalam memperkasakan agenda ini.

Justeru, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat adalah, bagaimanakah kementerian Yang Berhormat melakukan koordinasi antara kementerian-kementerian seperti Yang Berhormat nyatakan tadi dalam jawapan Yang Berhormat, untuk merungkaikan masalah daripada segi koordinasi ini? Apakah inisiatif-inisiatif baharu yang lain selain daripada apa Yang Berhormat nyatakan tadi yang telah dirangka oleh kementerian untuk membantu usahawan kecil dan juga desa bagi meningkatkan penglibatan mereka dalam industri halal? Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan seperti yang kita maklum, baru diwujudkan dan antara dasar ataupun kerangka Dasar Keusahawanan Negara, nombor satunya, telah dipersetujui di peringkat Kabinet Jemaah Menteri segala bentuk PKS dan SME diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan.

Daripada situ kita telah memulakan contohnya tadi, saya selalu sebutkan kita sedang membuat satu rangka dipanggil *National Entrepreneurship Framework* (NEF) yang akan menjadi teras kepada Dasar Keusahawanan Negara. Dalam salah satu kerja kita, adalah untuk menyelaraskan segala bentuk keusahawanan melibatkan PKS di kementerian-kementerian lain. Jadi kita tidak mahu kementerian-kementerian yang ada aktiviti keusahawanan bekerja dalam silo.

Jadi antara fungsi utama kita adalah untuk menyelaraskan segala usaha melibatkan keusahawanan PKS.

Jadi kita sedang memperhalusi rancangan ini dan *insya-Allah* dalam masa terdekat iaitu minggu depan kita akan ada satu mesyuarat kita panggil NESDC yang mana kita akan memanggil semua kementerian untuk turut serta dalam satu majlis untuk memastikan kita berhala tuju. Kita bersasar yang melibatkan semua PKS termasuk juga dalam B40 di bandar ataupun di luar bandar. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan tahniah di atas usaha untuk membantu golongan PKS khususnya dalam pensijilan halal. Persoalan saya juga merujuk kepada koordinasi. Saya dengar tadi disebut tentang Majlis Halal Malaysia, maka kementerian yang lain ada memaklumkan bahawa menjelang 2019, bakal digubal sebuah Akta Majlis Halal Negara yang mana untuk agensi-agensi bawah JPM sahaja ada 342 semuanya. Mungkin Yang Berhormat boleh maklumkan perkembangan terkini tentang akta yang bakal digubal. Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Terima kasih. Kita baru sahaja bermesyuarat baru-baru ini, mesyuarat mengenai Majlis Halal dan saya sebutkan sekali lagi, kita sedang merangka satu rangka kerja yang mana setiap kementerian mempunyai skop-skop yang tertentu. Kita mahu JAKIM ini menjadi satu apex kepada pensijilan halal di peringkat antarabangsa. Antara perkara yang kita bincangkan pendekatan yang kita bawa adalah kita membawa JAKIM ini menjadi satu badan induk yang dipanggil, yang kita pernah dengar *international standards organization* yang mana kita boleh menjadikan JAKIM ini saya sebutkan sekali lagi sebagai apex kepada pensijilan barangan halal.

Hri ini kalau kita lihat, JAKIM cuma boleh diperkenalkan kepada negara-negara yang kita tertumpu untuk memasukkan barangan halal ke Malaysia. Akan tetapi kalau kita lihat di Argentina contohnya, kalau dia boleh menjual barangan halal di negara Islam yang lain tanpa JAKIM punya pensijilan tetapi di Malaysia, kita tidak boleh menjual barangan halal itu sebab tanpa JAKIM. Ini antara perkara-perkara yang kita sedang berbincang untuk memastikan JAKIM ini *is a very significant body*, yang boleh menjadi satu badan mensijilkan semua produk halal dikeluarkan di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

7. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] minta Menteri Pendidikan menyatakan status terkini kajian yang dijalankan dalam usaha untuk meningkatkan taraf sijil Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Apakah pelan tindakan segera yang telah dilaksanakan oleh ikementerian sejak awal tahun 2019.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia kepada Hari Kesedaran Autisme yang jatuh pada hari ini iaitu 2 April dan yang mana kita digalakkan berbaju biru sebagai bersoladarity bersama anak-anak autisme. Izinkan saya memetik kata-kata *coach* Elaine Hall berkaitan autisme

sebelum menjawab soalan, dengan izin, “*It takes a village to raise a child and it takes a child with autism to raise the consciousness of the village.*”

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah dan sedang berusaha mengemudi semula pandangan sarwa masyarakat terhadap kebolehan manusiawi itu sendiri. Manusia mempunyai bakat dan kebolehan yang berbeza berdasarkan lahiriah. Ada yang mempunyai kecenderungan dalam bidang akademik. Ada yang mempunyai kecenderungan dalam bidang sukan, kesenian dan sebagainya. TVET memberikan peluang kepada bidang selain akademik untuk menyumbang kepada negara dan juga kepada masyarakat manusiawi. Pencapaian akademik bukanlah kayu ukur tunggal dalam menentukan kejayaan seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Johor Bahru, hasil Laporan Interim Jawatankuasa Pemerksaan TVET yang disediakan pada awal bulan Januari 2019 telah mencadangkan beberapa inisiatif. Ada di antara inisiatif tersebut yang telah pun berjalan dan ada yang sedang berjalan dan ada yang akan dimulakan. Antara inisiatif yang telah diambil tindakan oleh KPM adalah seperti berikut.

Pertama, penubuhan jawatankuasa *taskforce* khas hala tuju kolej vokasional yang diketuai oleh “Muller Soncet” sebagai penasihat jawatankuasa *taskforce* dalam memberikan nasihat dan cadangan pemerksaan kolej vokasional terutamanya daripada aspek kualiti, pengiktirafan dan pentauliahn program daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan juga Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

Kedua, kelulusan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) pelaksanaan sistem jaminan kualiti tunggal pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional pada 30 Januari 2019. Buat julung kalinya dalam sejarah Malaysia kita ada sistem jaminan kualiti tunggal pendidikan TVET yang mana ia akan diguna pakai oleh MQA dan JPK dalam mengakreditasi program TVET yang ditawarkan oleh institusi TVET awam dan swasta berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Strategi ini membolehkan mobiliti pelajar antara semua institusi TVET di seluruh Malaysia.

Ketiga, perkongsian sumber pendidikan antara institusi TVET KPM bagi tujuan pengoptimuman sumber agar segala kelengkapan kepakaran boleh dikongsi bersama oleh semua institusi TVET.

Keempatnya, mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemerksaan TVET, Teknikal bersama semua kementerian penyedia TVET bagi membincangkan kaedah penyelesaian terhadap cadangan yang dikemukakan dan menerima maklum balas daripada kementerian, agensi dan industri yang hadir.

■1110

Kelimanya, *Premier TVET Talk* bersama industri akan diadakan pada 4 April 2019 bagi mendapatkan segala input dan pandangan daripada industri untuk memperkasakan TVET. Begitu juga yang terakhir mengadakan *Town Hall Meeting* dengan melibatkan semua pemegang taruh untuk mendapatkan input dan maklum balas berkaitan TVET Negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya menyambut baik dari segi dasarnya dari segi matlamatnya

kelihatan Kementerian Pendidikan mempunyai asas ataupun hala tuju dari segi pendidikan teknikal dan kita tahu juga pendidikan dari segi kemahiran ini dapat membantu golongan yang mungkin tidak cenderung kepada akademik.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah kerajaan bagi membantu golongan B40 melalui TVET ini yang mana bagi saya termasuk juga dari segi memberi keyakinan ataupun jaminan bahawa peluang pekerjaan mereka yang melalui TVET ini ada peluang yang baik dan juga saya rasa yang paling penting dalam soal lulus graduan TVET ini adalah dari segi gajinya agar gaji yang diterima oleh lulusan TVET ini adalah setimpal. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan jaminan pekerjaan kalau kita lihat kerajaan serius dalam mengadakan kerjasama dengan pihak industri demi memastikan graduan TVET mendapat tempat di dalam ruang pekerjaan. Begitu juga kita ingin memastikan kualiti kelulusan TVET yang kita tawarkan agar mereka boleh diterima oleh industri.

Berkaitan dengan B40 pula, untuk makluman Yang Berhormat Johor Bahru, kemasukan kesemua institusi TVET KPM, 80 peratus adalah terdiri daripada golongan B40. Begitu juga antara inisiatif lain yang dijalankan oleh KPM untuk golongan B40 di institusi TVET milik KPM yang pertamanya di kolej vokasional mereka dibiayai sepenuhnya oleh KPM.

Keduanya, elaun kepada pelajar kolej komuniti untuk yang layak sebanyak RM300 sebulan dan bersamaan dengan RM1,800 satu semester. Begitu juga kita menawarkan elaun kepada pelajar dari kaum India khususnya melalui Program Mengubah Destinasi Anak India Malaysia (MDAIM) yang layak di politeknik yang mana kita berikan sebanyak RM250 sebulan dan kita menggalakkan lebih ramai kaum India untuk menyertai politeknik dan kita kekurangan orang di sini.

Keempatnya, elaun bantuan kewangan OKU untuk para pelajar OKU yang belajar di mana-mana institusi TVET di bawah KPM dengan memberikan bantuan sebanyak RM500 ribu setahun kepada yang layak dan yang terakhir kita juga menawarkan pembiayaan kewangan kepada Orang Asli melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sebanyak RM6,000 setahun. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Tenggara.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Batang Sadong.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kita perhatikan TVET ini kebanyakan mereka yang berminat dalam TVET ini ialah mereka yang tidak berminat dalam bidang akademik. Itu satu program yang bagus. Cuma saya hendak tahu apakah fokus kerajaan sekarang dari segi mendesignkan, dengan izin designkan kursus-kursus yang ditumpukan oleh kerajaan supaya apabila mereka ini keluar menjadi graduan kepada TVET ini mereka boleh menepati pasaran bersama dengan hala tuju negara. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Batang Sadong yang bertanya. Saya kira saya telah menjawab soalan tersebut banyak kali di Dewan yang mulia ini, mungkin boleh merujuk semula kepada *Hansard* ataupun rakaman-rakaman jawapan terhadap isu TVET.

Cuma kita boleh buat kesimpulan di sini. Pertamanya kita memastikan usaha memperkasakan pendidikan TVET dilakukan secara bersepadu dan yang keduanya kita

melakukan kerjasama industri oleh semua institusi TVET di bawah KPM agar tidak berlaku *mismatch* dan kita mendapat input yang banyak daripada industri apa yang mereka perlukan dan bagaimana kita melihat peluang-peluang yang ada kepada industri untuk kita *supply* kepada mereka, dengan izin.

Ketiganya, kita juga mengadaptasi konsep *dual training programme* iaitu menghantarkan anak-anak didikan kita di institusi TVET untuk mendapat pengalaman industri dan seterusnya mereka diserapkan terus ke dalam industri.

Keempatnya, kita juga memastikan kualiti kurikulum, kualiti tenaga pengajar dan juga kualiti sijil. Dalam kes ini kita tidak akan berkompromi demi memastikan graduan TVET di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia akan mendapat tempat di alam pekerjaan. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ringkas mengapa elaun sara hidup..

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak payah baca soalan, soalan nombor 8.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mengapa elaun sara hidup, ini peserta FELCRA tunggu dengar ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak payah itu sudah dimaklumkan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mengapa elaun peserta FELCRA dipotong, soalan nombor 8.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, ikutlah peraturan mesyuarat. Orang lama pun tidak ikut mana boleh. Sila, Yang Berhormat Menteri.

8. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan mengapakah bantuan sara hidup peserta FELCRA dipotong.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Soalannya pendek, jawapannya panjang. Tuan Yang di-Pertua, pembiayaan sara hidup adalah merupakan pinjaman kepada peserta-peserta FELCRA bertujuan membantu perbelanjaan bulanan apabila projek mereka tidak mempunyai hasil semasa program tanam semula.

Pembiayaan sara hidup yang diterima oleh peserta-peserta ini diperolehi daripada dua sumber utama iaitu sumber tabungan peserta yang diperolehi daripada Tabung Tanam Semula (TTS), Bantuan Tanam Semula RISDA (BTSR) dan Bantuan MPOB. Kedua adalah sumber pinjaman daripada FELCRA di mana FELCRA menggunakan sumber dalamannya sendiri iaitu

pada kadar RM70 seekar sebulan selama empat tahun bagi tanaman sawit dan enam tahun bagi tanaman getah dalam bentuk pinjaman yang perlu dibayar balik oleh peserta.

Bermula bulan Ogos 2018, FELCRA telah mengambil langkah menanggungkan sementara pinjaman sara hidup kepada peserta-peserta disebabkan oleh kedudukan semasa kewangan syarikat yang lemah. Ini adalah ekoran kejatuhan harga komoditi dan cabaran isu legasi yang diwarisi daripada pengurusan terdahulu. Penanggungkan secara sementara ini hanyalah bagi pinjaman yang menggunakan sumber dalaman FELCRA sahaja manakala bayaran sara hidup yang menggunakan tabungan peserta seperti Bantuan Tanam Semula RISDA dibayar terus kepada peserta-peserta.

Memandangkan FELCRA kini berhadapan dengan keadaan kewangan yang sangat serius, maka FELCRA sentiasa berusaha keras untuk mendapatkan pinjaman daripada kerajaan atau institusi-institusi kewangan bagi membiayai pinjaman sara hidup. FELCRA yakin perkara ini akan dapat diselesaikan dalam masa terdekat. Lembaga Pengarah dan Pengurusan baru FELCRA yang dilantik dalam bulan Oktober 2018, telah menggariskan enam arah tuju strategik yang perlu dihayati dan difahami sepenuhnya oleh semua lapisan warga FELCRA iaitu:

- (i) meletakkan aras baharu entiti syarikat sebagai sebuah *social enterprise* berteraskan perladangan;
- (ii) memperkukuh operasi ladang dan kilang;
- (iii) menyemarakkan semangat kerja staf menerusi penerapan nilai-nilai *high performance*, integriti, disiplin dan tadbir urus berkesan;
- (iv) memperkasakan kepercayaan peserta dan masyarakat umum;
- (v) menambah baik sistem pengurusan standard *operating procedures* dengan izin manual dan automasi pejabat; dan
- (vi) menggembelng pasukan kerja baru berpaksikan pengurusan kanan dan pengurusan operasi.

Dengan usaha pelaksanaan ini, kami yakin ia akan dapat mengembalikan FELCRA Berhad kepada tujuan asalnya demi manfaat dan kesejahteraan peserta-peserta FELCRA. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, legasi kerajaan dahulu itu tidak betul. Kita dahulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Soalan, soalan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masa kita jaga FELCRA untung berbilion-bilion. [*Dewan riuh*]

Masa saya Pengerusi FELCRA, RM3 bilion untung. *You check the record* dan kita bagi sara hidup ini tetap, RM1,000 tiap-tiap bulan kita bagi. Kenapa sekarang menjadi masalah tertanggung, hutang kepada koperasi, hendak swastakan kerja persawahan kepada syarikat swasta, kenapa? *You* ada duit, kerajaan ada duit, hendak bina Aeroangkasa Hab di Kedah. Hendak buka *airport* baru di Kedah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kenapa ini yang *need-based people*...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: *[Pembesar suara dimatikan]* Yang Berhormat Pasir Salak masa sudah tamat, apa soalnya?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya tahu soalan..

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Ini ceramah ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagi ruang sedikit saya minta, Tuan Yang di-Pertua, bagi peluang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: *[Pembesar suara dimatikan]* Sekarang sesi soal jawab untuk mengemukakan soalan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: FELCRA, 96 persen peserta dia berumur 65 tahun ke atas kasihanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, apakah soalnya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Soalnya kenapa boleh buat yang lain-lain berbilion-bilion, kenapa peserta FELCRA yang miskin ini yang orang kampung ini tidak dibantu, orang tua-tua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, faham. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

■1120

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Seperti mana Yang Berhormat Pasir Salak, kami juga amat memahami keperluan peserta-peserta dan sebab itulah saya sebut tadi bahawa FELCRA sedang melakukan yang terbaik untuk memastikan bayaran ini dapat dibuat seberapa segera kepada peserta-peserta sekian, terima kasih.

Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan. Kalau saya mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, walaupun FELCRA satu ketika dahulu mempunyai wang tunai yang besar dalam akaunnya tetapi entah kenapa tiba-tiba wang tunai itu hilang, lesap dan sekarang menjadi berhutang pula lagi dan setahu saya juga ada projek di Jalan Semarak itu yang masih tertunggak RM500 juta. Adakah ini benar dan menjadi penyebab kenapa FELCRA tidak mampu untuk membayar balik Bantuan Sara Hidup ketika ini.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Bila kita bercakap tentang projek di Semarak, itu sebenarnya bukan dalam bidang asal atau matlamat asal tujuan FELCRA. Hendak buat bangunan menara dan sebagainya dan itulah antara menjadi salah satu punca kekangan kewangan kerana ia perlu dialihkan kepada projek tersebut. Itu hakikat kerana kewangan yang ada...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu bukan zaman saya Pengerusi FELCRA okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, peribahasa Melayu kata siapa makan cili dia baru rasa pedas. Yang Berhormat Menteri pun tidak rujuk kepada Pasir Salak. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Yang Berhormat Pasir Salak, saya tidak sebut pun Yang Berhormat Pasir Salak. Saya kata apa yang berlaku.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, terima kasih. *[Ketawa]*

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Jadi, itulah antara seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Jerlun apabila dilaburkan di dalam perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan asas penubuhan FELCRA itu sendiri dan inilah yang memberi kekangan kepada FELCRA dan pihak pengurusan baru juga telah membuat audit dalaman, audit forensik dan telah melaporkan beberapa kes pada SPRM berkaitan dengan isu-isu FELCRA, so, kita tunggu dan lihat insya-Allah sekian, terima kasih.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat menteri, saya merujuk kepada kajian-kajian penyelidik UMT dan juga UNISZA pada tahun 2015. Mereka mendapati program-program FELCRA seperti Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Bantuan Rumah (PBR) dan beberapa program-program pendidikan lainnya benar-banar mampu mengatasi masalah kemiskinan. Soalan saya, apakah langkah-langkah lain jangka panjang untuk mengeluarkan mereka daripada terus bergantung kepada bantuan sara hidup kerana kita cita-citakan mereka akhirnya terus berdikari, mampu membayar zakat dan mula memberi dari hanya menerima sahaja terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana saya sebut tadi program-program ini kerana kekangan kewangan, kebanyakan program yang diadakan perlu *ditrimkan* dengan izin, untuk memastikan aliran tunai FELCRA itu dapat diteruskan bagi memastikan *core business* dengan izin FELCRA itu dapat dilaksanakan dan tentang perkembangan atau tentang isu-isu berkaitan sosial ekonomi itu telah dilihat dan dikaji oleh pihak FELCRA dan sedang mencari kaedah yang terbaik untuk membantu peserta-peserta sekian, terima kasih.

9. Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta Perdana Menteri menyatakan kerajaan bercadang:-

- (a) artikel 10 Perlembagaan Persekutuan dipinda agar undang-undang anti lompat parti adalah dibenarkan ; dan
- (b) artikel 48(6) Perlembagaan Persekutuan dihapuskan supaya seseorang wakil rakyat tidak dilucut hak untuk bertanding semula di kawasanya selama lima tahun jikalau meletak jawatan sebagai wakil rakyat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat daripada Kota Kinabalu. Soalan berkaitan dengan undang-undang anti lompat.

Tuan Yang di-Pertua, hak untuk membentuk persatuan yang dijamin di bawah perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan turut merangkumi hak untuk menyertai atau tidak menyertai persatuan dan juga hak untuk meletak jawatan dalam sesuatu persatuan. Berdasarkan keputusan Mahkamah Agung dalam kes Dewan Undangan Negeri Kelantan dan yang lain lawan Nordin bin Salleh dan yang lain yang dilaporkan di bawah CLJ 1992, 1 CLJ muka surat (72), Mahkamah Persekutuan mengatakan bahawa peruntukan undang-undang mengenai larangan lompat parti merupakan sekatan kepada hak untuk membentuk kesatuan di bawah perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pada 16 Oktober 2018, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Menteri telah memberi jawapan lisan oleh Yang Berhormat Kepong dalam isu yang sama juga, akan tetapi sekiranya Yang Berhormat, oleh kerana Yang Berhormat membangkitkan sekiranya kerajaan berhasrat untuk membuat apa-apa undang-undang untuk menyekat tindakan melompat parti. Dari segi perundangan, undang-undang tersebut hendaklah dibuat oleh Parlimen ini. Ini kita akuih tetapi ia tertakluk kepada sekatan yang dibenarkan di bawah perenggan (c) Fasal (2) perkara 10 Perlembagaan seperti yang berikut iaitu kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan, Parlimen boleh melindungi dan mengenakan hak ke atas hak yang diberikan di perenggan (c) iaitu hak untuk berpersatuan.

Apa-apa sekatan yang didapati diperlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam ataupun prinsip moral. Walau bagaimanapun, sekiranya undang-undang larangan melompat parti dihasratkan untuk menghilangkan kelayakan seseorang Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Negeri dan kerusinya akan dikosongkan jika beliau melompat parti, undang-undang tersebut adalah tidak selaras dengan perkara 48 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen (6) Bahagian I, Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan kerana Fasal (1).....dan seksyen (6) Bahagian I Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan tindakan melompat parti atau menyebabkan sorang Ahli Parlimen hilang kelayakan untuk menjadi Ahli Parlimen.

Berhubung dengan cadangan untuk menghapuskan Fasal (6) perkara 48 Perlembagaan, fasal (6) telah pun dimansuhkan melalui Akta Perlembagaan Persekutuan Pindaan 1990. Semasa pembentangan pindaan tersebut di Dewan Rakyat pada 14 Mac 1990. Perdana Menteri pada masa itu telah menjelaskan tujuan pindaan tersebut adalah seperti berikut;

Tuan Yang di-Pertua pada masa ini tiada peruntukan yang menghalang seorang Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negeri meletakkan jawatan dan kemudiannya bertanding semula dalam pilihan raya yang diadakan bagi kerusi yang dikosongkan itu. Ketiadaan halangan ini memungkinkan seseorang Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negeri meletakkan jawatan atau bertanding semula bagi kerusi yang sama semata-mata untuk menguji ataupun membuktikan populariti dia.

Apabila ini dilakukan maka banyak masa, tenaga dan ruang yang terbuang sedangkan rakyat dan negara tidak mendapat apa-apa faedah daripadanya. Oleh yang demikian, apa-apa cadangan untuk menghapuskan Fasal (6) perkara 48 Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan satu perkara dasar yang perlu dipertimbangkan oleh kerajaan dengan berhati-hati dengan mengambil kira tujuan asal Fasal (6) Perlembagaan Persekutuan dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan, sekian, terima kasih.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Soalan tambahan saya begini. Saya rasa saya memang setuju dengan kebebasan seseorang untuk menyertai dalam persatuan tetapi kedaulatan rakyat untuk memilih sesiapa wakil untuk mereka juga harus dipentingkan dan prinsip akauntabiliti seseorang terpilih adalah amat penting dan bolehkah kerajaan membuat pertimbangan semula untuk perkara ini supaya ketiga-tiga faktor ini dapat diberikan keseimbangan sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat kerajaan menyedari bahawa di sana wujudnya hujah-hujah kenapa perlunya undang-undang anti lompat ini. Ini sebenarnya perkara yang telah pun dibincangkan secara panjang tetapi buat masa ini Yang Berhormat memang kita merasakan bahawa kita adalah tertakluk kepada keputusan Mahkamah Agung ketika itu tetapi Yang Berhormat dalam keadaan sekarang wujudnya kata orang itu *freedom of speech*. Saya rasa tidak ada mana-mana pihak boleh dilarang untuk menulis ataupun berbincang perkara ini dengan secara terbuka dan kita kerajaan sebagai kerajaan yang bertanggungjawab sedia mendengar apa-apa cadangan.

Sama ada kita bersedia atau tidak menerima cadangan itu, itu satu perkara lain tetapi kita memberi ruang untuk mana-mana pihak bercakap tentang soal ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya juga menyambung pesanan Menteri Pendidikan untuk meraikan Hari Awareness Autism sedunia 2 April jatuh pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri bahawa dalam kes yang disebut Yang Berhormat Timbalan Menteri Mahkamah Persekutuan di Kelantan. Isu di Kelantan. Tidakkah Mahkamah Persekutuan boleh mengkaji semula keputusan tersebut sebagaimana yang dilihat dalam kes Adorna Properties Sdn Bhd lawan Boonsom Boonyanit pada tahun 2000 dikaji semula oleh Mahkamah yang sama pada tahun 2010 dan keperluan pada anti lompat parti ini sangat ketara dengan pandangan-pandangan daripada Ahli Parlimen Pakatan Harapan sendiri demi kestabilan politik negara, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1130

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas. Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, mahkamah tidak boleh memutuskan sesuatu keputusan berdasarkan *in vacuum* ya. Dia mesti ada kes di depan mahkamah, baru mahkamah boleh memutuskan kes. Kecuali kalau tidak ada kes, macam kes Adorna itu, kes boleh bawa dan ada kes lain. Jadi kita boleh, mahkamah boleh putus kalau ada kes di hadapan mahkamah. Sekarang ini tidak ada satu apa-apa kes selain daripada kes yang saya sebut tadi itu yang membolehkan mahkamah membuat keputusan. Oleh yang demikian saya harap kalau sekiranya

Yang Berhormat merasakan keputusan Mahkamah Agung itu hendak dicabar, mungkin Yang Berhormat boleh fikirkanlah bagaimana untuk pergi ke mahkamah dan sebagainya. Itu terserah kepada mana-mana pihaklah.

Buat masa ini tidak ada kes yang boleh mahkamah *decide*. *We cannot decide in vacuum*. Sekian, terima kasih.

10. Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta Menteri Pengangkutan menyatakan justifikasi dasar tiada tawaran diskaun terhadap mana-mana notis kompaun yang dikeluarkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa bersama dengan soalan nombor 14 pada hari ini yang dibawa oleh Yang Berhormat Kuala Krai kerana menyentuh isu yang sama. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Boleh, sila.

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Jabatan Pengangkutan Jalan telah menetapkan dasar bahawa semua notis saman yang dikeluarkan oleh JPJ terhadap mana-mana kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang boleh dikompaun adalah tidak boleh dikurangkan atau diskaun berdasarkan pegangan prinsip-prinsip berikut.

- (i) setiap orang kena saman (OKS) yang melakukan kesalahan lalu lintas atau melanggar Akta Pengangkutan Jalan 1987 hendaklah bertanggungjawab terhadap kesalahan yang dilakukan;
- (ii) mendidik pengguna jalan raya supaya tidak melakukan kesalahan lalu lintas berulang dan mematuhi setiap undang-undang yang berkuat kuasa untuk mengurangkan kemalangan jalan raya; dan
- (iii) memberikan tawaran diskaun terhadap notis saman akan melahirkan pengguna jalan raya yang tidak takut untuk melakukan kesalahan jalan raya dan negara kita akan gagal membentuk budaya penggunaan jalan raya yang sopan dan menghormati undang-undang.

Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan keputusan kerajaan untuk mengambil alih operasi sistem AWAS, beberapa langkah telah diambil untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan. Perkara pertama adalah menetapkan dasar bahawa tiada sebarang pengurangan kadar kompaun akan diberikan ke atas sebarang notis saman yang dikeluarkan kepada orang yang kena saman (OKS). Seterusnya di dalam setiap notis saman yang dikeluarkan, tarikh kehadiran ke mahkamah akan terus ditetapkan. Namun begitu dalam setiap notis sama yang dikeluarkan, OKS juga akan diberikan tawaran kompaun sebanyak RM300 sekiranya OKS memilih untuk mengaku bersalah dan memilih untuk menerima tawaran kompaun tersebut.

OKS akan diberi tempoh selama 60 hari untuk berbuat demikian. Sekiranya OKS tidak mengaku bersalah dan memilih untuk dibicarakan, OKS bolehlah hadir ke mahkamah pada tarikh yang telah dinyatakan di dalam notis saman tersebut dan membentangkan kesnya di mahkamah. Jika OKS tidak menerima tawaran kompaun seterusnya gagal hadir ke mahkamah seperti yang dikehendaki, tindakan senarai hitam akan diambil dan OKS akan dihalang daripada melakukan apa jua transaksi serta urus niaga dengan JPJ sehingga kes diselesaikan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat bulan Februari 2019, sebanyak 55,202 kes notis saman telah dirujuk ke mahkamah dan sebanyak 55,133 kes telah disenarai hitam kerana kegagalan OKS untuk hadir di mahkamah bagi menjawab pertuduhan ke atasnya berhubung notis saman AWAS.

Berkenaan dengan kajian keberkesanan AWAS, analisis MIROS menggunakan data kemalangan dari PDRM dan Lembaga Lebuhraya Malaysia menunjukkan terdapat pengurangan 25 peratus kes kemalangan di 21 lokasi kamera had laju AWAS di lebuhraya pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 sebelum kamera beroperasi. Selain itu impak pelaksanaan di enam lokasi rintis menunjukkan kadar kepatuhan yang tinggi bagi had laju iaitu 95 peratus berbanding sebelumnya 63 peratus. Bagi empat lokasi rintis lampu isyarat yang dipasang kamera AWAS pula, kadar pematuhan lampu isyarat juga telah meningkat ke 98 peratus. Akhir sekali kerajaan pada masa ini belum mempunyai cadangan untuk mengkaji semula kadar tawaran kompaun yang telah ditetapkan bagi kesalahan direkodkan menerusi sistem AWAS iaitu RM300.

Walau bagaimanapun tertakluk kepada keperluan di masa hadapan, kerajaan sentiasa terbuka untuk mengkaji semula kadar kompaun ini bagi memastikan penguatkuasaan yang berkesan demi mendidik semua pengguna jalan raya supaya memandu dengan berhemah dan mengutamakan keselamatan jalan raya. Terima kasih.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalen Chepa]: Terima kasih pada Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut unjuran bilangan pemegang lesen memandu tahun 2016 hingga 2020, sebanyak 16.37 juta pemegang lesen. Soalan saya adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan kurikulum yang ada di sekolah-sekolah memandu untuk melahirkan pemandu yang berhemah dan seterusnya akan mengurangkan statistik saman JPJ.

Tuan Loke Siew Fook: Ya terima kasih. Memang kurikulum sentiasa dikaji dari semasa ke semasa untuk memastikan supaya kurikulum itu relevan dan supaya unsur-unsur keselamatan jalan raya terus diterapkan dan dititikberatkan. Memang kita sedang mengkaji bagaimana untuk menambah baik dari segi sistem pembelajaran dan kurikulum itu termasuklah kita hendak memperkenalkan juga *e-testing* kepada pelajar-pelajar supaya mereka dapat belajar dan juga menjalani ujian memandu itu dalam keadaan yang lebih berintegriti dan juga supaya setiap langkah itu dapat kita tambah baik dan kita mengharapkan supaya langkah-langkah ini dapat, yang paling utama melahirkan golongan pemandu yang berhemah di atas jalan raya. Terima kasih.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sejak 1 September sehingga 8 November sebanyak

60,444 saman dikeluarkan AWAS. Namun hanya 1,711 saman yang membayarnya. Ianya sudah tentu memberi kesan kepada pengguna untuk memperbaharui lesen kenderaan dan juga cukai jalan. Soalan saya ialah berapa bilangan pemegang lesen yang tidak memperbaharui lesen dan juga cukai jalan akibat tidak membayar saman AWAS tersebut dan berapakah kesan kepada kantung kerajaan akibat pengguna tidak membayar lesen dan cukai jalan tersebut? Yang kedua ialah selain daripada pendekatan saman AWAS ini, apakah mekanisme dan juga pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan dalam mengurangkan kemalangan jalan raya khususnya melalui *road map*, Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014-2020. Adakah pelan ini akan diteruskan ataupun ditambah baik? Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook: Terima kasih Yang Berhormat. Terlebih dahulu statistik berapa orang yang tidak dapat memperbaharui lesen mereka belum dapat diberikan kerana walaupun kita senarai hitamkan tetapi mungkin orang itu, tempoh *road tax* dia belum tamat lagi. Jadi dia mungkin dia boleh, masih kenderaannya boleh berjalan di atas jalan raya kerana *road tax* nya belum tamat tempoh lagi. Akan tetapi memang kita telah mengambil langkah kalau mereka tidak hadir ke mahkamah, maka nama itu akan disenaraihitamkan dan apabila tamat tempohnya lesen atau *road tax* nya, dia tidak boleh transaksi, tidak boleh memperbaharui *road tax* mereka di JPJ. Itu yang telah kita laksanakan.

Cuma dari segi berapa jumlah itu, tidak dapat diberikan kepada Yang Berhormat pada ketika ini. Berkenaan dengan langkah-langkah lain, memang kita tahu bahawa keselamatan jalan raya ini kita tidak boleh bergantung kepada satu langkah sahaja. Langkah kamera AWAS ini adalah antara satu, antara langkah yang diambil tetapi bukannya satu-satunya langkah. Memang ada pelbagai pendekatan akan terus diambil dan apa-apa yang dirancang sebelum ini untuk menambah baik keselamatan jalan raya akan kita teruskan, termasuklah memperbaiki dan juga meningkatkan kualiti jalan raya terutamanya di jalan-jalan persekutuan di seluruh negara. Terima kasih.

11. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan statistik kes-kes penculikan kanak-kanak di negara kita sejak 10 tahun yang lalu. Berapakah kes penculikan kanak-kanak yang telah ditangkap dan diselesaikan setakat ini?

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia memandang serius kes penculikan yang berlaku, sama ada melibatkan kanak-kanak atau orang dewasa kerana boleh menimbulkan kebimbangan dan keresahan kepada masyarakat dan memberi kesan kepada maruah negara apabila melibatkan penculikan terhadap warga negara asing yang melancong atau menetap di negara ini.

Justeru itu Polis Diraja Malaysia mempunyai cawangan dan operasi yang khusus yang digelar Ops Scorpion dengan izin untuk mengendalikan sebarang kes penculikan yang berlaku dalam negara kita. Kes penculikan terutamanya kes untuk tebusan bukan saja menyebabkan

nyawa mangsa terancam tetapi boleh juga menyebabkan trauma yang berpanjangan kepada mangsa dan juga ahli keluarga yang terlibat.

Dalam menangani kes seumpama ini, ia memerlukan perancangan yang teliti dan penuh kesabaran bagi menentukan mangsa tidak dcederakan atau dibunuh oleh penculik. Berkaitan pertanyaan tentang statistik kes penculikan untuk tebusan melibatkan kanak-kanak yang diklasifikasikan di bawah seksyen 3, Akta Culik, Akta 365, sepanjang 10 tahun bagi tahun 2008 sehingga 2018 adalah sebanyak 33 kes.

■1140

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 27 kes telah berjaya diselesaikan dengan tangkapan seramai 90 orang. Kementerian Dalam Negeri menasihatkan orang ramai agar menutup segala ruang dan peluang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah dengan mengambil langkah pencegahan seperti tidak membenarkan anak-anak mereka untuk bergerak atau bermain bersendirian atau bercakap dengan orang yang tidak dikenali ketika berada di luar rumah. Sentiasa mengingatkan anak-anak tentang keselamatan diri dan tindakan-tindakan yang perlu diambil jika berlaku keadaan kecemasan.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terima baik jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Isu penculikan kanak-kanak sering kali dikaitkan dengan pengambilan organ seperti mana yang berlaku di beberapa negara seperti India, Thailand dan sebagainya.

Untuk maklumat Dewan yang mulia, di Amerika Syarikat sehingga Mac 2019 terdapat lebih kurang 113,000 orang pesakit yang menunggu untuk penggantian organ. Fenomena ini berlaku di seluruh dunia. Saya hendak tahu sama ada, ada tak kes-kes penculikan kanak-kanak di negara ini yang ada kena mengena dengan kes pengambilan organ dan kalau ada, bagaimanakah KDN mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan tadi. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memandang serius terhadap dakwaan yang dibuat oleh sesetengah pihak mengenai wujudnya kegiatan penculikan kanak-kanak untuk tujuan pengambilan organ.

Untuk makluman, kes atau isu ini pernah dijawab oleh Yang Berhormat Santubong kalau saya tidak silap sewaktu beliau menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri. Jawapan yang sama kita berikan di mana banyak berlaku di negara kita ini kes-kes di mana ia diviralkan melalui media sosial. Jadi bila mana ia diviralkan melalui media sosial, kadang-kadang ada kes-kes, video ataupun gambar itu sebenarnya bukan pun berlaku di Malaysia.

Ia berlaku di luar negara, diviralkan gambar-gambar itu dalam negara kita dan rakyat kita seolah-olah percaya itu berlaku dalam negara. *In fact*, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya sekali pernah juga terkena bila mana saya tengok ada kes penderaan kanak-kanak. Saya ingat ia betul-betul berlaku di Malaysia tetapi apabila cek, saya minta pegawai PDRM *check*, rupanya ia berlaku di Indonesia.

Jadi ini yang berlaku sebenarnya. Apa yang berlaku kita nasihatkan kepada orang ramai jangan mudah terpengaruh dengan media, isu-isu yang disebarkan melalui media sosial. Ingin saya jelaskan di sini bahawa pemindahan organ ini, ia memerlukan kepakaran. Bukan seorang tetapi pelbagai kepakaran. Pakar jantung, pakar darah, pakar saraf dan sebagainya. Ia juga memerlukan peralatan yang canggih untuk membuat pemindahan.

Selain daripada itu, organ-organ ini juga Tuan Yang di-Pertua, sedikit masa lagi ia apabila dikeluarkan daripada tubuh manusia itu untuk dimasukkan ke dalam tubuh seorang lagi, ia ada tempoh masa. Kalau lebih daripada masa itu, organ ini tidak akan boleh diguna pakai. Jadi ianya memerlukan proses yang cukup kompleks. Jadi oleh sebab itu, sebenarnya isu yang mengatakan bahawa ianya banyak kes-kes berlaku, itu tidak betul. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Ya, ya. Terima kasih. Isu berkaitan dengan penculikan kanak-kanak ini juga viral di Terengganu beberapa bulan yang lalu dan menggusarkan banyak ibu bapa terutama sekali di sekolah. Bagaimana langkah kementerian sebab saya difahamkan ada di kalangan ibu bapa mengadu anak-anak didekati oleh individu yang tidak dikenali yang mengajak naik kenderaan mereka.

Jadi, bagaimana langkah yang boleh diambil oleh polis untuk barangkali ditempatkan di sekolah untuk menjaga keselamatan anak-anak terutama sekali ketika balik sekolah. Ini terutamanya anak-anak yang lewat ibu bapa ambil balik sekolah ini. Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil serius tentang isu-isu khususnya yang melibatkan penculikan ini juga di antaranya. Antara langkah yang kita ambil sejak tahun 2010, NUR Alert iaitu NUR yang memberi makna singkatan kepada *National Urgent Response* telah ditubuhkan sebagai sistem amaran awal kehilangan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah yang dianggotai oleh 37 petugas daripada pelbagai kementerian. Ini termasuk jugalah ada terlibat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebenarnya.

Sekali lagi saya sebut bahawa pihak polis sentiasa memantau tentang perkara ini. Oleh sebab itu saya sebutkan tadi, tanggungjawab untuk menjaga keselamatan anak-anak kita ini perlulah diambil berat oleh ibu bapa mereka. *Of course*, kerajaan sentiasa memantau dari segi keselamatan tetapi kalau ada kerjasama daripada ibu bapa untuk menasihatkan anak-anak mereka, *I think that the best solution* yang ada kerana kalau kita jaga anak kita, kita pastikan keselamatan mereka, *I'm quite sure* kita boleh mengelakkan kes-kes seumpama Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi.

Jadi, sekali lagi saya ulang Polis Diraja Malaysia akan sentiasa memantau keadaan-keadaan atau laporan-laporan yang mengatakan bahawa wujud sindiket-sindiket ataupun kes-kes penculikan. Oleh sebab itulah sistem seperti NUR Alert ini kita tubuhkan. Sekian, terima kasih.

12. Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta Menteri Pendidikan menyatakan status terkini projek pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang dimulakan sejak 2016 dan dijangka siap pada 2020 sedangkan setakat Julai tahun lalu dilaporkan ia baru siap 25% sahaja.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengambil perhatian Dewan untuk mengalu-alukan kedatangan para pelawat yang terdiri daripada pegawai-pegawai PPD Kuala Langat dan juga Majlis Guru Besar Kuala Langat. *[Tepuk]*

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil peluang untuk memanggil Dewan bersama-sama mendoakan kesembuhan Yang Berhormat Rusila yang juga Presiden PAS yang telah dikejarkan ke IJN pada pagi tadi. Semoga Allah Taala mengurniakan kesembuhan yang segera untuk beliau.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin telah diluluskan di bawah projek baru Rolling Plan 3, Rancangan Malaysia Kesepuluh. Projek ini meliputi skop pembinaan sebuah hospital pengajar baru dengan kapasiti 200 katil mengikut piawai dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan kos sebanyak RM345 juta.

Sehingga 21 Mac 2019, status kemajuan kerja-kerja fizikal bagi pembinaan hospital tersebut telah mencapai 40.37 peratus. Projek ini juga berada di hadapan daripada jadual yang telah ditetapkan, *a head from schedule*. Projek ini dijangka siap pada bulan Mei 2020 dan gambar terkini pembangunan projek tersebut akan boleh dilihat oleh Ahli Dewan, oleh Yang Berhormat dan semua rakyat Malaysia di sosial media saya dan sosial media Kementerian Pendidikan selepas jawapan diberikan ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman, Tuan Guru Presiden menjalankan rutin tahunan untuk *check* di IJN sahaja, bukan dikejarkan ke IJN. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang prihatin kepada presiden kami.

Soalan saya, projek ini memang hasrat tinggi rakyat Kuala Nerus kerana ia bermula tahun 2012 lagi dan tertangguh perancangan untuk disiapkan. Kalau kita lihat jadual dalam kenyataan saya sebelum ini ialah pada tahun 2017, kemudian tahun 2018, sekarang tahun 2019. Cuma saya ingin tahu, apa punca-punca kelewatan kalau kita lihat walaupun jadualnya asal tahun 2018 pergi tahun 2019 dan dijangka siap bulan Mei tetapi beza pada bulan Julai 20 *percent* sahaja. Tahun lepas dan sekarang 40 *percent*. Saya bimbang kita tidak dapat mencapai jangkaan yang kita harapkan. Jadi apa masalah yang timbul daripada projek ini. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sebagai rakyat Malaysia sentiasa peka dan prihatin terhadap satu sama lain. Sebagai seorang Muslim, saya rasa tanggungjawab saya untuk mendoakan kesembuhan bagi Presiden PAS. Berbalik kepada soalan Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat bertanyakan kepada saya perkembangan yang perlahan daripada tahun 2012 sehingga ke tahun lepas. Saya bukanlah Menteri Pendidikan di waktu itu. Soalan tersebut boleh ditanyakan kepada Menteri Pendidikan waktu itu yang duduk di sana.

Akan tetapi yang saya boleh jawab ialah mewakili kerajaan hari ini iaitu Yang Berhormat juga telah menyatakan angka kelewatan yang begitu besar tetapi dalam tempoh kurang daripada

satu tahun kita telah mencapai 40 lebih persen. [Tepuk] Jaminan saya, *insya-Allah* pada Mei 2020, ia akan disiapkan. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan ini berkaitan dengan kelewatan pada Julai tahun lepas. Sekarang 2 April 2019. Bolehkah pihak kementerian dalam hal begini menasihati Ahli Parlimen supaya sama ada tidak dijawab dalam Dewan, bertulis ataupun menasihati Ahli Parlimen berkenaan untuk kemas kini soalan. Kalau tidak, oleh kerana soalan ini agak *out of date*, Yang Berhormat Menteri sebut tadi awal daripada jadual.

■1150

Soalannya lewat. Jadi kenapa begitu, kerana soalan ini penghujung Julai 2018. Sebenarnya sekarang dah April. Jadi, boleh tidak masa depan, dari segi peraturan kita adakan perundingan dua pihak supaya hal begini tidak berlaku lagi dalam Parlimen. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan tersebut lebih berupa kepada nasihat dan saya harap Yang Berhormat Kuala Nerus dapat mengambil maklum. Walaupun Yang Berhormat Kuala Nerus membawa perkembangan pada bulan Julai...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya boleh jawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Jeli tadi itu. Akan tetapi masa tidak sesuai.

Dr. Maszlee bin Malik: Tidak apa. Soalan ditanyakan kepada saya bukan kepada Yang Berhormat Kuala Nerus. Jadi, yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Kuala Nerus ialah berkaitan Julai 2018 dan tanggungjawab saya untuk memberikan perkembangan terakhir iaitu pada waktu kini pada Mac 2019. Apa pun kita berikan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus kerana prihatin terhadap pembangunan tersebut dan itulah tugas pembangkang untuk memerhatikan dan memastikan kami berada di landasan yang benar dan kami melakukan kerja. Tugas kami pula adalah untuk memberitahu berita gembira bahawa kami melakukan kerja *ahead on track*. Terima kasih.

13. **Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan "*standard operating procedure*" (SOP) yang diikuti oleh pihak pengurusan lebuhraya di dalam menangani kes kemalangan di lebuhraya. Secara purata, berapa lama kah waktu yang diperlukan untuk memastikan aliran trafik kembali normal?

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Saya mengucapkan terima kasih setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Kuala Kedah yang meminta penjelasan mengenai *standard operating procedure* (SOP) yang diikuti oleh pihak pengurusan lebuhraya dalam menangani kes kemalangan di lebuhraya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sangat prihatin terhadap isu kesesakan di lebuhraya, khususnya disebabkan oleh insiden seperti kemalangan, kerosakan kenderaan, kecemasan dan lain-lainnya. Pihak syarikat konsesi lebuhraya mempunyai

SOP di dalam menangani kemalangan yang berlaku di lebuhraya. Ianya adalah berdasarkan *Emergency Response Plan* (ERP) dengan izin, Pelan Tindakan Kecemasan.

Selain itu syarikat konsesi lebuhraya juga mempunyai garis panduan dan petunjuk prestasi perkhidmatan ronda dan prosedur tetap operasi pengendalian objek terjatuh dari kenderaan di lebuhraya di dalam menangani perkara berkaitan kemalangan yang berlaku di lebuhraya. Secara amnya Tuan Yang di-Pertua, tempoh maklum balas, *response time* dengan izin bagi pihak peronda untuk sampai ke lokasi atau tempat kejadian setelah menerima maklumat adalah 15 minit.

Agensi kecemasan seperti pihak polis, ambulans serta bomba juga akan dihubungi oleh pihak konsesi. Bergantung kepada tahap kecemasan sesuatu insiden yang terbabit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masa yang diambil untuk lebuhraya kembali normal selepas kemalangan adalah bergantung kepada jumlah trafik semasa dan tahap keseriusan kemalangan. Sekiranya hanya melibatkan kecederaan ringan dan tahap kerosakan kenderaan yang minimum, masa untuk aliran trafik kembali normal kebiasaannya cepat iaitu biasanya kurang dari 20 minit.

Namun demikian sekiranya melibatkan kecederaan maut atau parah dan kemalangan melibatkan kenderaan berat, masa yang diambil adalah agak lama sehingga lebih dari dua atau tiga jam. Ini juga bergantung kepada kehadiran pegawai penyiasat daripada PDRM sekiranya berlaku kemalangan maut. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, kesedaran kepada pengguna akan diberikan dari semasa ke semasa bagi memaklumkan mengenai kepentingan lorong kecemasan serta supaya kenderaan tidak diletakkan di lorong berkenaan agar bantuan segera dapat diberikan sekiranya terdapat kejadian kemalangan dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]*

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sangat menghargai apa yang saya lihat dilakukan di lebuhraya. Namun, perlu saya sebut di sini bahawa secara amnya pada pengalaman saya yang kerap menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan, satu kemalangan biasanya menyebabkan kesan yang berpanjangan pada kenderaan ketika sesak sehingga kadang-kadang kelewatannya sehingga satu jam. Sehingga satu jam. Kalau tiga kemalangan boleh bayangkan masa yang habis.

Khusus untuk Lebuhraya Utara-Selatan banyak kemalangan yang rumit dan mengambil masa panjang untuk ditangani ialah di sekitar terowong Menora, antara Kuala Kangsar dan Ipoh. Cuma soalan saya ialah apakah ada satu SOP khusus untuk terowong sedemikian? Oleh kerana kalau terperangkap dan banyak kenderaan terperangkap dalam terowong, ia boleh menyebabkan orang ramai panik, sesak nafas dan menjadi rempuhan dan lain-lain lagi. Seperti berlaku pada tahun 2014 sampai separuh hari, kenderaan tidak dapat menggunakan terowong demikian. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon nanti pegawai-pegawai saya akan menyiapkan jawapan bertulis soal SOP ini pada terowong. Saya fikir tentu ada, tetapi saya tidak ada maklumat di tangan saya sekarang. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Berhubung dengan isu yang sama lebuhraya. Saya ingin membangkitkan tentang Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2). Berlaku banyak kemalangan maut di laluan kecemasan. Jadi, saya dapati LPT2 ini, dia punya laluan kecemasan terlalu kecil. Bukan terlalu kecil, mungkin mengikut seperti mana garis panduan tetapi dia selepas daripada laluan kecemasan, dia terus pagar besi di situ. Jadi, menyebabkan bila kereta rosak, jadi kereta diletakkan di laluan kecemasan, dia tidak ada tempat lain untuk dia dan menyebabkan penumpang menunggu di situ, berlaku beberapa kemalangan maut ketika mereka menunggu di laluan kecemasan. Di mana lori datang, terus hentam. Minta supaya diperhatikan.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* saya ambil maklum. *Noted* tentang apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

15. Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) cadangan menambah baik kemudahan prasarana di Hospital Hulu Terengganu khasnya menukar peralatan rawatan yang berusia lebih 25 tahun; dan
- (b) cadangan meningkat bilangan doktor pakar atau MO (*medical officer*) yang bekerja luar waktu bekerja biasa (*on call*) ekoran bilangan pesakit yang semakin bertambah dari hari ke hari.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengambil berat tentang keperluan, kelengkapan dan peranti perubatan di semua hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM2,379,613 untuk penggantian alat-alat perubatan di Hospital Hulu Terengganu dari tahun 2014 sehingga tahun 2018 bagi menggantikan serta menaik taraf kemudahan peralatan perubatan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan mengikut peredaran teknologi terkini. Ini termasuklah peralatan *general radiography*, *CT scan*, *ultrasound*, mesin hemodialisis, katil pesakit, *patient monitor*, *defibrillator* dan beberapa alat perubatan lain lagi.

Peralatan-peralatan perubatan di *facility* kesihatan akan sentiasa diganti dan dinaiktarafkan dari semasa ke semasa, bergantung kepada keperluan dan kemampuan kewangan semasa. Bagi menampung peningkatan jumlah pesakit yang hadir, kementerian telah membenarkan pegawai perubatan menjalankan *locum* di zon hijau Jabatan Kecemasan bagi hospital yang memenuhi kriteria serta memperkenalkan perkhidmatan *extended hours* di klinik kesihatan.

■1200

Kementerian prihatin dan sentiasa memantapkan usaha bagi meningkatkan lagi bilangan pakar dan pegawai perubatan untuk menjamin penyampaian perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada rakyat. Antara usaha yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) mewujudkan jawatan baharu bagi pegawai perubatan pakar secara tukar ganti, mengambil kira keperluan perkhidmatan dan fasiliti sedia ada serta tidak melibatkan implikasi kewangan tambahan;
- (ii) peningkatan slot tajaan biasiswa hadiah latihan persekutuan untuk program sarjana kepakaran dari 800 slot bagi tahun sebelumnya kepada 1,000 slot mulai tahun 2015;
- (iii) menggalakkan untuk mendapatkan kepakaran dengan mengikuti program laluan *parallel*;
- (iv) melantik semula pegawai perubatan pakar yang telah tamat kontrak untuk berkhidmat dengan kementerian mengikut keperluan;
- (v) melantik semula secara kontrak pegawai perubatan pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan kementerian mengikut keperluan;
- (vi) mendapatkan perkhidmatan kepakaran dari pihak swasta untuk berkhidmat secara *seasonal*; dan
- (vii) menggalakkan pegawai perubatan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Sekian. Terima kasih.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan pertama tambahan saya ialah walaupun dikatakan bahawa kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.379 juta untuk Hulu Terengganu tapi masih lagi ada peralatan-peralatan yang telah *obsolete*, yang *outdated* dan perlu ditukarkan seperti mesin *ultrasound*, *body freezer* dan sebagainya. Apa pandangan ataupun tindakan kerajaan untuk memastikan ia dapat mencukupi dan memenuhi kehendak pelanggan di Hulu Terengganu? Keduanya, isu berkaitan dengan bangunan ini telah lebih 25 tahun. Masalah pendawaian elektrik. Kita bimbang kalau ia tidak diselai mungkin kebakaran sebagaimana yang berlaku di hospital tiga tahun lalu mungkin akan terjadi di Hulu Terengganu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih. Ini ada dua bahagian. Bahagian pertama, berkenaan dengan kemudahan dan peralatan. Memang kementerian selalu mengganti alat-alat yang *obsolete* dan kebetulan *ultrasound* memang dalam senarai yang kita akan ganti kerana *ultrasound* yang sedia ada telah lama. Kedua, berkenaan dengan keadaan bekalan elektrik akibat daripada kebakaran di Hospital Sultanah Aminah sebelum ini. Memang peruntukan khas telah diberikan untuk kita mempertingkatkan ataupun mengkaji semula kedudukan bekalan elektrik di seluruh negara supaya ia tidak menjadi satu risiko kepada kebakaran yang akan datang. Program tersebut berjalan secara berperingkat dan mungkin ambil sedikit masa dan juga perlukan peruntukan yang khusus untuk kita selesaikan masalah tersebut. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan itu tamatlah sesi soal jawab lisan.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan Tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.03 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan di peringkat dasar dan diputuskan bacaan kali kedua Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 3 April 2019”.

Tuan Yang di-Pertua: Menyokong?

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2018) 2019

Bacaan Kali Yang Kedua

12.05 tgh.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama “Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu” dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran tambahan perbelanjaan mengurus pertama 2018 ini dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Belanjawan 2018 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Di bawah Perkara 103 pula, tiap-tiap jumlah wang yang didahulukan daripada Kumpulan Wang

Luar Jangka bagi perbelanjaan yang telah dibuat hendaklah diganti dengan seberapa segera, juga melalui suatu Rang Undang-undang Perbekalan.

Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 2, rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM4,133.3 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut;

- (i) Sebanyak RM1,922.0 juta adalah untuk pindahan lebih daripada akaun Hasil Disatukan 2018 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindahan ini di caj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah maksud D(12) Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindahan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) dan bukan suatu perbelanjaan baharu tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2018 yang berjumlah RM56,095.5 juta. Bakinya adalah dibiayai melalui pinjaman.
- (ii) Sebanyak RM1,205.7 juta adalah bagi *me-recoup* semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka tahun 2018 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 tahun 2019.
- (iii) Sebanyak RM1,005.6 juta adalah merupakan peruntukan tambahan langsung kepada kementerian ataupun jabatan yang telah diberi kebenaran untuk berbelanja melebihi daripada peruntukan bagi membiayai perkara-perkara yang komited pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat di dalam anggaran perbelanjaan tambahan ini adalah seperti berikut;

- (i) Kementerian Kesihatan, sebanyak RM705.6 juta;
- (ii) Kementerian Dalam Negeri, sebanyak RM513.9 juta;
- (iii) Kementerian Pendidikan, sebanyak RM300 juta;
- (iv) Kementerian Pertahanan, sebanyak RM226.2 juta;
- (v) Jabatan Perdana Menteri, sebanyak RM215.4 juta;
- (vi) Suruhanjaya Pilihan Raya, sebanyak RM98.5 juta;
- (vii) Perbendaharaan, sebanyak RM76.3 juta;
- (viii) Kementerian Luar Negeri, sebanyak RM70.4 juta; dan
- (ix) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, sebanyak RM5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2018 adalah seperti dalam Penyata

Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1 Tahun 2019 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A Tahun 2019.

Sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2018.

■1210

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2018 yang dipohon adalah sebanyak RM15,485.4 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1,967.1 juta merupakan pendahuluan yang telah dikeluarkan daripada Simpanan Luar Jangka. Tuan Yang di-Pertua, anggaran tambahan diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan bagi maksud-maksud berikut:

- (i) sebanyak RM9,203.0 juta untuk Kementerian Kewangan;
- (ii) sebanyak RM1,970.4 juta untuk Kementerian Kerja Raya;
- (iii) sebanyak RM1,427.0 juta untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar;
- (iv) sebanyak RM1,400.0 juta untuk Kementerian Pengangkutan;
- (v) sebanyak RM876.4 juta untuk Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
- (vi) sebanyak RM417.5 juta untuk Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;
- (vii) sebanyak RM119.6 juta untuk Jabatan Perdana Menteri;
- (viii) sebanyak RM41.5 juta untuk Kementerian Pendidikan; dan
- (ix) sebanyak RM30.0 juta untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Selain daripada itu, anggaran tambahan ini juga mengandungi permohonan peruntukan tanda atau token sebanyak RM500 bagi beberapa kementerian. Peruntukan tanda ini adalah bagi mewujudkan butiran baharu untuk membolehkan pindah peruntukan dilakukan antara butiran.

Tuan Yang di-Pertua, penerangan dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2018 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2019 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A Tahun 2019.

Seperti mana yang sedia dimaklumkan, kerajaan telah mengkaji semula sasaran defisit pada tahun 2018 dari 2.8 peratus kepada 3.7 peratus. Sehubungan itu, walaupun kerajaan telah berusaha sebaik mungkin untuk mengurangkan kos dan menanggungkan perbelanjaan tidak kritikal, adalah tidak realistik untuk mencapai sasaran defisit 2.8 peratus pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan oleh komitmen perbelanjaan oleh kerajaan terdahulu yang tidak disediakan peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018 dan juga perbelanjaan khidmat hutang pembiayaan secara *off-balance sheet*.

Secara keseluruhan, perbelanjaan sebenar tahun 2018 bagi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak RM289 bilion berbanding RM280 bilion yang telah

diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018. Perlu ditegaskan bahawa peningkatan perbelanjaan sebanyak RM9 bilion adalah ekoran tindakan kerajaan terdahulu dan bukan disebabkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Berhubung peningkatan perbelanjaan tersebut, sebanyak RM6 bilion perlu disediakan untuk membiayai komitmen perbelanjaan yang dibuat oleh kerajaan terdahulu tetapi tanpa disediakan peruntukan. Komitmen tersebut termasuk pengambilalihan Lebuhraya Penguraian Trafik Timur (EDL) di Johor sebanyak RM1.4 bilion disebabkan keputusan kerajaan terdahulu untuk memansuhkan tol pada penghujung tahun 2017.

Di samping itu, pelbagai projek pembangunan sambungan tidak disediakan peruntukan yang mencukupi seperti Projek Landasan Berkembar di bawah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) sebanyak RM1 bilion. Penyediaan pinjaman mudah untuk lebuhraya sebanyak RM0.5 bilion dan projek pementasan sebanyak RM0.4 bilion. Selain itu, kerajaan terdahulu juga tidak menyediakan peruntukan mencukupi di bawah perbelanjaan mengurus walaupun ia merupakan bayaran kontraktual seperti perkhidmatan sokongan hospital sebanyak RM0.5 bilion, kontrak pembersihan dan keselamatan sekolah sebanyak RM0.3 bilion dan kontrak penyelenggaraan pesawat TUDM sebanyak RM100 juta.

Selain itu, bayaran khidmat hutang *off-balance sheet* juga memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM4 bilion. Ada pihak yang mendakwa kerajaan sekarang berbelanja lebih daripada kerajaan terdahulu dan menanggung defisit yang lebih tinggi. Hakikatnya, defisit belanjawan yang dicapai pada tahun-tahun sebelum ini tidak menggambarkan defisit sebenar.

Sebahagian daripada perbelanjaan kerajaan terdahulu disembunyikan melalui perbelanjaan yang dibiayai secara pinjaman *off-balance sheet*. Pinjaman tersebut tiada sumber untuk dibayar balik selain daripada kerajaan. Antara peruntukan yang diperlukan bagi bayaran khidmat hutang *off-balance sheet* adalah seperti bayaran *private finance initiative* (PFI) yang memerlukan tambahan sebanyak RM1.1 bilion dan bayaran khidmat hutang DanaInfra yang memerlukan tambahan sebanyak RM2.5 bilion.

Semasa tahun 2018 Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan telah membantu dengan bayaran kupon bon dan sukuk 1MDB sebanyak RM1.6 bilion tanpa melibatkan peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen kerana dibiayai daripada sumber *off-balance sheet*. Dalam Dewan yang mulia ini, ada pihak yang mengatakan bahawa 1MDB mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar balik pinjaman. Hakikat sebenarnya bukan sahaja tiada aset untuk memenuhi lebih daripada RM30 bilion pinjaman 1MDB, kos faedah pinjaman pun tidak dapat dibayar melalui pulangan daripada aset 1MDB. Anggaran Tambahan Perbelanjaan yang dibentangkan adalah berjumlah RM19.6 bilion.

Seperti yang dijelaskan, RM6.3 bilion merupakan komitmen kerajaan terdahulu yang tidak disediakan peruntukan dan RM4.3 bilion merupakan peruntukan tambahan yang diperlukan untuk bayaran khidmat hutang *off-balance sheet* yang dipinjam oleh kerajaan terdahulu. Baki sebanyak RM9 bilion pula bukan merupakan perbelanjaan tambahan, sebaliknya adalah pengklasifikasian semula perbelanjaan terutamanya perbelanjaan mengurus kepada perbelanjaan pembangunan.

Antaranya melibatkan pembiayaan pengajian pelajar di dalam dan di luar negeri di bawah MARA sebanyak RM2 bilion, bayaran balik pinjaman DanaInfra sebanyak RM1 bilion serta bayaran khidmat hutang PFI sebanyak RM3.9 bilion.

Peruntukan bagi perbelanjaan ini telah disediakan di bawah perbelanjaan mengurus tetapi diklasifikasikan semula kepada perbelanjaan pembangunan dan pada masa yang sama memerlukan peruntukan tambahan. Selain daripada peruntukan mengklasifikasikan semula perbelanjaan, sebanyak RM1.9 bilion juga diperuntukkan untuk pindahan lebihan hasil kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Seperti mana sedia maklum, Anggaran Tambahan Perbelanjaan Pembangunan adalah termasuk token sebagai peruntukan tanda sebanyak RM10 yang telah diperuntukkan dalam Arahan Perbendaharaan (AP20) di mana tatacara kewangan ini telah digunakan dan dibenarkan bagi mewujudkan butiran yang sebelum ini tiada melalui penjimatan sedia ada kementerian tersebut.

Ada pihak yang sengaja tidak mahu faham apa yang mereka amalkan sebelum ini. Peruntukan token adalah proses biasa yang dibuat setiap tahun dan bukan amalan baharu serta menjadi tanggungjawab pegawai pengawal untuk memindahkan penjimatan sedia ada tersebut kepada butiran baharu. Kaedah ini Tuan Yang di-Pertua, secara tidak langsung meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan kerana tidak memerlukan peruntukan tambahan sebaliknya kementerian menggunakan peruntukan sedia ada. Token tidak dibahaskan kerana bukan tambahan peruntukan tetapi menggunakan penjimatan sedia ada.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya maklumkan di sini bahawa Anggaran Perbelanjaan Tambahan yang dipohon ini yang berjumlah RM4,133.3 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM15,485.4 juta untuk perbelanjaan pembangunan adalah sebahagian daripada jumlah perbelanjaan sebenar untuk tahun 2018 dan ia tidak menjejaskan defisit fiskal yang telah ditetapkan pada paras 3.7 peratus. Saya juga dengan sukacitanya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sasaran fiskal 3.7 peratus untuk tahun 2018 telah pun berjaya dicapai.

[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 2018 selepas ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL**ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (BIL.1) 2018**

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima belas bilion empat ratus lapan puluh lima juta tiga ratus lapan puluh empat ribu dan satu ratus empat puluh dua ringgit (RM15,485,384,142) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2019 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

Diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang Bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat memulakan perbahasan saya ingin memaklumkan bahawa perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019 adalah sehingga jam lima petang dan Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menggulung selepas itu. Ahli-ahli Yang Berhormat diberikan masa selama 15 minit untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Jadi saya menjemput Yang Berhormat Rembau untuk memulakan perbahasan beliau.

12.24 tgh.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dan pihak Barisan Nasional, pembangkang mengambil maklum tentang pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Tahun 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi sebagai tambahan kepada perbelanjaan yang telah dibuat pada tahun 2018.

Ini memberi peluang perbincangan di peringkat dasar berkenaan dengan kedudukan ekonomi negara. Ekonomi negara mempunyai ataupun merupakan cabaran utama bagi Malaysia. Soal daya saing, soal bagaimana kita hendak mencari sumber pertumbuhan untuk tahun-tahun yang akan datang dan keadaan ekonomi dunia semakin meruncing dan tidak membantu. Jadi apa yang kita boleh buat rumusan berkenaan dengan keadaan ekonomi negara sejak Pakatan Harapan mengambil alih 10 bulan yang lepas.

Bank Negara sendiri telah mengumumkan bahawa mereka menurunkan unjuran pertumbuhan KDNK pada tahun 2019. Dulu 4.9 peratus sekarang ini diturunkan kepada 4.3 hingga 4.8 peratus menampakkan ketidakyakinan Bank Negara sendiri terhadap pertumbuhan KDNK. Bloomberg telah memberi gelaran “*sole loser*” kepada Bursa Malaysia, pasaran saham yang paling corot dari segi prestasi di Asia pada awal tahun 2019. Seperti mana yang disebutkan tadi defisit bajet bengkak kepada 3.7 peratus pada tahun lepas berbanding dengan sasaran Barisan Nasional 2.8 peratus disebabkan pemansuhan GST, hilang pendapatan kerajaan.

Hutang negara meningkat, hutang negara yang disebutkan sebagai masalah besar, hutang negara meningkat hampir RM40 bilion sejak pemerintahan Pakatan Harapan. Ini gambaran ekonomi *capital, capital* ekonomi ataupun ekonomi yang berkaitan dengan angka-angka mikro yang besar yang menunjukkan gambaran yang sangat pesimistik, gambaran yang tidak positif tentang pembangunan ekonomi di bawah Pakatan Harapan. Apa pula dengan *the people's economy* atau ekonomi rakyat? Bagaimana kesan daripada *capital economy* itu dirasai oleh rakyat secara keseluruhannya.

Mungkin pihak kerajaan bangga sebab bulan-bulan pertama tahun ini dikatakan tidak ada inflasi tetapi deflasi maksudnya harga menurun. Katanya deflasi ini disebabkan input *cost* antaranya minyak yang rendah dan juga pengenalan SST dan pemansuhan GST. Akan tetapi apa pula dengan realiti yang sebenar? Kita boleh mendabik dada mengatakan bahawa deflasi berlaku pada kali pertama dalam tempoh masa bertahun-tahun tetapi apakah keadaan sebenar? Harga barang, realiti dia? Buatlah bancian, buatlah *survey*, tanya rakyat sama ada harga barang ada turun ataupun tidak. Buat bancian dan tidak *live in denial*.

Kita tengok antara sebab kemenangan Barisan Nasional di Cameron Highlands dan di Semenyih, pilihan-pilihan raya kecil adalah disebabkan isu ekonomi. Di mana gambaran yang diberi bahawa pemansuhan GST akan menurunkan harga barang dan sebagainya tidak berlaku dan apabila kita melihat bahawa *the people's economy is suffering, the capital economy is showing signs of negative progress* dengan izin.

Insentif untuk golongan miskin dipotong dalam bajet asal tahun 2019, elaun sara hidup untuk nelayan dipotong, subsidi baja padi dipotong, bantuan musim tengkujuh dipotong tetapi bila ada pilihan raya kecil boleh pula cari duit. RM100 diumumkan untuk golongan bujang sempena dengan pilihan raya kecil di Semenyih. Kata tidak ada duit tetapi bila ada pilihan raya kecil boleh juga cari duit. Kata tidak ada duit tetapi insentif untuk golongan marhaen miskin dipotong tetapi ada pula cari RM20 juta untuk kereta nasional ketiga yang sebenarnya menjadi bahan jenaka seluruh dunia.

Nobody is talking about the automotive industry anymore, dengan izin. Orang lain sudah *move on. Industry Revolution 4.0, artificial intelligence, augmented reality, Internet of Things*, hendak juga kereta nasional ketiga. Apa strategi ekonomi Pakatan Harapan? Tidak memberi keyakinan kepada orang bahawa kita melihat kepada masa depan ekonomi negara tapi masih lagi bangkitkan soal *sunset industry* yang tidak ada orang lain yang melabur dalam industri tersebut. Basiswa potong tetapi boleh pula cari duit untuk diberi kepada kolej dan sekolah swasta. Bila nak bagi ada duit, bila tidak ada macam-macam alasan, hutang negara, hutang RM1 trilion dan sebagainya. Ini naratif yang kita dengar daripada Menteri Kewangan, daripada Kerajaan Pakatan Harapan sejak hari pertama.

■1230

Hutang RM1 trilion sebab 1MDB, hutang RM1 trilion, tidak ada duit. Semuanya sebab 1MDB tetapi naratif ini diguna dari hari pertama sebab menjadi alasan untuk tidak tunaikan janji. PTPTN *cannot*, sebab RM1 trilion 1MDB, pemansuhan tol *cannot*, sebab RM1 trilion 1MDB, gaji minimum RM1,500 tak boleh *cannot*, sebab RM1 trilion 1MDB.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [*Bangun*]

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ya sila Yang Berhormat Ayer Hitam, cepat ya.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat yang bernas tadi. Cuma satu saja, saya rasa hairan kenapa tiba-tiba Kerajaan Johor hendak mengusulkan bina jambatan ketiga dan ini memang pelik, RTS yang telah dimeterai pun kita tak nak teruskan. Satu hari 288 ribu penumpang yang dibawa tetapi dia tinggalkan macam itu walaupun telah dimeterai oleh kedua-dua negara dan kita hendak bina jambatan ketiga dan dengan kos nak masuk *Singapore VEP* kena bayar RM108 setiap kenderaan. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya masukkan dalam ucapan, nanti Yang Berhormat Ayer Hitam boleh sambung waktu perbincangan Yang Berhormat nanti ya.

Saya hendak *stick* kepada soal hutang RM1 trilion ini sebab dibangkitkan lagi tentang soal hutang RM1 trilion ini. Ia disebut pula beberapa kali diulang bahawa hutang ini disorok, *off balance sheet*, tidak dibentangkan, disorok daripada rakyat dan sebagainya.

Saya hendak beritahu kepada Dewan ini sebenarnya, apakah benar RM1 trilion ini disorok? Apakah benar RM1 trilion ini disebabkan oleh 1MDB? Saya hendak beritahu kepada Dewan Tuan Yang di-Pertua, bahawa sebenarnya hutang ini tidak pernah disorok. Dulu kita tak kira sebagai hutang sebab pada waktu dulu memang kita menggunakan piawai antarabangsa yang diiktiraf oleh *International Monetary Fund (IMF)* iaitu *Government Finance Statistics 1986*.

Satu *guideline* ataupun tatacara perakaunan negara yang dikeluarkan oleh IMF sendiri yang menggunakan *accounting* berdasarkan kepada *cash basis, cash accounting*. Akan tetapi Kerajaan Barisan Nasional apabila diumumkan pada tahun 2015 yang telah umumkan bahawa *we moved from cash accounting to accrual accounting* sebab ini standard yang ditetapkan oleh IMF pada tahun 2014. Perbezaan besar antara *cash accounting* dengan *accrual accounting* adalah kita

merekodkan segala liabiliti, bayaran kita yang komited dari segi jaminan kerajaan, bayaran kita yang kita terpaksa buat, *lease payment*, PFI yang disebut oleh Menteri Kewangan tadi mestilah dimasukkan dalam liabiliti *balance sheet* kita sebab kita menggunakan *balance sheet*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Cepat ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Dalam dua laporan rasmi Kerajaan Pakatan Harapan iaitu Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas dan juga Laporan Ekonomi untuk Bajet 2019, dua-dua dalam laporan itu menyebut bahawa hutang ialah RM686 bilion, bukan RM1 trilion.

Satu lagi Yang Berhormat Rembau, ini adalah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan dan juga Mengurus Pertama 2018. Adakah bermaksud selepas ini ada tambahan kedua, ada tambahan ketiga? Kenapa tidak disekalikan? Berapa kali nak buat bajet tambahan ini?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ya, mungkin akan ada bajet tambahan untuk 2019, itu akan saya percaya disusuli oleh Kementerian Kewangan nanti ya. Saya sebut angka-angka ini sama ada jaminan kerajaan ataupun *lease payment* dengan jelas telah dinyatakan menerusi memorandum berasingan di dalam penyata kewangan kerajaan, tak pernah disorokkan. Memang kalau kita tengok Menteri Kewangan mendakwa kerajaan terdahulu menyembunyikan angka-angka ini seperti yang dikata pada ucapan tadi. Jelas sekali Menteri Kewangan tidak berkata benar kerana setiap tahun Jabatan Akauntan Negara yang mengeluarkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan akan melaporkan segala bentuk tanggungan kerajaan dalam penyata kewangan tersebut.

It's a memorandum item sama ada *committed government guarantees* ataupun *lease payment*, PFI, PPP semua adalah dalam memorandum. Memorandum yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara. Bagi sistem *accrual basis*, apa-apa *committed government guarantees* serta bayaran *lease payment* perlu direkodkan sebagai *liability item* dalam *balance sheet*, itu bezanya. *Now you sit as a liability* tetapi yang bawa *accrual accounting standard* ini adalah Barisan Nasional. Takkan kalau kita hendak sorokkan, kita nak ubah cara *accounting standard* kita daripada *cash accounting* sampai *accrual accounting* dapat tengok *balance sheet*, dapat tengok hutang dan juga liabiliti, tanggungan segala-galanya. Jadi tidak betul yang menyatakan bahawa nak disorok dan sebagainya.

Pada minggu lepas ketika penggulungan Menteri Kewangan dalam perbahasan usul menjunjung titah, Menteri Kewangan memberi bayangan kononnya sekali lagi hutang negara meningkat disebabkan semata-mata hutang 1MDB. *This narrative that the national debt is entirely because of 1MDB* dengan izin sedangkan hutang 1MDB adalah RM38 bilion atau kurang empat peratus daripada keseluruhan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan. Jadi konteks naratif ini mestilah jelas dan jujur. Kita tidak boleh mengatakan bahawa segala-galanya adalah disebabkan 1MDB. Ya, kita akui bahawa ada banyak kelemahan berkenaan dengan 1MDB dan harap dapat diselesaikan. Akan tetapi untuk membina satu naratif yang mengatakan bahawa tidak ada duit,

terpaksa potong semua subsidi, semua bantuan, elaun untuk orang miskin disebabkan 1MDB tidak betul. Apa hutang, profil hutang RM1 trilion ini yang disebut-sebut dan sebagainya?

Kita ambil contoh, *committed government guarantees* yang selalu disebut oleh Menteri Kewangan, *committed government guarantees, off balance sheet item* seolah-olah ini segala-galanya adalah berkenaan dengan 1MDB. Saya hendak bagi contoh apa yang dikatakan sebagai *committed government guarantees*. Hutang kerajaan, hutang yang telah dijamin oleh kerajaan yang sekarang ini terpaksa dibayar oleh kerajaan kononnya skandal, projek-projek skandal dan sebagainya. Sebahagian besar daripada hutang ataupun *committed government guarantees* yang dibayar sekarang ini oleh kerajaan adalah projek-projek *public goods, public investment*.

Pan Borneo Highway saya sebut waktu penggulangan Menteri, tidak dapat dibina melalui pembiayaan konvensional sekiranya kita tidak buat melalui *off balance sheet*. Bagaimana kita hendak cari peruntukan yang besar untuk membiayai *Pan Borneo Highway* kalau tidak diwujudkan SPV, tidak diwujudkan terbitan bon yang dijamin oleh kerajaan. Projek itu memang wujud, dapat diberi kepada Sabah dan Sarawak tanpa pembayaran tol. Ini adalah *committed government guarantees* yang dibayar. [*Dewan Tepuk*]

Apa lagi yang *committed government guarantees* yang dikatakan skandal, skandal. MRT, LRT, ini semua dibayar melalui *committed government guarantees*. *The projects are there, they are not scandal*. Ini semua *public goods*. Kalau tidak dapat, kalau tidak dibuat cara ini, kalau kita hendak buat cara *conventional financing*, sampai bila kita tidak akan dapat cari peruntukan untuk membina Lebuhraya Pan Borneo tanpa tol. Ini yang dikatakan soal hutang negara ya, LRT, Malaysia Rail Link untuk ECRL, semua diterbitkan sebagai *committed government guarantees*. Jadi janganlah sebut bahawa ini semua RM1 trilion 1MDB. RM1 trilion projek yang tidak wujud, RM1 trilion skandal.

Ini semua adalah *off balance sheet item* tetapi dilaksanakan oleh kerajaan supaya kita dapat peruntukan, dapat *raise money, bonds* untuk kita membiayai projek-projek tersebut. Memanglah sebahagian daripada projek ini tidak ada pulangan sebab *they are public goods*. Apabila kita cakap soal teori ekonomi *public goods*, memang tidak akan ada pulangan. Pulangan secara langsung kepada kerajaan tetapi pulangan kepada rakyat banyak. Pulangan kepada Sabah dan Sarawak, membuka kawasan-kawasan wilayah yang terpencil yang pedalaman dan sebagainya. *These are all the added benefits* yang kita dapat daripada pembangunan tersebut.

Jadi saya harap bahawa perkara ini tidak diulang dan kalau kita cakap soal PFI, PPP dan sebagainya, ini pun diguna untuk membina projek-projek yang kalau menggunakan pembiayaan konvensional tidak dapat dibuat. Universiti dibina melalui PFI dan PPP, sekolah dibina melalui PFI dan PPP, kuarters polis dibina melalui projek BLT, satu lagi projek pembiayaan swasta dan kerajaan. Jadi apabila kita cakap soal hutang negara, jangan kita sebut dengan *simplistic*, naratif yang mengatakan bahawa ini adalah skandal 1MDB.

Saya sebahagian daripada Jawatankuasa Khas Parlimen berkenaan dengan bajet dan kita akan buat rumusan berkenaan dengan isu hutang ini supaya jelas kepada rakyat bahawa hutang

ini bukanlah satu perkara yang mudah di-*spin* ataupun mudah disampaikan melalui naratif bahawa hutang terlalu besar dan kita tidak dapat nak buat apa-apa.

■1240

Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua bahawa dalam tempoh masa yang diberikan kepada saya, kita melihat yang pertamanya adalah keadaan ekonomi yang semakin merudum. Sama ada *capital economy*, sama ada *people's economy* dan alasan bahawa ekonomi kita sekarang ini merudum disebabkan hutang 1MDB sebanyak RM1 trilion itu tidak boleh dipakai lagi.

Rakyat sudah peka bahawa ini adalah kerajaan yang tidak boleh tunaikan janji. Inilah kerajaan yang tidak boleh uruskan ekonomi. Oleh sebab itu, Cameron Highlands kalah, Semenyih kalah dan akan datang Rantau Panjang pun kalah! Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Beaufort. Ada? Ya, silakan.

12.40 tgh

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Pertama 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebentar tadi.

Saya akan menyentuh terus kepada kementerian yang berkaitan dengan negeri saya dan juga kawasan saya di dalam perbahasan ini. Pertama, saya ingin menyebutkan tentang Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang mana negeri Sabah, merupakan negeri yang mempunyai banyak kawasan luar bandar. Terdapat 25 daerah di Sabah adalah merupakan daerah luar bandar. Saya difahamkan negeri Sarawak, jiran saya dan jiran kami juga, mempunyai 26 kawasan daerah yang juga merupakan daerah luar bandar.

Daerah-daerah luar bandar di kedua-dua negeri ini memerlukan peruntukan yang besar untuk memastikan kedua-dua negeri dan daerah di dalamnya akan maju dan membangun bersama dengan daerah-daerah di negeri yang lain di dalam negara kita, Malaysia ini. Dimaklumkan bahawa, untuk tahun 2019 ini sebanyak RM1.135 bilion diperuntukkan untuk negeri Sabah oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya berpandangan bahawa peruntukan ini mungkin tidak mencukupi. Disasarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar bahawa 28 daerah di negara Malaysia kita ini akan diberikan tumpuan. Akan tetapi, negeri Sabah sahaja sudah mempunyai 25 daerah yang merupakan daerah luar bandar. Begitu juga dengan negeri Sarawak yang mempunyai 26 daerah.

Ini merupakan jumlah keseluruhannya menjadi 51 daerah dalam negara kita Malaysia – belum lagi termasuk daerah-daerah di negeri-negeri yang lain di Semenanjung Malaysia. Oleh sebab itu, saya meminta walaupun saya ingin mengucapkan tahniah, bahawa sudah ada Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar yang dilancarkan pada 29 Oktober 2018 yang bertemakan 'Luar bandar Sejahtera'.

Saya yakin bahawa pelan ini telah dibincangkan dan di teliti untuk memastikan kawasan-kawasan luar bandar akan mencapai tahap kemajuan yang tinggi dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Namun saya ingin mengatakan di sini bahawa, kalau setakat peruntukan sebanyak RM1.135 bilion itu sahaja tentulah tidak mencukupi untuk kita menangani permasalahan yang masih ada lagi di daerah luar bandar ini. Perkara-perkara yang asas seperti bekalan air, bekalan elektrik, jalan luar bandar, jalan-jalan kampung, pembangunan ekonomi di luar bandar, untuk komuniti-komuniti terutama sekali kalau di negeri Sabah dan juga negeri Sarawak untuk orang-orang tempatan, orang-orang asal, suku-suku asal yang masih lagi ketinggalan ini memerlukan yang lebih.

Oleh sebab itulah saya meminta di sini supaya Kementerian Kewangan mempertimbangkan supaya ditambah lagi peruntukan ini dan ditingkatkan lagi. Walaupun sudah ada peningkatan, dimaklumkan bahawa peningkatan 40.1 peratus, namun, saya rasa ini masih terlalu kecil memandangkan keadaan yang masih tertinggal ini. Saya difahamkan bahawa Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar ini mempunyai enam teras iaitu:

- (i) prasarana yang lengkap dan berkualiti;
- (ii) ekonomi luar bandar yang berdaya saing;
- (iii) keusahawanan;
- (iv) modal Insan;
- (v) memperkasakan wanita luar bandar; dan
- (vi) sistem penyampaian yang mengutamakan keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan pembangunan luar bandar ini akan dapat kita lihat apabila orang kampung, orang di luar bandar itu berada di luar bandar, tidak berhijrah ke bandar. Akan tetapi, setakat ini, apa yang kita dimaklumkan, daripada kajian bahawa 60 peratus orang berada di dalam bandar. Ini ertinya, orang luar bandar berhijrah, hanya tinggal 40 peratus sahaja orang asal berada di luar bandar. Oleh yang demikian, saya berpandangan bahawa, kita belum lagi mencapai kejayaan untuk memajukan kawasan luar bandar ini.

Untuk kita memastikan kejayaan luar bandar ini, maka kita mesti membangunkannya secara holistik di luar bandar ini. Bukan sahaja untuk menyediakan bekalan air, elektrik dan sebagainya, tetapi, untuk memastikan orang luar bandar iaitu anak-anak muda terutama sekali, terus berada di dalam kampung masing-masing, di luar bandar untuk meneruskan kemajuan luar bandar itu dengan menyediakan pelbagai lagi program ekonomi yang holistik, yang mempunyai jangka panjang dan juga mempunyai kejayaan yang dapat kita lihat secara jelas.

Oleh sebab itulah, saya meminta supaya usaha-usaha yang lebih dapat diadakan dan program-program yang berbentuk ekonomi dapat diperkukuhkan lagi, dapat dimantapkan lagi, dapat diperbanyakkan lagi untuk kawasan luar bandar khususnya di negeri Sabah dan juga di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang pendidikan. Pada tahun 2017, dikatakan bahawa terdapat 54,103 orang siswazah yang menganggur selama enam bulan selepas tamat pengajian. Baru-baru ini dimaklumkan juga bahawa lebih 100,000 orang siswazah yang

akan *graduate* dan cuma terdapat 90,000 lebih sahaja jawatan-jawatan yang tersedia. Ini menunjukkan bahawa ada ramai lagi graduan kita, siswazah kita yang akan menganggur. Oleh sebab itu, mungkin sudah tiba masanya Kementerian Pendidikan kerajaan melihat satu cara, satu kaedah bagaimana kita dapat sediakan pelajar di universiti, di IPT supaya mereka bukan melihat kepada pekerjaan yang disediakan oleh kerajaan ataupun swasta sahaja. Akan tetapi, bagaimana mereka boleh mewujudkan pekerjaan mereka sendiri. Dengan cara ini, strategi ini, rancangan ini kena difikirkan bersama, bukan sahaja oleh Kementerian Pendidikan tetapi juga dengan kementerian-kementerian yang lain supaya ia akan menampakkan pencapaiannya nanti seperti mana yang kita harapkan.

Oleh sebab kita semua mahukan anak-anak kita belajar tinggi-tinggi, berjaya. Kita lihat bahawa kejayaan anak-anak Malaysia ini sejak beberapa tahun ini begitu meningkat sekali. Ini adalah satu kebanggaan kepada kita semua. Namun demikian, kita juga mahu memastikan setelah mereka keluar daripada IPT, mereka akan dapat meneruskan kehidupan mereka. Bukan setakat mencari pekerjaan dalam kerajaan dan swasta, tetapi mereka akan menjadi orang yang berjaya di dalam bidang-bidang yang lain seperti bidang perniagaan dan juga bidang usahawan.

Oleh sebab itu, sudah tiba masanya Kementerian Pendidikan melihat bagaimana ini dapat dilakukan dengan kerjasama kementerian dan agensi yang lain serta pihak swasta, supaya kita dapat memberikan yang terbaik kepada anak-anak bangsa di negara Malaysia kita yang tercinta ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang beban kepada guru-guru kita. Terdapat statistik di dalam negara Malaysia kita ini pada tahun 2016, seramai 420,000 orang guru-guru di seluruh negara, di sekolah menengah dan sekolah rendah merupakan insan-insan yang banyak bakti kepada rakyat kita. Setiap rakyat dalam negara kita ini kalau dikatakan seramai 32 juta rakyat dalam negara Malaysia ini, setiap seorang kita ini semuanya pernah diberikan pendidikan oleh guru-guru kita. Setiap seorang daripada kita ini sebenarnya terhutang budi kepada insan yang bernama guru.

Jadi, saya meminta kepada Kementerian Pendidikan supaya jangan kita bebankan lagi guru-guru kita ini dengan kerja-kerja yang lain. Biarlah mereka terus mendidik anak-anak bangsa kita menjadi anak-anak bangsa yang berjaya dunia dan akhirat. Akan tetapi, kalau mereka juga dibebankan dengan tugas untuk mencari kewangan, untuk perkara-perkara yang lain, untuk sukan, untuk program-program yang lain lagi yang mana bukan tugas asasi mereka, tetapi mereka juga kena melakukannya kerana diarahkan kepada mereka.

■1250

Saya meminta di sini supaya kewangan yang mencukupi diberikan kepada jabatan pendidikan negeri-negeri, daerah-daerah, kepada sekolah-sekolah untuk melaksanakan, mengendalikan pelbagai program yang diarahkan untuk dilaksanakan ini supaya guru-guru tidak terbeban dengan tugas untuk mencari kewangan di luar lagi bagi memastikan program mereka terlaksana dengan baik. Walaupun setakat ini mereka sebenarnya, saya puji, saya tabik kepada guru-guru kita, mereka telah melaksanakan tugas sebagai pendidik dengan baik, keputusan

pelajar-pelajar kita termasuk di luar bandar semakin meningkat, di kawasan saya sendiri pun di Parlimen Beaufort, prestasi pencapaian akademik sekolah-sekolah semakin meningkat dari teruk kepada yang mungkin nombor dua, nombor tiga di peringkat negeri. Ramai pelajar STPM, sekolah-sekolahnya yang berjaya 100 peratus, begitu juga di peringkat sekolah rendah dan sebagainya.

Ini adalah satu petunjuk prestasi dan komitmen tinggi yang diberikan oleh guru-guru kita. Jadi saya memohon bagi pihak mereka supaya mereka tidak dibebankan lagi dengan kerja-kerja yang lain di luar daripada tugas dan tanggungjawab mereka. Berikanlah, cari lah wang, sediakanlah peruntukan yang mencukupi untuk mereka dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti yang diarahkan dan mereka dapat memberikan tumpuan kepada tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pendidik kepada anak-anak bangsa kita.

Saya juga ingin menyentuh tentang kesihatan. Baru-baru ini, hari ini kita dimaklumkan bahawa Sabah mencatatkan kes tibi yang tertinggi dalam negara kita Malaysia sejak tahun 2017. Ini sesuatu yang membimbangkan kita kerana pada suatu masa dahulu, tibi ini sudah tidak wujud lagi dalam negara kita tetapi sekarang ini di merata-rata negeri Sabah ada kes tibi setiap hari termasuklah di dalam kawasan saya sendiri di Hospital Beaufort itu sudah ada kes tibi. Setiap tahun nampak meningkat. Tahun ini sahaja pun sudah 35 kes walaupun baru sampai bulan Mac dan ada kebimbangan di kalangan rakyat kita semua, malah pada doktor kita, mereka yang bertugas di kesihatan pun bimbang bahawa mungkin jumlah ini akan meningkat. Difahamkan bahawa disebabkan stigma tibi ini, maka ramai orang tidak mahu datang untuk mendapatkan rawatan awal menyebabkan meningkatnya lagi lah insiden-insiden kes penyakit tibi ini.

Oleh itu, saya meminta supaya Kementerian Kesihatan bagaimanakah caranya kita untuk memastikan perkara ini kita dapat cegah awal-awal ini supaya tidak terus meningkat seperti dahulukala. Sekarang kita sudah zaman yang baru, kita bukan lagi pada zaman dahulu yang ketinggalan. Carilah cara yang terbaik supaya kita dapat mengekang penyebaran jangkitan tibi ini di kalangan rakyat kita di Malaysia. Difahamkan juga bahawa 12 hingga 13 peratus daripada mereka yang menjadi pesakit ini adalah pendatang asing, mungkin ada cara untuk kita mencegah kehadiran mereka di dalam negara kerana jangkitannya begitu cepat sekali. Saya difahamkan jangkitannya begitu cepat sekali, jadi kita dapat mencegahnya di peringkat awal, jangan benarkan mereka yang datang daripada negara lain yang membawa penyakit ini masuk ke dalam negara kita menyebabkan rakyat negara kita nanti akan menghadapi masalah kesihatan yang teruk ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada gunanya kita cukup dengan itu dan ini semua tetapi kalau rakyat kita sakit dan masih lagi menghidap penyakit yang sepatutnya sudah tidak ada lagi wujud di dalam negara kita pada masa dan ketika ini. Saya minta juga secara spesifiknya untuk kawasan saya di Beaufort, oleh sebab wad tibi ini di dalam hospital, pengudaraannya tidak baik akan menyebabkan jangkitan bertambah cepat lagi supaya dapat diasingkan dengan segera supaya kita dapat mengekang penyebaran penyakit tibi ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang kementerian air kerana air ini adalah merupakan masalah yang masih lagi menghantui negeri Sabah termasuklah di kawasan saya di Parlimen Beaufort. Dua daerah itu masih lagi bermasalah air walaupun sudah banyak dibelanjakan, loji

sudah dibina, peruntukan diturunkan namun keadaannya masih lagi teruk, menjadi penyebab kepada permasalahan rakyat di kawasan Parlimen Beaufort itu dan saya rasa di Sabah keseluruhan juga mempunyai masalah yang sama.

Oleh sebab itu, saya ingin meminta pihak yang berkenaan, kementerian yang berkenaan supaya bukan sahaja menurunkan peruntukan tetapi melihat sebenarnya, monitor pelaksanaan projek-projek yang dibuat ini supaya ia benar-benar dapat memberikan impak-impak yang baik, manfaat yang baik kepada rakyat yang memerlukan. Kalau tidak, maka sia-sialah kita menurunkan peruntukan beratus juta, berbilion ringgit Malaysia tetapi akhirnya impaknya tidak ada, rakyat masih lagi tidak ada bekalan air, marah-marah kepada kita semua. Oleh sebab itu, saya minta lah Tuan Yang di-Pertua supaya apa juga projek yang diturunkan dengan peruntukan yang besar-besar ini semuanya dapat dipantau, di monitor dengan sebaik-baiknya supaya dapat memberikan manfaat kepada rakyat yang menjadi kumpulan sasar yang memerlukan pembelaan daripada kerajaan ini. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rompin.

12.56 tgh. hari

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Menyambung ucapan Yang Berhormat Rembau, saya boleh menyimpulkan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan gagal menguruskan ekonomi negara. Yang Berhormat Menteri Kewangan mula-mula mengambil tugas memberikan gambaran yang salah tentang keadaan ekonomi negara. Dia kata, pelaburan RM80 bilion tahun 2018, *Department of Statistic* mengatakan bahawa RM30 bilion. Dia bangga dengan – selalu Yang Berhormat Menteri Kewangan kata inflasi kurang satu peratus. Teori ekonomi mengatakan *amount inflation is the empathize of development* dengan izin.

Seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Rembau tadi inflasi negara ini menjurus ke arah deflasi. Deflasi menjurus kepada *recessions*. Saya tidak nampak kerajaan mampu mengutip wang yang banyak. Tiga perkara akan dilakukan oleh kerajaan hari ini. Satu, oleh sebab mereka gagal untuk menguruskan dasar *tax* yang progresif. Dia gagal untuk melaksanakan dasar *tax* yang progresif pergi kepada SST, *income* negara akan turun. *Corporate tax* akan turun.

Tahun lepas tiga bulan *zero-rated* GST, RM12 bilion pergi di mana kerajaan hendak ambil duit melainkan tiga perkara akan dilaksanakan oleh kerajaan hari ini iaitu jual harta, kedua, syorkan syarikat-syarikat anak kerajaan keluar dividen dan yang ketiga akan terus meminjam. Percayalah Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan hari ini akan terus meminjam, terus meminjam kerana dia tidak mampu untuk menguruskan ekonomi negara, tidak mampu untuk mendapat hasil itu dia terus akan meminjam. 10 bulan memerintah, hampir – bukan RM40 bilion Yang Berhormat Rembau, hampir RM70 bilion...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: 42.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Lapan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: 87.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: RM87 bilion sudah pinjam. Hampir RM10 bilion pada setiap bulan dia meminjam. *Failed*. Ini kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi gambaran yang salah tentang ekonomi negara. Modal keluar. Orang tidak berani melabur. Orang tidak berani berdagang. Barang-barang komoditi tidak dapat dijual kerana gambaran yang salah tentang ekonomi negara diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dia bertanggungjawab sebagai Menteri Kewangan, dia gagal bertanggungjawab tidak memberi gambaran yang betul kepada ekonomi negara dan hari ini ekonomi rakyat menjadi mangsa.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Saya satu minit ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak penjelasan...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Satu saat, satu saat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Hendak dapat penjelasan kaedah metodologi yang digunakan oleh Malaysia dalam sistem perakaunan sama ada kita *accrual system* ini betul atau tidak ataupun *cash basis*. Ini saya hendak dapat penjelasan sebab hutang negara yang sebenar dengan liabiliti ini ia berbeza. Liabiliti ini hutang-hutang daripada syarikat-syarikat yang kerajaan hanya menjadi *collector*, penjadualan pembayaran balik oleh syarikat...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Itu sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Rembau tadi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Itu saya hendak minta penjelasan.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat Rembau telah menjelaskan tadi secara *detail* bagaimana kita memakai dan standard, *World Standard, Malaysian Standards (MS)*. Dia akan terus meminjam kerana punca kewangan terlalu terhad oleh kerajaan. Tiga perkara - meminjam, jual harta, dividen ternyata kerana terus ambil duit Petronas RM30 bilion, mudahlah memerintah negara.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Jual, ambil duit.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Jual, ambil duit...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tabung Haji.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Pinjam dan Tabung Haji. Saya ingin bercakap sedikit tentang Tabung Haji. Tabung Haji adalah ditubuhkan dengan penuh...

Seorang Ahli: Ungku Aziz.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Dia punya kemurniannya diasaskan oleh orang-orang yang...

Tuan Yang di-Pertua: 1.1 minit, mungkin diteruskan pada pukul 2.30 petang. Majlis akan diteruskan pada pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat disambung semula. Perbahasan oleh Yang Berhormat Rompin, masa tinggal 10 minit 11 saat. Sila.

2.32 ptg.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tabung Haji adalah organisasi yang ada *karamah* dan kemuliaannya. Dilahirkan oleh orang-orang yang mulia bagi tujuan yang mulia, memenuhi fardu ain dan fardu kifayah. Oleh itu, sebarang usaha untuk melemahkan Tabung Haji harus ditentang oleh semua pihak. Memperkasakan ekonomi adalah jihad ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, jihad ekonomi bagi umat Islam, di mana Tabung Haji ini adalah organisasi yang bertanggungjawab bagi umat Islam untuk menunaikan fardu ain dan fardu kifayah.

Jihad ekonomi. Perkataan jihad ini jangan salah tafsir. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua dibesarkan di Kelantan, disekolahkan di Kelantan, faham istilah jihad. Sekolah di Kelantan, faham istilah jihad. Jihad yang paling besar kalau mengikut junjungan Nabi Muhammad SAW ialah menahan nafsu. Itu jihad yang paling besar, menahan nafsu. Saya harap semua pihak tidak harus dikelirukan ataupun sensitif dengan perkataan ini kerana perkataan jihad ini hanyalah merupakan satu usaha ke arah kebaikan untuk semua pihak.

Tabung Haji mengarahkan PricewaterhouseCoopers audit Tabung Haji, hanya untuk membenarkan kesalahan Tabung Haji di bawah seksyen 22(3)(a). Walhal dari segi pandangan ini, boleh dipertikaikan dari sudut kewangan. Cara kaedah kewangan yang harus, masih kita boleh pertikaikan sama ada mengikut cara yang dibenarkan oleh amalan profesional negara kita ini atau sebaliknya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar kenyataan Menteri yang mengatakan Tabung Haji pada 14 Mac 2019, yang mengatakan bahawa aset-aset Tabung Haji dipindahkan kepada SPV. Sedangkan kenyataan CEO menyebut bahawa aset tersebut sudah dijual. Apakah ini bermaksud bahawa Menteri nampaknya melindungi fakta sebenar untuk membendung kemarahan rakyat di bawah? Satu. Kenapa aset dijual tetapi Tabung Haji tidak dibayar sebelum ia dipindah milik? Sedangkan dimaklumkan tujuh tahun selepas itu baru Tabung Haji mendapat keuntungan. Malah, hari ini dimaklumkan hotel-hotel milik Tabung Haji untuk digunakan oleh Tabung Haji hari ini, terpaksa pula Tabung Haji menyewanya, apakah ini langkah yang terbaik? Minta pandangan.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Inilah yang saya terangkan kemudian nanti. Selama ini Tabung Haji *subsidize* orang pergi Makkah dengan keuntungan syarikat-syarikat. Orang bukan Islam harus jangan keliru bahawa bukan kerajaan yang *subsidize* orang-orang yang hendak pergi Makkah ini. Ini adalah Tabung Haji sendiri yang *subsidize* dari keuntungan syarikat-syarikat yang diuruskan oleh Tabung Haji. Kalau syarikat ini dipindahkan kepada syarikat SPV yang dinamakan

Urus Jemaah, di mana punca kewangan Tabung Haji untuk mensubsidikan Tabung Haji? Apa yang anehnya, perkara ini dibuat untuk mencantikkan, *orchestrate balance sheet* Tabung Haji. Dipindahkan semua harta sukuk, melalui sukuk, SPV beri sukuk RM19.19 bilion kepada Tabung Haji.

Pada pandangan saya, istilah sukuk ini pun tidak boleh. Saya hendak tanya Suruhanjaya Sekuriti (*Securities Commission*), adakah ia telah meluluskan sukuk ini? Oleh kerana sukuk ini tidak memenuhi syarat-syarat? Sepatutnya sukuk, kriteria-kriteria sukuk hanya melibatkan dua parti sahaja iaitu Tabung Haji dengan SPV. Dipindah milik, *diadjust* dalam *balance sheet*, dibayar 2.5 persen selepas tujuh tahun. Ini membimbangkan kita. Punca kewangan Tabung Haji akan menjadi semakin kurang dan melemahkan organisasi ini.

Walau bagaimanapun, saya menyeru kepada masyarakat semua, jangan keluarkan wang daripada Tabung Haji. Kita akan mempertahankan Tabung Haji ini. Kita memastikan proses membaik pulih atau proses menjadikan Tabung Haji sebagai organisasi yang penuh *karamah* dan penuh kemuliaannya harus diteruskan. Kita mahu *Securities Commission* menjawab, sama ada ia telah luluskan atau tidak sukuk ini? Kita hendak tanya kepada Jabatan Audit Negara sama ada ia telah luluskan akaun Tabung Haji ini? Saya hendak tanya siapa yang membuat penilaian aset ini? Sama ada pihak Kementerian Kewangan sahaja dengan pengurusan Tabung Haji?

Oleh kerana saya faham, pengurusan Tabung Haji mengambil contoh seperti Danaharta. Danaharta yang pernah dan yang banyak dipertikaikan, Danaharta ini. Ambil jalan mudah, pindahkan aset, cantikkan *balance sheet*, halalkan proses. Apa jadi kalau RM19.9 bilion ini nanti asetnya, nilainya akan turun 10 ataupun dua puluh persen? Bagaimana kedudukan 22(3)(a) yang selalu dikatakan oleh pengurusan tertinggi Tabung Haji hari ini dan Menteri sendiri?

Saya mahu dijawab semua ini kerana proses pemindahan aset yang begitu besar menjadi buah mulut penyimpan-penyimpan Tabung Haji, masyarakat umum. Status orang Islam, status, perkara yang sangat sensitif dan boleh mencetuskan perkara yang tidak baik kepada negara.

■1440

Saya minta Tabung Haji memberi taklimat kepada Ahli Parlimen, bersama-sama dengan Jabatan Audit Negara dan juga PricewaterhouseCoopers memberi taklimat apakah *exercise* dengan izin, yang dibuat oleh pengurusan tertinggi Tabung Haji dengan bersama-sama Kementerian Kewangan ini menepati matlamat Tabung Haji itu ditubuhkan. Ada banyak pandangan berbeza, bagaimana akaun Tabung Haji ini dibuat, sama ada mengikut 'MPSRAP' ataupun MERS ini dipertikaikan, sama ada JAN selama ini yang mengaudit akaun Perbadanan Kerajaan tidak mempunyai autoriti dan pandangan tersendiri berhubung dengan status kewangan Tabung Haji. Kenapa pula disuruh dilantik PricewaterhouseCoopers hanya untuk mencantikkan *balance sheet* Tabung Haji memindahkan semua aset.

Ini satu tindakan yang mudah, tidak payah melantik CEO yang berpengalaman, kenapa tidak uruskan sendiri harta Tabung Haji? Saya tidak nampak harta-harta Tabung Haji yang dipindahkan kepada SPV ini banyak masalahnya. Saya lihat senarai harta-harta yang dipindah kepada SPV tidak ada banyak masalah. Jadi, saya pertikaikan istilah sukuk itu boleh atau tidak

boleh dalam proses pengalihan harta Tabung Haji, ia hanyalah satu kertas kelulusan bersama di antara Tabung Haji dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan boleh diistilahkan sebagai sukuk. Tidak boleh, banyak syarat yang diperlukan, akaun Tabung Haji belum diluluskan saya difahamkan, Kabinet belum membuat keputusan, hibah belum diumumkan oleh kerana masalah-masalah seperti ini. Saya nampak dia bermasalah kerana macam saya cakap tadi, tujuan utama ialah mencari salah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung Yang Berhormat.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Bukan menyelesaikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru sekali lagi supaya cabar Tabung Haji untuk membuat taklimat kepada akhirnya sekali lagi dari segi ekonomi keseluruhannya, saya agak pesimis tentang ramalan yang dibuat oleh Bank Negara tentang perkembangan ekonomi negara pada masa akan datang, biarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa sudah tamat.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tidak berlaku dan mungkin bermasalah jika langkah-langkah segera tidak dilakukan oleh kementerian dan kerajaan pada hari ini. Sektor ekonomi *private sector* yang lemah, kerajaan tidak mahu belanja duit, di mana *growth*nya, di mana pembangunannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Rompin, sila menepati masa.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ya, terima kasih lah kerana memberi peluang untuk membangkitkan perkara-perkara berhubung khusus tentang Tabung Haji. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut senarai yang saya ada, kesemuanya ada 24 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Mulai sekarang masa yang diberikan adalah 10 minit setiap orang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai.

2.43 ptg.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin terus membincangkan berkenaan dengan apa yang di hadapan kita pada hari ini iaitu satu permohonan, satu permintaan untuk tambahan perbekalan. Jelas di sini, tugas kita sebagai Ahli-ahli Parlimen adalah untuk melihat apakah yang sedang berlaku dalam negara kita, apakah yang sedang diusahakan oleh pihak kerajaan dan bagaimana kita boleh menyumbang ke arah usaha untuk menyelamatkan keadaan.

Ini kerana hendak atau tidak, kita sedar bahawa kerajaan dan pentadbiran yang telah kita dapat pada hari ini penuh dengan cabaran bila masa kita lihat banyak daripada institusi yang kita warisi sekarang bermasalah dan perlu dibaiki, perlu dicarikan wang ringgit untuk dibantu termasuk FELDA, termasuk Tabung Haji, termasuk banyak lagi institusi. Semestinya apa yang kita ingin usahakan pada hari ini perlu berteraskan kepada beberapa prinsip.

Pertama, semestinya kita adalah satu kerajaan yang bersifat reformasi yang ingin menambah baik, yang ingin melihat apakah yang telah berlaku. Apakah yang perlu kita lakukan untuk tegakkan keadilan dan apakah yang perlu kita pastikan wujud untuk memastikan tidak berlaku lagi kebobrokan seperti yang kita pernah saksikan sebelum ini.

Tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membangkitkan berbilion ringgit pinjaman 1MDB yang mana saya rasa kita telah mendengar terlalu kerap dan saya rasa tidak perlu untuk saya ulangi kerana esok, *insya-Allah* akan bermula satu proses pendengaran, perbicaraan yang mana ramai rakyat Malaysia telah begitu lama menantikan. Saya harap tidak ada lagi di situ penangguhan dan sebagainya kerana kita juga ingin tahu kebenaran di sebalik perkara itu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya ingin teruskan Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Esok bukannya... [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Minta kebenaran dahulu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya perjelaskan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan 1MDB esok, faham tidak? [*Pembesar suara dimatikan*]. Jangan mengelirukan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa hanya tinggal tujuh minit lebih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ya, saya perbetulkan. Esok adalah SRC dan kerana saya sebutkan itu kerana *nexus*nya ataupun paksinya adalah individu yang juga berkait dalam satu isu besar iaitu 1MDB.

Jadi, saya ingin teruskan, kalau kita lihat di sini, tadi Yang Berhormat Rompin ada menyatakan kerajaan mungkin tidak mampu untuk kutip wang yang banyak tetapi semalam kita dengar bagaimana Yang Berhormat Pekan perlu membayar cukai sebanyak RM1.5 bilion dan saya percaya apabila jumlah ini dapat dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri, maka bertambahlah kewangan kepada negara, kepada kerajaan sebanyak RM1.5 bilion dan juga tadi disebutkan tentang...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tentang, saya tidak benarkan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebanyak RM1.6 bilion itu cukai... [*Pembesar suara dimatikan*] pada...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat Lembah Pantai tidak beri laluan, dia kata masa tidak cukup. Biar dia teruskan, nanti boleh tunggu giliran rakan-rakan bahas, boleh ambil, okey. Sila.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa cuma tinggal enam minit lebih, saya tidak membenarkan sesiapa mengganggu...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak nak benarkan cakap benda yang betul, jangan buat fitnah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya teruskan, tadi...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tahu, cakap benda yang betul, kita dengar.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Pihak pembangkang sering, pihak pembangkang sering...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cakap benda yang betul kita dengar. *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, sila ikut peraturan. Bila hendak mencelah, minta kebenaran.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Pihak pembangkang sering menyebut antara jumlah pelaburan yang telah dilaporkan dan jumlah pelaburan yang telah direalisasikan dan saya rasa tugas kita sebagai Ahli Parlimen adalah untuk mengenali apakah sebenarnya perkara yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Tanjong Karang ada peraturan mesyuarat. Perkara mana sila baca.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Barulah betul Yang Berhormat Jelutong, ajar sedikit Yang Berhormat Jelutong ini. Saya bukan macam Yang Berhormat Jelutong, terpekik-pekik. Sekarang barulah saya hendak cakap peraturan berapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Baca, baca.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Peraturan 36(6). Ini kerana tadi, Yang Berhormat Lembah Pantai menyatakan Yang Berhormat Pekan kena RM1.5 bilion, itu hanya laporan dalam akhbar, ini sangkaan jahat, keputusan muktamadnya belum tahu lagi. Ini betul...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Dia sudah mengakulah. Dia sudah mengaku sudah terima. Yang Berhormat Pekan sudah mengaku.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu adalah pengumuman Lembaga Hasil Dalam Negeri, baca Yang Berhormat Tanjong Karang! Bukan akhbar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Dia kata duit tidak patut kena cukai.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak ada pengumuman. *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak mengapa, ini isu tidak ada, okey. Yang Berhormat Lembah Pantai, teruskan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya teruskan, saya teruskan. Jadi, saya cuma hendak menekankan beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana bagi saya, tugas kita pada hari ini, dalam keadaan ekonomi yang mencabar, dalam keadaan pelbagai perubahan yang sedang berlaku dalam industri dan dalam ekonomi. Bila masa kita lihat banyak pekerjaan yang bakal hilang akibat daripada rombakan besar, akibat daripada dengan izin, *the great disruption Industrial Revolution 4.0*, adakah kita sebagai Ahli-ahli Parlimen bersedia? Adakah pengundi-pengundi kita, adakah anak muda bersedia untuk menghadapi realiti bahawa pekerjaan yang kita sedang menyiapkan diri kita untuk kita pikul, untuk kita usahakan pada masa hadapan, di dalam masa beberapa tahun apabila masa mereka keluar daripada institusi pengajian tinggi, adakah pekerjaan-pekerjaan itu masih wujud?

Harapan saya dalam kementerian memohon dana yang besar ini, kita perlu pastikan adanya satu usaha untuk mengenal pasti, apakah sebenarnya keupayaan dan kapasiti negara Malaysia dalam fenomena ataupun dalam keadaan, dalam kerangka *global trade*, dengan izin yang mana kita lihat negara di selatan Singapura menjadi *financial hub*, dengan izin bagi rantau ini.

■1450

Apakah keupayaan yang boleh kita jana? Bagi saya keperluan yang perlu kita lihat adalah bagaimana kita boleh mengadaptasikan ekonomi kita kepada *digital economy*, dengan izin. Oleh sebab itu, harapan saya adalah dengan usaha yang sedang dipelopori oleh pihak kerajaan pada hari ini, pada ketika kita berusaha untuk menyelesaikan masalah yang telah ditimbulkan sebelum ini. Kita juga memberikan satu komitmen yang jelas untuk memastikan kita adalah *future proof*, yang mana anak-anak kita yang keluar daripada institusi-institusi pengajian tinggi bersedia untuk menghadapi keadaan ekonomi yang semestinya berbeza.

Oleh sebab itu, saya merasakan bahawa dalam usaha kita untuk menyelamatkan negara, banyak daripada yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu perlu diberikan perhatian. Saya prihatin tentang contohnya isu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang mana ibu pejabatnya adalah di Lembah Pantai. Dalam usaha untuk membaiki rel-rel yang ada, kita kena pastikan tender terbuka, tidak ada sesiapa yang menekan mana-mana pihak dan juga bagi saya, yang penting dalam isu ini adalah memastikan masa depan negara kita berkait juga dengan pelaburan yang akan kita masukkan ke dalam industri rel ini.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan isu pendidikan Tuan Yang di-Pertua, kerana bagi saya amat penting. Kita lihat selepas ini tidak berlaku lagi pemetongan terutama bagi saya kepada hospital-hospital pengajar yang bagi saya, saya lihat sering dianaktirikan. Walhal saya bagi contoh, seperti Pusat Perubatan Universiti Malaya yang mana pada tahun ini telah melihat kekurangan, iaitu pengurangan dana.

Saya percaya sebenarnya hospital universiti seperti PPUM ini, rata-rata majoriti yang datang ke situ adalah daripada golongan B40. Janganlah hanya kerana ia diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan, maka ia dianaktirikan. Oleh sebab itu, saya mohon pihak kerajaan untuk segerakan satu perbincangan supaya boleh diselaraskan dan dianggap dan diangkat hospital-

hospital pengajar sebagai hospital awam. Kalau tidak hospital kerajaan, setidak-tidaknya hospital awam supaya kemudahan-kemudahan dapat diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam minit-minit yang terakhir ini, saya ingin menyentuh bagaimana kita sebagai Ahli Parlimen sentiasa perlu memberi penekanan kepada bukan sahaja soal pemahaman tetapi soal bahasa. Ini kerana sering kali saya lihat pihak pembangkang menggunakan perkataan-perkataan yang mungkin sukar untuk sesetengah pihak faham. Di situ timbul salah faham yang mungkin selepas itu akan menimbulkan polemik yang tidak sihat.

Sebagai seorang yang beragama Islam, sebagai seorang anak muda, saya pun faham erti jihad. Akan tetapi pada masa yang sama, kita juga kena saling tegur-menegur. Kalau sekiranya ada ahli-ahli politik di kalangan kita tidak kira daripada sebelah mana menggunakan perkataan-perkataan yang begitu tajam niatnya. Seperti ada disebut sebelum ini, tembak dan sebagainya. Saya rasa itu tidak perlu dan saya rasa tugas kita adalah untuk mengingatkan sesama kita kerana inilah negara kita. Kita tidak mampu untuk hilang. Saya rasa mungkin setakat itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Jihad itu maksudnya berusaha bersungguh-sungguh. Itu maksud jihad.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Sekarang saya menjemput...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Ya, saya faham. Saya juga orang Islam, saya faham erti jihad.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sebelum kita menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang, sukacita saya mengingatkan kepada Perkara 38, perbahasan ini hendaklah berkaitan dengan usul atau rang undang-undang sahaja ya. Sila.

2.54 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019, di mana kita lihat dalam perbekalan tambahan pertama yang baru ini, kita mendapat tambahan sebanyak lebih daripada RM4 bilion untuk belanja mengurus dan lebih daripada RM15 bilion untuk belanja pembangunan.

Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, terutama dalam mengurus negara ini adalah satu amanah yang diamanahkan oleh Allah SWT kepada kita, haruslah dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Cukuplah meletakkan kesalahan kepada kerajaan lama ataupun setiap kali ucapan menyalahkan kerajaan lama. Saya teringat dengan bait-bait atau kata-kata sekolah tadika, "*Bangau oh bangau, kenapa nasi mentah? Kerana kayu api basah. Kenapa kayu basah? Kerana hujan timpa aku. Kenapa hujan timpa aku? Kerana katak panggil aku.*" Semuanya menyalahkan orang. Adakah ini prinsip yang digunakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan hari ini? Jadi, janganlah akhirnya rakyat menjadi mangsa.

Jadi, kalau kita lihat dengan perkembangan ekonomi yang ada pada hari ini, memang tidak dapat dinafikan hutang negara semakin bertambah. Kita melihat di antara puncaknya ialah kerana perbelanjaan sebenar tidak direkodkan dalam bajet asal menyebabkan tidak cukup bajet dan perlu ditambah. Begitu juga tanggungan bayaran faedah terhadap hutang negara ini begitu tinggi. Kalau kita lihat dalam bajet yang lepas, 12.5 peratus ataupun lebih daripada RM31 bilion dikhususkan untuk pembayaran bunga hutang. Begitu juga perbelanjaan infrastruktur yang ada tambahan pampasan dan sebagainya. Begitu juga kos mengurus yang semakin meningkat hampir 66 peratus setahun.

Di samping pendapatan negara yang terjejas akibat daripada penurunan harga minyak, penurunan harga komoditi getah dan kelapa sawit juga mempunyai kesan terhadap pendapatan negara. Akhirnya kerajaan terpaksa bertindak menjual aset ataupun meminjam dan negara terus menanggung hutang yang semakin besar. Dalam masa tempoh 10 bulan, kita melihat Kerajaan Pakatan Harapan sudah menambah hutang lebih daripada RM80 bilion. Jadi saya ingin tahu, apakah perancangan masa depan untuk mengeluarkan negara kita daripada kemelut-kemelut yang ada?

Kita melihat dalam bajet ini, di mana peruntukan sebanyak RM513,903,800 diperuntukkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Sebenarnya terlalu banyak isu yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri yang saya hendak kemukakan, terutama yang berkaitan dengan kawasan saya sendiri iaitu di kawasan sempadan. Saya berharap perkara ini dijadikan pertimbangan dan diberi keutamaan, terutama keselamatan sempadan, pagar sempadan, kompleks imigresen yang uzur dan rosak, yang berhampiran dengan jambatan ke Thailand yang boleh dibolosi oleh PATI dan aktiviti penyeludupan dengan mudah. Saya harap perkara ini diberi keutamaan dalam peruntukan akan datang.

Begitu juga perlu kepada pagar automatik. Kita melihat hari ini penggunaan pagar yang semakin rosak, yang berat dan sering rosak. Begitu juga pohon kepada naik taraf kawasan, terutama yang di sekitar pintu masuk ke negara jiran, Golok. Kita juga memerlukan lif, terutama di bangunan kompleks imigresen yang tiga tingkat, sedangkan ini adalah tempat pengurusan untuk rakyat mendapat perkhidmatan untuk mendapatkan pas sempadan, untuk membuat pasport dan sebagainya. Akan tetapi terpaksa orang tua, orang mengandung, kanak-kanak terpaksa panjat tangga tiga tingkat, bayangkan. Jadi, saya harapkan lif disediakan untuk memudahkan kemudahan, keperluan bagi rakyat untuk urusan dokumen perjalanan.

Begitu juga kita mohon supaya kerajaan tambah lorong, terutama lorong motosikal yang hanya ada dua lorong, yang berlaku masalah kesesakan yang amat sangat terutama di waktu puncak, apalagi di waktu musim cuti dan perayaan. Jadi, saya mengharapkan keutamaan diberi dalam melaksanakan projek-projek yang sangat diperlukan terutama dalam isu keselamatan di sempadan. Apalagi sistem palang keselamatan yang sering rosak, yang kita rasa malu kepada negara jiran.

Begitu juga masalah lampu yang sekeliling yang sering rosak. Masalah kekurangan staf dan kakitangan. Bayangkan pekerja ataupun staf imigresen yang habis tamat masa bekerja,

terpaksa tambah lagi ekstra masa kerana tidak cukup kakitangan terutama pada waktu puncak. Kekurangan staf ini mempunyai kesan yang sangat besar, yang menyebabkan mudahnya bolos, penyeludupan dan sebagainya.

Begitu juga tentang sistem pendawaian bangunan yang semakin uzur, yang sebelum ini pernah runtuh siling. Begitu juga tiris dan pendawaian lama yang tidak selamat. Jadi, saya harapkan perkara ini diberi keutamaan oleh kementerian, terutama dalam memastikan keselamatan di sempadan. Jadi saya harap perkara ini jangan dilewat-lewatkan. Begitu juga CCTV yang berapa kali saya sebut dalam Dewan ini, keperluan CCTV yang saya dapat maklum sudah begitu sekian lama CCTV ini sudah tidak berfungsi. Macam mana kita hendak jaga keselamatan, kalau infrastruktur yang asas ini pun kita tidak dapat laksanakan di dalam negara kita. Kalau di sebelah selatan Johor, bagaimana kerajaan bercadang hendak bina jambatan bengkok menghubungkan dengan Singapura.

■1500

Di sebelah utara ataupun di sebelah timur, kami Rantau Panjang dengan Golok, Jambatan Muhibah yang dijanjikan, tidak belok pun, lurus, pendek sahaja. Sungai Golok itu bukannya luas sangat. Itu pun sampai sekarang tidak dibina. Jadi, saya harap dalam kerajaan baharu hari ini, mengotakan janji supaya projek-projek infra yang penting ini disediakan untuk rakyat.

Saya ingin juga menyentuh berkaitan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli yang mana perkara ini sangat penting dan saya ingin tahu kenapa sesetengah negeri mendapat geran dan sesetengah negeri mendapat pinjaman. Macam kami di Kelantan kena pinjam untuk infrastruktur air. Jadi ada sesetengah negeri diberikan geran. Jadi, saya mengharapkan supaya status penukaran pinjaman daripada pinjaman untuk negeri Kelantan ditukar kepada geran.

Begitu juga saya ingin tahu berkaitan dengan program tarif industri khas, setakat mana perkara ini dilaksanakan. Adakah perkara ini akan diteruskan untuk akan datang terutama dalam membantu kontraktor air yang mungkin menanggung kos yang semakin tinggi? Apakah usaha kementerian untuk memastikan sumber air terutamanya berdepan dengan musim kemarau dengan pelbagai isu yang ada pada hari ini? Sejauh mana usaha kementerian untuk memastikan bekalan air negara mencukupi? Apakah persiapan kerajaan untuk memastikan sumber-sumber air ini dapat menampung keperluan yang ada?

Begitu juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan di bawah Kementerian Kesihatan, yang mana mendapat tambahan sebanyak RM700,591,430. Di mana kita mengetahui keperluan hospital hari ini sangat mendesak, terutama di kawasan-kawasan pedalaman. Banyak lagi hospital yang tidak cukup pakar, yang tidak cukup katil, bangunan yang uzur.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *[Bangun]*

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Jadi, sejauh mana perancangan pihak kementerian untuk memastikan...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan sedikit, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sebelum masuk ke tajuk yang lain. Tadi Yang Berhormat Rantau Panjang menyentuh mengenai pertukaran daripada pinjaman kepada geran. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa pemindahan pinjaman kerajaan kepada geran itu adalah merupakan antara pertimbangan utama migrasi kepada rejim PAAB? Maknanya adalah Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk menukar status pinjaman tersebut kepada geran. Oleh sebab itulah kerajaan negeri sudah pun memberikan persetujuan untuk migrasi itu.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Ya, saya bersetuju. Malah, inilah yang menjadi item utama dalam perjanjian untuk memastikan pinjaman ini ditukar kepada geran dalam perjanjian migrasi itu dibuat. Jadi saya harapkan, perkara ini ditunaikan. Jadi kerajaan yang ada pada hari ini tidak boleh lagi menyalahkan kerajaan yang lama. Apa yang ada pada hari ini mesti diteruskan.

Saya ingin juga minta penjelasan daripada pihak kementerian, senaraikan negeri-negeri yang mendapat geran daripada Kerajaan Pusat dalam isu air ini dan juga negeri-negeri dalam bentuk pinjaman. Kita mengharapkan terutama negeri-negeri yang di sebelah timur, yang janji Kerajaan Malaysia untuk meletakkan keseimbangan ekonomi antara barat dan timur. Jadi seharusnya ini adalah ruang yang terbaik untuk kita memastikan negeri-negeri di sebelah timur dapat mengecap pembangunan sebagaimana negeri di sebelah barat yang begitu maju, berbanding dengan negeri sebelah timur. Jadi, saya harapkan perkara ini diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Banyak lagi poin saya Tuan Yang di-Pertua kerana masa hanya 10 minit, setakat itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang atas kerjasama. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong, selepas itu Yang Berhormat Santubong. Sila.

3.04 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya di sini berterima kasih kerana telah diberi peluang untuk turut menyertai perbahasan di atas Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan tadi. Mungkin saya boleh memulakan dengan...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebentar. Saya belum bermula lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Belum mula lagi, sudah minta laluan apa?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ingin memulakan dengan memberi mukadimah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Belum mukadimah, laluan apa?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya selalu beri laluan kepada Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak mahu diganggu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin mohon laluan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak mahu beri laluan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya ikut peraturan, saya minta laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak beri laluan!

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Oh! Tidak beri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Sit down. Damn it! Sit down!* Jangan kurang ajar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Oh! Kalau saya tak nak duduk?

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, duduklah. Ahli Yang Berhormat, sila ikut peraturan. *[Dewan riuh]* Jika semua berlaku macam ini, macam mana Dewan hendak bersidang. Yang Berhormat Tumpat sila duduk. Ini adalah hak. Baca peraturan mesyuarat ya. Sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya cuma ingin mula dengan memberi mukadimah saranan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Langkawi pagi tadi...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak beri laluan.

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tumpat, dia sudah mengulangi, tidak beri laluan. Faham?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak beri laluan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Akan tetapi sebab...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila duduk, sila duduk.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Jelutong saya rasa dia tidak...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Tumpat faham lah ya. Sila duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Mukadimah yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi pagi tadi semasa perhimpunan dengan kakitangan awam di Putrajaya. "*Jangan salah guna kuasa walaupun sedikit*". Ini adalah saranan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi. Tadi saya lihat semasa perbincangan Yang Berhormat Rembau, perbincangan beliau seolah-olah memberi persepsi bahawa semua yang berlaku sekarang, masalah ekonomi, masalah yang dihadapi oleh kerajaan, tiada perkembangan pesat dalam ekonomi dan sebagainya, semuanya adalah kesalahan Kerajaan Pakatan Harapan. Betul kah begitu Yang Berhormat Rembau?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak beri Yang Berhormat. Saya tidak beri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak beri? *[Ketawa]* Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Memang pandai Yang Berhormat Rembau. Saya cukup teruja dengan perbahasan tadi tetapi adakah itu hakikatnya? Saya ingin tanya. Di kawasan saya sendiri, saya beritahu sekarang masalah di Jelutong. Pertamanya serba kekurangan, IPD Timur Laut di balai polis dan Balai Polis Jelutong. Pejabat di sana dan juga bangunan-bangunan di sana setiap kali ada kekurangan, ada permintaan yang tidak dapat dipenuhi. Klinik kesihatan di Jalan Perak. Masalah banjir yang dihadapi oleh penduduk di kawasan Jalan P.Ramlee, Jelutong. Tiap-tiap kali bila kami minta permohonan peruntukan tambahan, kerajaan dahulu tidak bayar.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya tidak beri. Duduk. *[Disampuk]* Saya akan beri nanti. Tunggu, tunggu.

Akan tetapi pada hari ini, kita tahu apakah masalah yang menyebabkan kerajaan dahulu tidak dapat memberikan peruntukan perbelanjaan untuk mengatasi masalah-masalah ini. Kita lihat dua hari yang lalu, Lembaga Hasil Dalam Negeri membuat pengumuman, membayar cukai adalah perkara yang begitu penting. Keikhlasan membayar cukai akan membantu Kerajaan Persekutuan menangani masalah supaya cukup pendapatan untuk kita memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi pendedahan yang dibuat pada dua hari atau tiga hari yang lalu oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, Yang Berhormat Pasir Salak duduk dahulu. Sabar, saya akan beri. Yang Berhormat Pasir Salak kawan saya. Saya akan beri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Beri ya?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan beri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Sure?*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Sure, sure. I will give you a chance.*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat, kawan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tumpat, *sorry*. Duduk.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kawan, kawan. Sekejap lagi saya akan berbahas ini, saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan selesaikan bab ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: CEO Lembaga Hasil kata, sumbangan politik tidak dikenakan cukai. Apa pandangan Yang Berhormat Jelutong?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pontian, ya saya akan beri. Dengar, dengar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: CEO Lembaga Hasil sebut.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sabarlah, sabar Yang Berhormat. Sebabnya kita lihat Yang Berhormat Pekan sendiri telah mengakui bahawa beliau telah gagal bayar RM1.5 bilion dalam cukai pendapatan.

Seorang Ahli: Nanti Yang Berhormat Pekan boleh jawablah ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan beri peluang. Yang Berhormat ada peluang untuk berbahas. Bahaslah balik tetapi dengar perbahasan saya. Bukankah itu pendapatan yang akan membantu Kerajaan Persekutuan mengagihkan pendapatan itu kepada agensi-agensi, jabatan-jabatan tertentu supaya perkhidmatan-perkhidmatan di kawasan-kawasan tertentu umpamanya di Jelutong, diberi perhatian, di kawasan saya. Klinik kesihatan di kawasan saya serba kekurangan kemudahan-kemudahan asas dan Kerajaan Barisan Nasional dahulu tidak dapat mengatasi masalah-masalah ini. Selepas Pakatan Harapan menjadi kerajaan, permintaan-permintaan telah pun dipenuhi, kekurangan-kekurangan dapat diatasi. Malahan masalah kerosakan penyaman udara pun tidak dapat diperbaiki oleh kerajaan dahulu. Saya berikan kesimpulan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bolehlah sudah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak duduk dahulu, Yang Berhormat Pasir Salak. Saya akan beri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Duduk lagi. Bila lagi?

■1510

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduk dahulu. Semuanya salah kerajaan sekarang! FELDA hilang duit, salah siapa? Tabung Haji hilang duit, salah siapa? FELCRA hilang duit, salah siapa? 1MDB hilang duit, salah siapa? Cukup pandai Yang Berhormat Rembau. *You are very smart.*

Perbahasan Yang Berhormat Rembau tadi saya tahu berhasrat apa. *To spin*, untuk tujuan pilihan raya di Rantau, bukan? Supaya siaran ini dapat digunakan oleh *cybertrooper*, seolah-olahnya semua kesalahan Kerajaan Pakatan Harapan. Petani tidak cukup duit, sebab salah PH. Pesawah tidak cukup duit, salah PH. Semua salah PH, *but who stole this country?*

Seorang Ahli: Bosku.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Who sold this country? Who rob this country Yang Berhormat Rembau? You answer my question.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Beginilah...

Seorang Ahli: Nanti, nanti boleh jawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak duduk dahulu, saya bagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah empat kali duduk ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduk, duduk Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak. Ini hak dialah. Baca Perkara 37...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau Yang Berhormat Rembau berani persoalkan, begitu berani menyoal perkara ini dahulu, *hats off to* Yang Berhormat Rembau. Kalau dahulu berani, kalau dahulu berani tanya Yang Berhormat Pekan. Mana pergi duit? Masa di luar, dalam siaran langsung televisyen, dalam *WhatsApp*, dalam video, wah! Cukup pandai Yang Berhormat Rembau. Memang mengakui, *I agree, I saw your interview* Yang Berhormat Rembau, ingat tidak? Satu hari, dua hari sebelum pilihan raya sembang kopi dengan Yang Berhormat Pekan. Ingat tak? Yang ditularkan, ingat tak?

Masa itu, oh! PH telah menjualkan negara ini, saya cukup sedih. Drama minggu ini Yang Berhormat Rembau. Sekarang pandai. Lepas itu dalam satu lagi siaran, saya tengok Yang Berhormat Rembau kata saya akui, 1MDB adalah perkara yang menyebabkan kita menghadapi masalah. *Come on, don't speak with twisted tongue*, Yang Berhormat Rembau, *be a gentleman*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini *gentleman* ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya tidak bagi laluan, duduk dahulu. *Sit down...*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat, *order, order* 37(1)(b) . Jika dia bagi saya bagi, ya. Peraturan mesyuarat semua kena patuh. Nanti sebelah sini pun sama juga. Sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat saya tidak bagi siapa-siapa mencelah.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Akan tetapi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dia mengundang provokasi ini Tuan Yang di-Pertua. Macam mana ini? Dia mengundang provokasi siap nama, siap panggil. Macam ini, cakap...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya di sini, dengar lah, dengar lah. *It's my floor...*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *You invoke my name...* seru nama saya banyak kali. Kalau Yang Berhormat hendak cakap... [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk, sila, nanti ada giliran. Lepas ini Yang Berhormat Santubong kan? Ada juga... [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: ...Jangan sebut nama!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak boleh sebut nama. Nama kawasan sahaja. okey, yang lain-lain semua duduk. Sila, sila teruskan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, dia mengundang...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Malu lah!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Betul, tadi dia panggil nama.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bagilah kalau berani.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Betul dia panggil tadi nama.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tunjuk teladan yang baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya cuma, saya sudah habis, saya akan bagi sekarang. Saya akan bagi, *I will give you a chance.*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak habis lagi, sekaranglah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Nasihat saya cuma satu sahaja, kalau lah Yang Berhormat Pekan tidak bersalah, nasihatkan kepada beliau, jangan tanggung perbicaraan esok kalau berani. Kalau berani, esok mulakan bicara esok. Kalau berani! Nasihatkan kepada Yang Berhormat Pekan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Macam mana ini?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Eleh! Macam *gentleman*, penakut!

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Santubong, sila. *[Dewan riuh]* Jika Yang Berhormat Santubong tiada dalam Dewan, saya sekarang ikut giliran, saya jemput Yang Berhormat Pasir Gudang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong adalah penipu.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Low class* punya MP.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila Yang Berhormat Pasir Gudang. Masa 10 minit.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ha! Takut!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penipu, Yang Berhormat Jelutong adalah penipu.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Talk in one way, you low class MP, run away.* *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Pasir Gudang, masa 10 minit, sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tadi tidak bagi laluan. Sudah janji, bohong.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sebut nama banyak kali, lepas itu tidak bagi laluan... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Cakap jangan berbelit, belitlah. Cakap jangan berbelit, belit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Chicken, chicken.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong, giliran anda sudah tamat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Badan sahaja besar.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sebut nama saya banyak kali, tapi tidak bagi laluan, pondan kah apa?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pondan lah, pondan.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Gudang, teruskan jangan bazir masa.

Seorang Ahli: Jangan bazir masa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tidak sangka Yang Berhormat Jelutong betul-betul tidak *gentleman* lah.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, *I don't want to respond to* Yang Berhormat Rembau, *I'm not a low class fellow like him. Thank you.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Low class? You invoke my name.*

Seorang Ahli: *You are low class.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak mengapalah, sabar, sabar. Oleh sebab itu pepatah *English* kata, "*It takes two to tango*". Ya lah memang dengar dahulu, lepas itu panas telinga, lepas itu panas hati pula. Oleh sebab itu saya hendak sejukkan hati, Yang Berhormat Pasir Gudang, sila.

3.13 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Tuan Yang di-Pertua saya ingin membahaskan maksud P.6 Jabatan Perdana Menteri...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak apa, apa kata, pondan kah pondan kah? Pondan kah *chicken*?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau.

Seorang Ahli: Jangan biadap lah!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, *don't ask for it.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, saya tanya Rembau. *Chic...*
[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila ikut peraturan. Siapa yang jika tidak peraturan, sila keluar Dewan ya. Sila Yang Berhormat Pasir Gudang.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Jelutong keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong duduk, semua duduk. Sila hormat, sekarang hak Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Butiran Projek 00101 - Majlis Keselamatan Negara pada muka surat 8 dan 9.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu dalam jawatankuasa, apa tidak tahu berbahas kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Akta Majlis Keselamatan Negara 2016, iaitu Akta 776 telah diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lalu pada sidang Parlimen, Oktober hingga Disember 2015 dan akta ini telah dijadikan akta tanpa perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Perbahasan saya ini mengenai peruntukan bagi Majlis Keselamatan Negara. Soalnya, apakah Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 sah atau tidak, dari segi Perlembagaan Persekutuan?

Yang Berhormat Port Dickson telah mencabar keberlembagaan (*constitutionality*) Akta Majlis Keselamatan Negara ini pada Ogos 2016 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Yang Berhormat Port Dickson menganggap akta ini melanggar Perlembagaan Persekutuan dan telah memohon injuksi agar Majlis Keselamatan Negara dihalang daripada menjalankan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, di Parlimen pada hari ini, pada petang ini, Yang Berhormat Menteri memohon peruntukan tambahan sebanyak RM119,593,527. Soalnya, bolehkah Parlimen luluskan peruntukan tambahan ini jika Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 dipersoalkan di mahkamah, sama ada bercanggah atau tidak dengan Perlembagaan Persekutuan. Pada 13 November 2018, Mahkamah Persekutuan membenarkan rayuan Yang Berhormat Port Dickson dan mengembalikan kes itu ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk didengar meritnya.

Kemudian, pada 14 Mac 2019, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membenarkan persoalan isu keberlembagaan dirujuk ke Mahkamah Persekutuan. Dua persoalan mengenai Akta Majlis Keselamatan Negara ini untuk dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan. Antaranya ialah, adakah Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 melanggar Perlembagaan, batal, tidak sah serta tidak memiliki kuasa?

Peruntukan tambahan sebanyak RM119,593,527 adalah dikehendaki untuk membiayai penyelenggaraan *Government Integrated Radio Network* ringkasnya (GIRN) di bawah Majlis Keselamatan Negara. Jadi, saya ingin tanya kepada kerajaan sekarang, adakah Akta Majlis Keselamatan Negara hendak dimansuhkan seperti dijanji di dalam Manifesto Pakatan Harapan dalam pilihan raya yang lalu atau adakah Akta Majlis Keselamatan Negara ini hanya untuk dilakukan pindaan sahaja?

Tuan Yang di-Pertua akhirnya, saya percaya bahawa peruntukan kewangan tidak boleh dikeluarkan oleh kerajaan jika Akta Majlis Keselamatan Negara itu tidak sah dan bercanggah dengan Perlembagaan. Sekian, terima kasih perbahasan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pontian, sila.

■1520.

3.20 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Perkara yang ingin saya timbulkan pada hari ini ialah apabila tercatat dalam Kertas Perintah 1 dan Kertas Perintah 2 bahawa Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan ialah merupakan tambahan pertama 2018. Dengan lain perkataan, apabila disebut ia adalah tambahan pertama, kemungkinan ada tambahan kedua dan kemungkinan ada tambahan ketiga. Saya hendak tanya kenapa ia tidak disatukan, sebab perkara-perkara perbelanjaan itu telah pun dibelanjakan pada tahun 2018. Kenapa ia tidak disekalikan? Kenapa perlu ada tambahan kedua dan ketiga agaknya, itu perkara pertama.

Perkara kedua, di tangan saya ada satu dokumen jawapan daripada Kementerian Kewangan tentang perkara yang amat penting yang ingin saya kongsi di dalam Dewan ini. Beberapa kali dalam Dewan ini saya menyebut dan selalu diperli oleh Yang Berhormat Bagan, saya pun tidak tahu ke mana dia hari ini. Adakah dia mendengar atau tidak perbincangan saya ini? Bagaimana dia hendak menjawab kalau dia tidak mendengar apa yang ingin saya katakan iaitu tentang aset dan juga hutang 1MDB. Beliau pernah menyebut hanya saya seorang yang masih mempertahankan 1MDB.

Maka di tangan saya ini ada dokumen jawapan daripada Kementerian Kewangan. Saya ingin nyatakan bahawa sukuk IMTN terbitan 1MDB matang tahun 2039 nilai jumlah prinsipal hutang itu RM5 bilion. Bon terbitan 1MDB, Global Investment Limited matang tahun 2023, nilai RM12.3 bilion. Bon terbitan 1MDB, Energy Langkat Limited matang tahun 2022, jumlah RM7.175 bilion dan yang akhir hutang 1MDB ini ialah bon terbitan 1MDB Energy Limited matang tahun 2022, jumlah RM7.175 bilion menandakan jumlah hutang prinsipal 1MDB ialah RM31.65 bilion.

Apa yang ingin saya timbulkan di sini ialah Menteri Kewangan ketika bajet menyebut bahawa hutang 1MDB ini RM50 bilion. Baru-baru ini ketika pengumuman, Menteri Kewangan menyebut kesan daripada 1MDB ini RM100 bilion. Senang-senang sahaja angka-angka itu dipetik-petiknya, RM31.65 bilion ditukar kepada RM50 bilion ditukar kepada RM100 bilion. Ingat kita tidak ada maklumat-maklumat tentang perkara ini. Saya telah menyebut tentang kenyataan bekas CEO 1MDB bahawa aset 1MDB ini RM43 bilion dan hutang 1MDB ini RM31.65 bilion dan benar di tangan saya hutang 1MDB RM31.65 bilion tetapi Menteri Kewangan tidak menjawab soalan senarai aset dan nilainya. Seolah-olah macam 1MDB ini tidak ada aset langsung walhal disebut oleh Arul Kanda bahawa aset 1MDB boleh membayar hutangnya.

Walaupun demikian, disebut dalam jawapan ini bahawa pada 7 April 2016 antara lain telah mengesyorkan iaitu mengenai kawalan pengurusan urus tadbir syarikat 1MDB pada 7 April 2016 antara lain telah mengesyorkan supaya anak-anak syarikat dan aset milik 1MDB disebut 'aset milik 1MDB' empat aset.

- (i) Tun Razak Exchange;
- (ii) Bandar Malaysia;
- (iii) Tanah Ayer Hitam; dan

(iv) Tanah Pulau Indah diserahkan kepada Menteri Kewangan (Diperbadankan).

Saya hendak tahu dan tolong jawab Yang Berhormat Bagan, tolong jawab berapa nilai ini? Berapa nilai aset Tun Razak Exchange ini? Berapa nilai aset Bandar Malaysia ini? Berapa nilai aset Tanah Ayer Hitam? Berapa nilai aset Tanah Pulau Indah? Kalau Pulau Indah itu keluasannya 318.42 ekar dan adakah benar apa yang disebut oleh CEO dahulu, Arul Kanda bahawa aset 1MDB – RM43 bilion. Pastinya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih, Yang Berhormat. Selain daripada nilai aset, bolehkah kita melihat aset ini akan menjana pendapatan, keuntungan apabila ianya dimajukan. Berapa nilai perniagaan dan jangkaan keuntungan, kalau tidak silap saya Bandar Malaysia sahaja RM200 bilion dijangka dan kalau 10 persen keuntungannya pun sudah RM20 bilion.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Angka yang saya perolehi Yang Berhormat Pasir Salak disebut oleh Menteri Kewangan apabila beliau melawat fasa 1 TRX ,bangunan paling tinggi di Malaysia pada saat dan ketika ini 106 tingkat, lebih tinggi daripada 88 tingkat KLCC. Dia sebut nilai itu sekarang ialah RM40 bilion. Itu baru fasa 1 TRX, belum lagi fasa 2 TRX, belum lagi Bandar Malaysia. Jadi ini masukkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Salak itu dalam ucapan saya. Saya tinggal 4 minit 36, 35...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, Yang Berhormat. Sedikit sahaja lagi. *One second. One second.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey. Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Harta Tabung Haji telah dipindahkan kepada SPV iaitu urus harta jemaah dan juga Prokhas, tidak berbayar RM19 perpuluhan berapa bilion...

Seorang Ahli: 99.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Transfer* ataupun dijual, tidak ada pembayaran. *Not even one cent.*

Seorang Ahli: *Paper money.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa yang tercatat dalam akaun Tabung Haji sekarang ini apa? Kosong, tidak ada lagi sudah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ketua Audit Negara...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi, bolehlah kita katakan bahawa MOF telah merompak harta Tabung Haji, boleh kita kata begitu?

Beberapa Ahli: Boleh. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh. Saya tentang rompak ini saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Bagan. *Input tax credit* (ITC) atau Wang Pulangan Balik, GST *refund* RM19.4 bilion ini, adakah dirompak ataupun tidak. Saya ingin bertanya kepada Yang

Berhormat Bagan, Menteri Kewangan tolong jawab pukul 5.00 petang ini. Ingin diulang atau dia tidak berani mengulang bahawa kerajaan terdahulu merompak RM19.4 bilion ITC atau wang pulangan balik, GST *refund*. Kalau tidak berani mengulangi, bererti dia kena tarik balik tuduhan yang dahulu. Kalau tidak tarik balik, kita akan bawa beliau ke Jawatankuasa Hak.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Mohon mencelah, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Perkara yang ketiga, tiada celahan. Kalau belah sini boleh celah, sebelah sana membuang masa.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: RM686 bilion hutang, 50.8 peratus hasil daripada KDNK meningkat kepada RM773.1 bilion, RM87 bilion hutang kerajaan ini meningkat. Ini dalam masa kerajaan sekarang. Kemudian, Suruhanjaya Sekuriti menyebut dengan izin, "*Malaysia stop market shrank nearly 11 percent to RM1.7 trillion in 2018*". Apa maksudnya Yang Berhormat-Yang Berhormat semua? Suruhanjaya Sekuriti menyebut bahawa ekonomi Malaysia hilang nilai sekitar RM200 bilion apabila pasaran saham menguncup 11 peratus, RM200 bilion hilang.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Yang Berhormat Rembau.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong, jawab.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih, Yang Berhormat Pontian. Berkaitan dengan hutang negara, saya terlupa hendak sebut dalam perbahasan tadi, sedar ataupun tidak Yang Berhormat Pontian apabila Menteri Kewangan menggulung waktu Ucapan Titah, beliau mengakui bahawa Samurai Bon apabila diambil kira nilai mata wang ataupun *currency swap* beliau kata, "*Ya, kalau selepas swap, ia hampir sama dengan MGS 4 peratus*", kos sama dengan *Malaysian Government Securities*.

Jadi kenapa tambah hutang dan tambah hutang luar negara pula itu, *offshore borrowing* sedangkan kita cukup *liquidity* di Malaysia untuk diterbitkan *Malaysian Government Securities*. Jadi, kalau kosnya sama kenapa minta daripada luar?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih, ya mereka sebenarnya menambah hutang bukan mengurangkan hutang. Segalanya sebelum ini dibantai tentang hutang tetapi akhirnya mereka tambah hutang bukan kurangkan hutang. Saya ingin bertanya kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri tentunya Menteri Kewangan kena menjawab sumbangan politik tidak termasuk yang perkara yang dikenakan cukai, ini kenyataan CEO Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Kemudian, pendapatan diperolehi daripada luar negara tidak dikenakan cukai seperti di bawah Undang-undang Percukaian. Saya ingin pengesahan dua-dua ini sebab dua-dua perkara ini ada dalam kenyataan-kenyataan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan ia berkaitan dengan apa yang dihadapi oleh Yang Berhormat Pekan sekarang.

Tadi Yang Berhormat Pasir Salak ada menyebut tentang Tabung Haji yang kita serahkan kepada Prokhas bawah MOF. Tahun 2013, Tabung Haji untung RM2.63 bilion, hibah 8 *percent*.

Tahun 2014 untung RM2.98 bilion, hibah 8.25 *percent*, tahun 2015 untung RM3.54 bilion, hibah 8 *percent*, tahun 2016 untung RM2.49 bilion, hibah 5.75 *percent*, tahun 2017 untung RM3.14 bilion, hibah 6.25 *percent*. Semuanya diaudit oleh Jabatan Ketua Audit Negara, adakah kita ingin menyatakan bahawa apa yang diaudit oleh Jabatan Ketua Audit Negara itu tidak betul dan saya ingin bertanya melalui Prokhas ini, berapa hibah yang akan diumumkan oleh Tabung Haji dan bila akan diumumkan. Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Pontian sikit.

■1530

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian, masa telah tamat. Terima kasih atas kerjasama yang diberikan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kapar. Sila.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada laporan yang saya terima berkenaan dengan kronologi kes FELDA Sendayan. 1996 - MHS membeli tanah dengan harga RM3 kaki persegi kepada 486 peneroka dengan bayaran 10 peratus sekitar RM68 juta. 27 peneroka tidak bersetuju. MHS telah gagal untuk membangunkan tanah FELDA Sendayan. Pada 2006 - MBI mengambil alih semula pembelian tanah FELDA Sendayan dengan harga yang sama iaitu RM3 kaki persegi melibatkan 500 peneroka. 13 peneroka tidak bersetuju tetapi dengan menggunakan Akta Tanah Negara, mereka telah pun mengambil dengan harga RM1.75 sen dalam kaki persegi.

Bermaksud, 435,600 persegi dengan harga RM3 berjumlah RM1,306,800 juta yang telah pun diperolehi daripada sepuluh ekar tanah milik peneroka. MBI menjual kembali kepada peneroka dengan harga RM4, daripada RM4 termasuklah mereka diberi banglo 10 ribu kaki persegi dengan harga RM240,000, tanah mereka sendiri dan juga dua ekar tanah sekitar 87,120 kaki persegi dengan RM4. Ia beli RM3, ia suruh peneroka ambil dengan RM4 dua ekar. Jadi, peneroka kehilangan RM588,480. Tanah Pangkalan Udara Sendayan seluas 970 ekar dengan harga yang dilaporkan sekitar RM7 satu kaki persegi.

Maksudnya ialah peneroka di FELDA Sendayan telah pun ditipu ataupun dizalimi hak mereka yang begitu ketara. Jadi, saya minta Kementerian Pertahanan dan juga Menteri Ekonomi untuk menyiasat kes FELDA ini untuk dibuka failnya semula kerana di sini...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh mencelah.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: ...Melibatkan ratusan peneroka...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Peneroka itu dibagi RM601,000 tunai bagi dua ekar tanah... *[Pembesar suara dimatikan]*

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: ...di FELDA Sendayan. Saya menggunakan Peraturan 37. Kalau sana tidak bagi... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pontian, tadi pun tidak bagi orang mencelah, maka kena adil. Okey, sila Yang Berhormat Kapar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Dapat satu banglo dan tanah RM10,000 kaki persegi... *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pontian, jangan sampai ditegur tiga kali, sila.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Saya tidak kacau pun bila pembangkang berhujah, saya diam sahaja. Tolong hormat Peraturan 37. Saya tidak membenarkan sesiapa membuat pencelahan kerana ini soal integriti, soal maruah dan soal peneroka yang perlu diperjuangkan. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Saya minta Kementerian Pertahanan siasat kes ini kerana ini melibatkan Kementerian Pertahanan atas pembelian tanah sebanyak 970 ekar. Pemilik yang mutlak pada asalnya ialah peneroka FELDA Sendayan. Begitu juga dengan Yang Berhormat Menteri Ekonomi, siasat FELDA ini. Apakah benar berlaku kepincangan ataupun salah laku? Kalau ia berlaku, tolong laporkan, buka fail balik dan berikan hak mereka yang sepatutnya, sewajibnya. Jangan kita zalimi walaupun mereka tidak faham apa yang telah mereka tandatangani.

Akan tetapi ingat bahawa kemungkaran itu pasti ternyata haknya kalau tidak kita berhati-hati. Oleh kerana ini adalah ulangan apa yang tidak sepatutnya berlaku kepada peneroka FELDA Sendayan. Maka, saya juga sedih apabila 13 keluarga mereka yang terlibat telah pun diambil secara rampas tanah mereka dengan harga RM1.75 sen. Ini kezaliman yang keterlaluan, maka saya minta kementerian-kementerian berkenaan supaya siasat dan pastikan hukum mereka dan letakkan maruah keadilan di tempatnya.

Seterusnya, saya hendak merujuk kepada yang dibentangkan oleh Kementerian Kewangan tadi. Soal EPF. Setelah daripada penggal yang lepas, saya mengutarakan isu yang sama iaitu pemberian kepada Wang Dana Awam yang diberi kepada 1MDB itu dibayar kah belum? EPF sekitar RM1.2 bilion sudah bayar kah belum? SOCSO, duit orang sakit RM900 juta, dibayar kah belum? Itu wang pekerja-pekerja yang mengharapkan pembelaan ketika mereka cedera atau pun mereka mendapat ilat dalam tugas dan diambil wang daripada tabungan ini. Saya hendak beritahu dengan kementerian, apakah wang itu dipulangkan balik kepada Tabung Dana Awam ini yang berkiblat kepada pekerja-pekerja sahaja dan tidak boleh diusik ataupun diambil sewenang-wenangnya walaupun ia Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Apa yang jelas, saya hendak juga memaklumkan wang yang diambil daripada LTAT dan juga Tabung Haji, yang diambil atas pemberian kepada, atas urusan niaga atau sebagainya. Akan tetapi saya hendak tahu, apakah yang berlaku dalam kejadian-kejadian pengambilan dana awam ini supaya mereka yang terlibat secara langsung akan mengetahui di mana kedudukan kewangan yang sepatutnya milik mereka. Saya juga ingin memastikan bahawa setiap peruntukan kewangan yang melibatkan pengurusan, terutamanya sekali meletakkan sebagai PERHEBAT, sebagai contoh, di mana Kementerian Pertahanan, dalam pengurusan telah pun memohon wang sebanyak RM226,172,000 juta. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri, bahawa suntingan ataupun perbelanjaan RM32 juta untuk PERHEBAT untuk melatih askar-askar yang akan bersara, ini tidak

boleh kita ketepikan. Maka, keperluan yang sewajarnya diminta atau keperluan sehingga bulan 9 berjumlah RM32 juta itu tidak mencukupi sebab ianya akan terus sampai kepada Disember.

Jadi, saya mohon Kementerian Pertahanan supaya merujuk kembali di atas perbelanjaan peruntukan RM32 juta itu kepada RM40 juta kerana membolehkan aktiviti-aktiviti kemahiran pesara tentera itu dapat dilakukan sehingga bulan 12, termasuk penggajian-penggajian yang kena dilakukan terhadap pekerja-pekerja yang terlibat secara langsung dalam konteks memberikan mereka keadilan sebenar. Jadi, yang seterusnya saya hendak meminta Kementerian Ekonomi supaya pastikan elaun sara hidup FELDA ini menepati janji iaitu setiap bulan diberikan kepada mereka. Kebergantungan penuh kepada kos sara hidup ataupun Skim Bantuan Sara Hidup ini diberikan kepada peneroka-peneroka tanpa berlengah waktu. Pastikan bahawa kesengsaraan itu tidak diulangi seperti mana sebelumnya, yang memberikan kesan yang tidak baik kepada penghidupan peneroka-peneroka yang mengharapkan wang ini sebagai penerusan penghidupan mereka.

Jadi dalam keseluruhannya, saya ingin mengutarakan daripada penambahan bajet ini yang berlonggok ataupun yang ada dalam konteks untuk memastikan hak itu diberikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kapar, berucap dengan semangat berkobar-kobar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019. Ada beberapa perkara yang ingin saya utarakan dalam peluang yang ada ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tumpat, tadi hendak tanya saya apa? Minta penjelasan. [*Dewan riu*] Sekarang saya bagi masa bagi penjelasan, apa hendak tanya tadi?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bagi Yang Berhormat Jelutong mencelah.

Seorang Ahli: Malu lah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Dengan syarat Tuan Yang di-Pertua bagi peluang kepada saya untuk menjawab sepenuhnya masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Semua orang masa sama, 10 minit.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Apa yang saya hendak tanya daripada Yang Berhormat Jelutong tadi sebab semalam Yang Berhormat Jelutong ada sebut bahawa peruntukan yang kita bincang pasal peruntukan kepada Ahli Parlimen dan sebagai. Yang Berhormat Jelutong sebut duit Pakatan Harapan. Jadi, sebelum bincang berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini, saya hendak tanya Yang Berhormat Jelutong, sama ada dia sudah faham kah bahawa apa yang dia hendak bahaskan ini duit kerajaan, duit rakyat, bukannya duit Pakatan Harapan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tumpat, korek telinga, saya kata duit Kerajaan Pakatan Harapan, bukan Kerajaan Barisan Nasional.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Kerajaan Persekutuan, Yang Berhormat Jelutong betulkan ya. Kerajaan Persekutuan, yang kita bincang ini, duit Kerajaan Persekutuan. Tolong Tuan Yang di-Pertua, tolong betulkan Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Persekutuan Pakatan Harapan, bukan Barisan Nasional atau PAS.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *No, no*, tidak ada, tidak ada. Saya minta kerjasama daripada Yang Berhormat Jelutong, supaya jangan menambah, menunjukkan lagi kebodohnya kepada rakyat Malaysia. *[Ketawa]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tumpat dua kali bodoh lebih daripada saya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tak apa, tak apa. Okey, Yang Berhormat Jelutong.

■1540

Pertama, mengenai maksud B.9 untuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah yang disebut sebanyak RM5 juta. Kita sangat menyokong dan rakyat Malaysia juga menyokong. Harapan rakyat Malaysia sangat tinggi untuk melihat rasuah dibasmi di negara ini dan itulah juga antara sebab rakyat memilih Pakatan Harapan apabila mereka menyangka Kerajaan Pakatan Harapan ini serius untuk membasmi rasuah. Namun hari ini rakyat sungguh kecewa. Apa yang diharapkan oleh rakyat untuk membasmi rasuah, namun yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan ialah membebaskan pemimpin-pemimpin mereka daripada dakwaan rasuah. Yang Berhormat Bagan tidak ada di sini tapi kalau saya jadi Yang Berhormat Bagan, dengan keyakinan tidak bersalah tentulah saya lebih bersedia untuk dibersihkan melalui proses mahkamah, bukannya dibebaskan di pertengahan bicara.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, apa peraturan? Sila baca.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Peraturan 36(6), sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli yang lain. Kalau Yang Berhormat Tumpat ingin berbahas atas isu dasar, beliau boleh teruskan tapi minta beliau jangan buat sebarang tuduhan terhadap siapa-siapa, terutama Yang Berhormat Bagan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan menunjukkan kebodohan. Faham tidak Yang Berhormat Tumpat, jangan jadi bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat-Ahli Yang Berhormat, marilah kita gunakan bahasa yang *parliamentarian* dalam Dewan yang mulia ini, pada petang yang penuh berkat ini. Saya haraplah kedua-dua belah pihak ya, tidak menuju kepada sesiapa. Jagalah bahasa. Ini kerana sesi perbincangan bajet tambahan. Sila.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *Insya-Allah* saya tidak akan tujukan kepada sesiapa, Yang Berhormat Jelutong. Hari ini kerajaan telah dikuasai oleh Pakatan Harapan. Tentulah Yang Berhormat Menteri akan mendapat keadilan mahkamah. Jadi, takut apa Yang Berhormat Menteri ku. Bersihkan diri di mahkamah sebenarnya. Selama 60 tahun UMNO mentadbir Malaysia pun tidak mampu untuk mereka membebaskan pemimpin-pemimpin mereka sewaktu ataupun di dalam perbicaraan. Jadi, ini adalah merupakan pencapaian hebat Pakatan Harapan. Makna kononnya membasmi rasuah tapi sebenarnya membebaskan pemimpin-pemimpin mereka daripada rasuah.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, semalam konon *viral*...

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: *[Bangun]* Kuala Terengganu.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...*Viral* satu surat daripada salah seorang Menteri Kabinet Malaysia berkenaan dengan pegawai yang terlibat dengan rasuah yang ditahan dan terlibat dengan rasuah dan surat itu bunyinya terlalu *familiar*. Sebelum ini pun sudah ada surat sudah. Maknanya memberikan, saya cuba cari untuk saya baca surat ini. Bahawasanya Yang Berhormat Menteri itu memberikan kebebasan kepada SPRM untuk menjalankan tanggungjawab. Jadi, seolah-olah seperti macam Pakatan Harapan ini sudah ada *standard form*. Makna, setiap kali ada saja pegawai-pegawai yang terlibat ditahan kerana rasuah dan sebagainya, menggunakan borang yang sama menyatakan mereka tidak mengganggu gugat SPRM untuk menjalankan siasatan dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, namun selepas daripada surat berkenaan, kebanyakan kes itu hilang entah di mana. Beberapa kes dan sebelum daripada ini ditahan ataupun disiasat kemudiannya hilang entah di mana. Jadi, ini adalah merupakan satu suasana yang sangat merugikan rakyat Malaysia. Bukan ini sebenarnya rakyat Malaysia mahu melihat kerajaan yang digelar sebagai Malaysia Baharu dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya SPRM diberikan kuasa sepenuhnya. Sebelum daripada ini, pihak di sebelah sana menuduh kerajaan UMNO, Barisan Nasional kononnya menyekat SPRM daripada mengambil tindakan terhadap pemimpin-pemimpin kerajaan pada masa itu. Hari ini kita lihat suasana sebegitu lebih teruk daripada kerajaan sebelum daripada ini.

Jadi, ini adalah disebabkan kerana SPRM tidak ada kuasa. Saya tidak menyalahkan SPRM, saya tidak menyalahkan pegawai-pegawai SPRM tetapi mereka terikat dengan kementerian dan sebagainya yang menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan tanggungjawab dengan sebaiknya. Jadi, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab...

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Tumpat boleh mencelah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...Janji dalam... kejan. Janji dalam janji Pakatan Harapan dan sebagainya, saya mengharapkan supaya kita boleh memberikan kebebasan

kepada SPRM ini dengan meletakkan SPRM terus di bawah Parlimen. Sila Yang Berhormat Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, apa yang ingin saya celah ini tidak ada kaitan dengan apa yang Yang Berhormat Tumpat sebut tetapi oleh kerana Yang Berhormat Kapar tidak memberikan laluan, maka saya harap apa yang saya sebut ini masuk dalam ucapan Yang Berhormat Tumpat. MHS, *Malaysia Helicopter Services* ingin membangunkan FELDA Sendayan dan telah memberi 10 peratus kepada peneroka-peneroka Felda tetapi gagal untuk membangunkan FELDA Sendayan. Selama lapan tahun tidak diselesaikan tetapi apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada ketika itu, Datuk Seri Mohd Hassan, beliau yang telah menyelesaikan. Penyelesaiannya ialah setiap peneroka mendapat RM600 ribu tunai. Setiap peneroka dapat 2 ekar tanah, setiap peneroka dapat sebuah banglo di atas tapak 10 ribu kaki persegi. Tapak itu pun mereka dapat dan selain daripada itu mereka juga ada rumah dan tapak rumah sekarang ini. Itu penjelasan tentang isu FELDA Sendayan dalam DUN Rantau.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian dan bolehlah oleh kerana Yang Berhormat Jelutong tidak bagi peluang, bolehlah ucapan itu dimasukkan dalam ucapan saya dan saya pun telah lari saya punya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bukan Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Kapar.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya ucap terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sekejap minta. Ada lagi masa.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Okey.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey saya hendak minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Sekarang ini saya minta penjelasan berkenaan dengan Tabung Haji ini ditubuhkan SPV, kemudian diserahkan balik kepada satu lagi SPV. SPV mengawal SPV, kenapa jadi begini. Sepatutnya sudah ada *expertise-expertise* dalam SPV yang ditubuhkan seperti jawapan Yang Berhormat Menteri pada hari itu, tidak perlulah Prokhas mengawal atau menyusun atur balik untuk SPV urus harta ini. Kenapa jadi begini? SPV mengurus SPV. Saya tidak faham. Silakan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Ya, saya hendak tambah yang Yang Berhormat Pendang sebut tadi. Saya pun hairan, masa dia tubuh SPV urus harta jemaah ini, dia tidak tahu kah SPV ini tidak ada pengurusan, sudah diserahkan kepada SPV urus harta jemaah, baru dia tahu tidak ada pengurusan, dia serah kepada Prokhas. Dia kata Prokhas ada pengurusan, macam mana.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pohon hujahan daripada dua-dua Yang Berhormat itu dimasukkan dalam ucapan saya dan dijawab oleh Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa tinggal 30 saat lagi. Sila.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Ada lagi.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Boleh.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tadi, boleh ya. Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Berbalik kepada isu SPRM, saya setuju dengan Yang Berhormat daripada Tumpat. SPRM ini sudah buat kerja sudah baik sudah tetapi kita tahu sistem kita, SPRM ini hanya menyasiat. Pihak yang menentukan pendakwaan ialah pejabat AG. Begitu juga bila kes Yang Berhormat Bagan, bila ditarik, SPRM pun terkejut mengapa kes itu ditarik semula. Jadi, Yang Berhormat setuju tidak bahawa yang untuk menentukan keadilan ini bukan sahaja SPRM tapi pejabat AG mesti menegakkan keadilan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ya, saya sangat setuju Yang Berhormat Tanjong Karang. Masukkan dalam sebahagian daripada ucapan saya. Cuma tajuk saya tadi itu di atas SPRM. Namun banyak lagi agensi-agensi, badan-badan kerajaan yang sepatutnya bertanggungjawab untuk membawa keadilan kepada rakyat Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jeli. Sila.

3.49 ptg.

Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada empat perkara. Perkara yang pertama berkaitan dengan ketelusan ataupun *transparency*. Antara reformasi yang dibuat oleh kerajaan hari ini ialah penubuhan Jawatankuasa Pilihan dalam Parlimen dan juga usaha-usaha untuk meningkatkan tahap ketelusan atau *transparency* dan kedua-dua belah pihak saya rasa mengalu-alukan tindakan reformasi ini sama ada kerajaan ataupun pembangkang. Sehubungan itu, kita mengalu-alukan tindakan beberapa institusi dan agensi seperti Khazanah, Tabung Haji dan *insya-Allah* mungkin FELDA, kertas putih akan dikeluarkan oleh pihak berkenaan dalam sikit masa lagi dan kita alu-alukan tindakan mereka untuk mengadakan pertemuan, taklimat kepada Ahli Parlimen pembangkang dan juga kerajaan, ini amat dialu-alukan. Harapan saya, kita galakkan perkara ini kerana Ahli Parlimen merupakan benteng utama. Kita merupakan sama ada pembangkang ataupun kerajaan penghubung antara rakyat dengan pemerintah.

■1550

Jadi kita perlu faham. Kalau Ahli Parlimen tidak faham tentang hutang negara, Tabung Haji, kita akan bertelingkah sampai bila-bila.

Beberapa Ahli: Betul, betul.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Jadi saya alu-alukan tindakan ini dan saya galakkan kerajaan supaya mengadakan pertemuan...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: ...Dengan Ahli-ahli Parlimen kedua-dua belah pihak. Ketelusan adalah penting dan kita menuju ke era sebuah negara maju yang lebih matang. Matang bermakna kita berasaskan fakta, perbincangan atas fakta. Fakta ini kebanyakannya sukar untuk kita bahaskan. Fakta itu, fakta kita boleh...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tumpat, sila duduk.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Kita boleh berbeza pandangan dan kita harus galakkan perbezaan ini tetapi hal-hal pokok berkaitan hutang kah, masalah Tabung haji kah. Jadi saya hendak ucapkan tahniah kepada pihak berkenaan kerana mengambil pendekatan yang terbuka dan saya harap kerajaan lebih terbuka demi rakyat. Ini kerana rakyat di sana sedang melihat kita berbahas dalam konteks kita hendak wujudkan sebuah negara yang lebih matang dari segi demokrasinya.

Maka harapan saya, kita kedua-dua belah pihak akan melihat kepada fakta dan kita berbahas berdasarkan fakta-fakta. Jadi kita tahu bahawa isu FELDA juga panas, Tabung Haji panas. Kita difahamkan bahawa taklimat akan diberikan oleh pihak Tabung Haji, Menteri yang berkenaan dalam sedikit masa lagi dan kita hendak cadangkan supaya FELDA juga memberikan taklimat kepada kedua belah pihak supaya kita faham apa isu sebenarnya supaya kita tidak berbahas atas hal-hal yang tidak perlu dibahaskan. Itu yang pertama.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, 27 Mac lalu Bank Negara mengeluarkan laporan dan mengikut Bank Negara, ekonomi negara Malaysia masih lagi *resilient*. Ini yang digunakan oleh Bank Negara perkataannya tetapi risiko meningkat, *increase risk* berikutan *trade war* umpamanya, keadaan ekonomi dunia yang kurang menggalakkan. Itu sebabnya maka tahun ini dijangka kadar pertumbuhan rendah sedikit berbanding dengan unjuran sebenarnya.

Kita menjangkakan bahawa keadaan mungkin lebih mencabar menjelang hujung tahun ini. Kita ada pengalaman Tuan Yang di-Pertua untuk menangani hal-hal begini, tahun 1997, 1998 umpamanya di mana kerajaan telah pantau petunjuk-petunjuk ekonomi dengan izin 24/7 dengan rapi, sama ada kadar pengangguran, masalah kontraktor, kontraktor bumiputera, masalah *downsizing*, masalah peluang pekerjaan, *graduate unemployment*, masalah pelaburan, perdagangan, *stock market* dan lain-lainnya.

Pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, kita perlu dalam konteks ekonomi yang mengikut Bank Negara akan tumbuh lebih perlahan tahun ini berbanding ramalan sebelum ini sama ada ekonomi dunia, Amerika, China dan juga Eropah. Maka adalah penting kerajaan bersiap sedia

untuk menghadapi sebarang kemungkinan pada tahun ini. Oleh itu, saya cadangkan supaya pasukan khusus ditubuhkan untuk pantau keadaan ini dengan rapi. Mungkin Bank Negara, Yang Berhormat Menteri Kewangan dan beberapa pihak yang berkenaan membentuk satu pasukan yang kecil memantau keadaan sebenarnya dan rakyat dan Parlimen dimaklumkan secara berkala dua, tiga bulan sekali keadaan sebenarnya supaya kita boleh berbahas dengan fakta-fakta yang *solid* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul, betul.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Kita cadangkan supaya tindakan segera dirangka untuk menangani masalah yang mungkin timbul. Kita dengar cerita-cerita umpamanya dalam sektor media sama ada *Utusan Malaysia* ataupun Astro dan lain-lain, kita difahamkan bahawa tindakan-tindakan telah ataupun akan diambil untuk mengurangkan bilangan pekerja. Hal ini perlu dipantau dengan rapi oleh kerajaan, pasukan ini dan kita rangka strategi-strategi sewajarnya untuk memastikan negara dapat menangani cabaran-cabaran yang mungkin kita perlu hadapi dalam tempoh terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan isu-isu berkaitan projek-projek kerajaan. Dalam cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan, dalam dokumen yang diedarkan dan juga ucapan Yang Berhormat ada disebut tentang penyenggaraan ataupun *maintenance*. Kita dapati bahawa bangunan-bangunan kerajaan, aset-aset kerajaan sama ada sekolah ataupun hospital ataupun jalan raya ataupun kuarters kerajaan.

Saya cadangkan supaya kerajaan melihat secara keseluruhan kedudukan aset-aset ini sama ada alat tentera ataupun peralatan aset-aset pasukan keselamatan tentera ataupun Polis Diraja Malaysia. Saya cadangkan kita membuat satu kajian menyeluruh keadaan aset-aset ini. Oleh kerana kita tahu bahawa sesetengah aset ini memerlukan penambahbaikan ataupun pembaikan.

Dengan itu, kalau kita kumpulkan maklumat ini kita akan dapat tahu apa isunya. Dalam perkara ini saya perhatikan kita sering kali bangkit hal-hal berkaitan dengan jalan raya, yang mungkin perlu ditampung jalan-jalan kampung yang perlu ditambah baik. Aset-aset tentera, aset-aset Polis Diraja Malaysia, kuarters kerajaan. Dalam belanjawan tambahan ini ada juga permohonan untuk tambah peruntukan bagi memastikan kuarters kerajaan umpamanya dapat diselenggarakan dengan baik.

Jadi adalah penting bagi kerajaan untuk menghimpunkan kesemua di seluruh negara termasuk Parlimen jeli dan lain-lain, kawasan kita semua untuk mengetahui setakat mana isu dan masalahnya, keperluan yang kita perlu sediakan untuk memastikan kita selenggara aset dengan baik. Kita sedia maklum, kalau aset-aset ini tidak diselenggarakan dengan baik, satu hari nanti kita perlu belanja wang yang lebih besar untuk memastikan aset-aset ini dapat ditingkatkan tahapnya supaya mampu untuk memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap tentang model perniagaan ataupun *business model* yang lestari untuk beberapa program dan projek kerajaan. Umpamanya PPR yang sudah sekian lama, kerajaan dahulu, kerajaan sekarang masih lagi meneruskan program ini. Satu

projek yang cukup baik sama ada bandar raya Kuala Lumpur ataupun seluruh negara. Seluruh negara ada projek PPR ini.

Kita sedia maklum bahawa kerajaan menyediakan subsidi yang cukup besar. Kalau kosnya mungkin RM150,000, dijual kepada rakyat RM40,000. Dialu-alukan kerajaan tetapi kerajaan harus melihat kelestarian modeling kerana kalau lebih banyak rumah yang kita bina, lebih banyak yang kerajaan kena sediakan. Satu perkara yang dialu-alukan oleh rakyat tetapi bagi kerajaan sudah pasti ini menimbulkan beban.

Seterusnya umpamanya projek-projek seperti projek pembedungan ataupun *sewerage*, projek-projek bekalan air di mana sekarang ini Kerajaan Pusat telah mengambil alih sebahagian besar daripada *capex* ataupun perbelanjaan modal bagi menyediakan bekalan air di hampir kesemua negeri dalam Malaysia. Ini akan memberikan tekanan kepada kedudukan kewangan kerajaan.

Maka saya cadangkan supaya kerajaan melihat secara menyeluruh model pembiayaan ataupun *business model* yang lestari, *sustainable development* model bagi beberapa program penting. Ini termasuklah PPR, termasuklah projek pembedungan, projek air dan termasuk juga PTPTN. Kita harap isu PTPTN ini dapat disegerakan *solutionnya*. Kita tahu kerajaan ingin mengambil sedikit masa. Ini perkara yang ditunggu-tunggu oleh semua.

Apa pun, kita faham masalah yang dihadapi mungkin memerlukan masa dan kita harap kerajaan akan bantangkan model yang lestari bagi menangani beberapa program dan projek dilaksanakan supaya kerajaan mampu untuk menampung perbelanjaan tersebut.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Ya Yang Berhormat Arau, boleh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tak, Yang Berhormat bercakap ini cukup cantik. Apakah Yang Berhormat telah dicadangkan untuk masuk Kabinet tak lama lagi?

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Lagi? Itu satu sahaja?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menteri Pembangunan Luar Bandar sesuai.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ada lagi?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: [Bangun]

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Yang Berhormat Tumpat tadi ada? Sila Yang Berhormat Tumpat. Yang Berhormat Tumpat, tidak ada soalan tadi?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Satu, satu.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Lembah Pantai dahulu.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak ada. Tadinya Yang Berhormat Jeli sebut supaya Ahli-ahli Parlimen memahami...

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Okey, soalnya?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...Peruntukan dan sebagainya. Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya Yang Berhormat Jelutong juga memahami bahawa peruntukan yang kita bincang ini adalah peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Ya, saya rujuk kepada Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Jelutong semua sekali. Okey, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tumpat...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tidak ada. Saya hendak sebut yang sekarang ini seminit hendak masuk pukul empat. Yang Berhormat Arau, dia kena masukkan kuota setiap hari. Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Tahniah Yang Berhormat Lembah Pantai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong usul Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Jeli...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Tepat pada masa. Sekarang saya jemput...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Minta tarik balik sangkaan jahat itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau. Nanti tunggu giliran.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Bukan jahat, bukan jahat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tolonglah tarik balik. Yang Berhormat sampai giliran saya, tunggu harinya ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jasin. Selepas itu Yang Berhormat Sibul.

4.59 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi saya peluang untuk mengambil bahagian...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Berehat dahulu Yang Berhormat Arau.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ...Dalam perbincangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama Tahun 2018. Sebelum saya meneruskan perbincangan, saya ingin mengimbas kembali maklumat tentang Bajet 2018. Pertamanya, hasil kita dapat RM236.5 bilion. Untuk mengurus kita ada RM235.5 bilion. Jadi ini bermakna kita ada lebih sebanyak RM1.1 bilion. Pembangunan kita pada ketika tersebut RM54.9 bilion yang merupakan sebanyak 18.9 peratus. Jadi jumlah keduanya, mengurus dan juga pembangunan seluruhnya sebanyak RM290.4 bilion.

■1600

Bermakna kita ada defisit sebanyak RM53.9 bilion. Dalam kata lain sebanyak 3.7 peratus daripada GDP kita. Defisit pada ketika tersebut. Tambahan pertama yang kita mohon ini, untuk mengurus sebanyak RM4.1 bilion. Defisit kita bermakna kita—belum apa-apa lagi kita dah defisit RM3 bilion. Oleh kerana walaupun kita mempunyai lebih sebanyak RM1 bilion kerana kita mohon

sebanyak RM4.1 bilion, maknanya kita akan defisit sebanyak RM3 bilion. Sementara pembangunan kita mohon RM15.5 bilion. Jumlahnya sebanyak RM19.6 bilion yang merupakan sebanyak 6.4 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan. Ini adalah permohonan belanjawan tambahan yang paling tertinggi yang saya ingat.

Defisit kita adalah sebanyak RM73.5 bilion. Jadi, anggaran defisit yang akan didapati oleh Kerajaan Pakatan Harapan adalah sebanyak RM5.3 bilion. Maka, saya berharap kepada pihak kerajaan janganlah hendaknya kita sentiasa menuding jari membuat *blame game* kepada Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa membuat pemantauan mengawal defisit dan juga perbelanjaan serta menentukan supaya anggaran pendapatan kita terus meningkat.

Untuk kita memohon dan meneruskan bajet tambahan ini, memang dibenarkan di bawah peraturan kewangan. Malah, kita pernah meminda keseluruhan Bajet 2016 kerana *New Economic Realities* pada masa itu. Ia dibentangkan pada bulan Oktober tahun 2015 dan dipinda pula awal pada tahun 2016. Namun, adalah lebih elok kalau boleh jika peruntukan tambahan tidak dipohon ataupun diperlukan dengan memantapkan lagi perancangan bajet yang lebih bijak dan mengukuhkan pula kesungguhan kita mengurus dan membuat pemantauan yang rapi.

Mengenai peruntukan bajet tambahan ini, sebahagian besar bajet tambahan pertama ini adalah peruntukan mengurus iaitu sebanyak RM1.9 bilion ataupun 46 peratus daripada RM4.1 bilion bagi tujuan untuk peruntukan Kumpulan Wang Terkanun daripada lima kementerian iaitu Kementerian Kesihatan, KDN, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan dan juga JPM. Sementara daripada segi bajet tambahan peruntukan pembangunan pula sebanyak RM15.5 bilion. Hampir kesemuanya 96 peratus diberikan kepada empat kementerian iaitu Kementerian Kewangan sebanyak RM9.2 bilion yang merupakan 59 peratus, Kementerian Kerja Raya sebanyak RM1.97 bilion, KPLB, Kementerian Pengangkutan dan juga Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Saya ingin membuat pertanyaan kepada pihak kerajaan. Adakah bajet tambahan sebanyak RM9.2 bilion daripada Kementerian Kewangan untuk membayar semula tuntutan GST? Ini kerana kita telah bercadang pada tahun lepas apa juga pembayaran daripada GST *refund* mestilah mendapat persetujuan daripada semua agensi yang terlibat kerana kita jangka banyak penipuan berlaku.

Seterusnya mengambil kira bajet tambahan pertama, ini berjumlah sebanyak RM19.6 bilion atau tambahan sebanyak 6.4 peratus. Maka, perkara pokok yang terlebih dahulu saya ingin dapatkan maklumat dan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah mengenai gambaran mikro ataupun makro terkini tahun 2018. Khasnya, yang menyentuh pertamanya tentang berapakah jumlah kutipan hasil kita?

Keduanya, berapakah jumlah perbelanjaan dan nilai KDNK ataupun GDP kerana ianya banyak memberi impak yang pertamanya kepada akaun semasa kita. Keduanya, hutang Kerajaan Persekutuan. Ketiganya defisit fiskal. Keempatnya, kadar servis untuk kita bayar balik hutang dan juga prestasi ekonomi.

Janganlah hendaknya kita selalu membuat bohong, tidak bercakap benar kerana selalunya kerajaan hanya menuding jari pada kerajaan yang lalu. Sehingga kan *refund* GST dikatakan kita merompak RM19.4 bilion. Kita tidak boleh, kalau boleh buktikan. Sekarang tidak boleh buktikan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang buat *report* polis Yang Berhormat Rembau.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya tidak membenarkan. Saya tidak membenarkan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Rembau yang buat laporan polis.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Dewan yang mulia ini mengambil maklum...

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ...bahawa semasa bajet. Ya, sila.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya buat laporan polis sebab kita hendak dapat kepastian sama ada RM19 bilion ini dirompak ataupun tidak. Kalau tidak silap saya Yang Berhormat Jasin adalah anggota Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Walaupun kita tidak hendak mendahului laporan yang akan keluar, apakah Yang Berhormat Jasin berpandangan bahawa RM19 bilion ini dirompak oleh Kerajaan Barisan Nasional?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya tidak mahu cerita apa yang saya dapati daripada prosiding yang telah lalu. Akan tetapi sebenarnya ini lah satu helah daripada pihak kerajaan untuk menutup kegagalan dan kelemahan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Rembau kalau buat laporan polis palsu, boleh dikenakan tindakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya Tuan Yang di-Pertua, kalau dikatakan begitu, saya tidak mahu diganggu. Saya tidak mahu diganggu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *You cannot make a false report. You make a report because the money was stolen.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong, ini... Yang Berhormat Jelutong lain kali sila minta kebenaran sebelum berucap ya. Ya, sila Yang Berhormat Jasin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya ini adalah satu helah yang dibuat oleh kerajaan supaya untuk menutup kelemahan mereka. Mereka sebenarnya tidak dapat apa-apa pulangan ataupun *revenue*.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Setelah mereka memberhentikan pungutan daripada GST.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta Yang Berhormat Jasin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Ini sahaja jawapannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rembau yang buat laporan polis. Bukan kita buat. Yang Berhormat Rembau.

[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong, tunggu giliran nanti. Rakan-rakan boleh minta celah. Akan tetapi sekarang hormat lah giliran Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin teruskan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Jasin bagi peluang pada saya kah? Okey. Dengan lain perkataan, Yang Berhormat Jasin sebenarnya ingin menyebut bahawa tidak ada rompakan yang berlaku. Oleh kerana itu, apa yg dibuat laporan polis oleh Yang Berhormat Rembau itu tujuannya untuk siasat. Untuk siasat dan siasatan saya kira mendapati bahawa tidak ada rompakan. Itu sebab saya minta supaya Yang Berhormat Bagan menarik balik tuduhan merompak itu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sambung sedikit lagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya tidak mahu panjangkan cerita ini.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Akan tetapi apa pun ini adalah satu daripada tuduhan yang cukup serius sekali. Bukan sahaja menyebabkan pelabur-pelabur tidak mahu datang ke Malaysia, pelabur sedia adapun lari kerana mana ada kerajaan ataupun daripada Khazanah kita dicuri. Kalau dicuri, ini satu...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin, Pendang. Saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Jasin berkenaan dengan rompakan ini. Sekarang ini sebab itu kita minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Tabung Haji dipindah kepada Kementerian Kewangan ini sama ada dalam bentuk *transfer* ataupun dalam bentuk mencairkan aset-aset ini. Kita tak nak ke depan ini dipanggil Kementerian Kewangan merompak harta Tabung Haji...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tidak apa Yang Berhormat, kita tunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Tabung Haji.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kita tak nak itu. So, kita hendak dapat penjelasan kita tak nak dikatakan Kementerian Kewangan merompak harta-harta Tabung Haji. Biarlah kita dapat penjelasan. Pindahan ini secara apa?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kita tunggu dari Menteri Kewangan untuk menjawab.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Adakah pembayaran dibuat? Ha! Ini. Minta penjelasan daripada...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]: Yang Berhormat Jasin, sedikit ya. Yang Berhormat Jasin sebut fasal pelabur-pelabur ya. Ramai yang lari dan tidak datang ke

Malaysia. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Jasin. Berapa banyak pelabur asing telah membawa keluar wang mereka? Bagaimana kedudukan FDI? Bertambah atau berkurang?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini budak muda-muda tidak tahu ini semua.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Apa yang kita dapati memang berkurangan. Apa yang hendak disebut di sini Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini mengambil maklum bahawa semasa kita membuat pembentangan bajet tahun 2019, ada lima perkara. Pertamanya, jumlah kutipan hasil adalah RM236.5 bilion. Hutang Kerajaan Persekutuan RM725 bilion. Jadi defisit fiskal kita adalah 3.7 peratus. Jadi, kadar servis kita untuk bayar hutang RM30.9 bilion maknanya 13.1 peratus masih di bawah *threshold*. Nilai GDP kita pada masa itu dianggarkan RM1.4 trilion. Jadi, sekiranya Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil ataupun kutipan daripada GDP turut meningkat kepada 6.2 peratus, kita tidak ada masalah.

Akan tetapi saya hendak tanya pada pihak kerajaan pada ketika ini. Berapakah sebenarnya hasil yang akan kita dapati setelah kita mansuhkan GST? Sebanyak 174 buah negara dalam dunia ini, tidak akan dia boleh buat silap. Dia telah mengamalkan GST. Hanya Malaysia satu-satunya negara yang telah memansuhkan GST. *[Tepuk]*

Ini lah satu kesilapan yang cukup nyata daripada Kerajaan Pakatan Harapan. Yang sebenarnya telah mengakibatkan rakyat pada ketika ini menanggung akibatnya. Pada masa depan, kita akan...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Kangar sokong. Yang Berhormat Kangar sokong.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Oh! Saya menghormati masa Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sibü.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Rujuk perbincangan tahun lepas. Dah sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Selepas itu Yang Berhormat Kuala Terengganu. Sila.

4.09 ptg.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Bekalan Tambahan 2018.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan satu masalah yang hanya muncul di Sabah dan Sarawak sahaja. Di Sabah dan Sarawak kerana kekurangan pelabuhan yang sah di bawah kerajaan, jadi satu undang-undang telah diwujudkan supaya di Sabah Sarawak satu jenis

jeti atau pelabuhan yang dinamakan Dermaga ataupun *Sufferance Wharf* sudah diwujudkan untuk memudahkan penghantaran barang melalui laut di Sabah dan Sarawak.

Akan tetapi di bawah peruntukan undang-undang ini, kemudahan *Sufferance Wharf* haruslah dibayar fi. Jadi fi sekarang adalah RM50 untuk menghantar barang dari di Sarawak ke Sarawak juga. Mengapa saya membangkitkan isu ini? Ini adalah kerana di Sarawak, menghantarkan barangan dari Sibu ke Lawas, ia harus melintasi perairan Brunei. Jadi, apabila suatu kapal melintasi perairan Brunei, ia dianggap sudah mengeksport barang di atas kapal dia. Selepas itu, kalau ia masuk lagi dari Brunei ke Sarawak lagi, dia juga dianggap mengimport lagi barangan itu. Jadi eksport, import itu sudah mengakibatkan satu *Sufferance Wharf*. Fi ini haruslah dibayar melalui pelabuhan-pelabuhan ini.

Sekarang bukan sahaja fi *Sufferance Wharf* akan dikenakan, tetapi satu lagi fi iaitu fi perkhidmatan *custom* juga akan dikenakan kepada semua *parcels*, semua barangan yang dihantar dari Sibu ke Lawas. Fi perkhidmatan *custom* ini adalah sebanyak RM150, sudah dinaikkan pada September 2018. Dari RM50 dinaikkan kepada RM150, per *parcel*. Jadi ini amat membimbangkan sesiapa yang menghantar barang dari Sibu ke Lawas kerana *parcel* yang mereka hantar mungkin kosnya atau harga barangannya mungkin tidak banyak. Mungkin hanya beberapa puluh ringgit atau beratus ringgit. Akan tetapi fi yang dicaj ke atas fi perkhidmatan *custom* ini sudah RM150.

Jadi, apabila mereka menghantar barang dari Sibu ke Lawas, dia bukan caj satu kali sahaja, dia caj dua kali. Dari Sibu dia caj RM150, apabila barang sampai ke Lawas, dia caj lagi RM150 kerana di Sarawak kekurangan, masalahnya Sarawak kekurangan satu pelabuhan yang sah di bawah kerajaan yang menghantar macam jeti, untuk mereka menghantar barang. Jadi saya ingin menunjukan masalah ini kepada Kementerian Kewangan. Berapakah fi *Sufferance Wharf* ini yang dikutip oleh Kementerian Kewangan? Kalau fi yang dikutip ini tidak signifikan, saya harap Kementerian Kewangan boleh hapuskan fi ini.

Lagi ialah fi perkhidmatan *custom* ini juga. Kalau ia tidak banyak dikutip, mungkin kementerian boleh fikirkan cara lain. Jangan caj fi perkhidmatan *custom* ini per *parcel*. Mungkin boleh caj untuk satu *shipment*, berapa? Kerana cas per *parcel* ia amat membebankan dan menambahkan kos terhadap barangan yang dihantar dari Sibu ke Lawas dan sebagainya yang melintasi perairan Brunei. Jadi saya harap ini boleh di— masalah ini boleh ditimbangkan oleh Kementerian Kewangan supaya diselesaikan.

Satu lagi saya ingin membangkitkan ialah tentang Tanjung Manis, *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE). Berdasarkan laporan Ketua Audit Negara, siri 1, page 2017, Bekalan Air Tanjung Manis telah gagal membekalkan air paip kepada SCORE *Project* di Tanjung Manis. Jadi sudah ramai orang di Sarawak sudah menganggap bahawa SCORE *project* di Tanjung Manis ini merupakan suatu projek besar yang gagal. Jadi bagaimana selanjutnya langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan, bagaimana untuk, adakah kerajaan berhasrat untuk bagaimana *revive* Tanjung Manis SCORE *project*? Atau kerajaan ada projek lain untuk menggantikan SCORE *project* di Tanjung Manis ini.

Ini kerana, kalau SCORE *project* di Tanjong Manis merupakan projek yang besar di zon pertengahan Sarawak. Jadi kalau ia gagal, ia akan memberi impak yang besar kepada zon pertengahan Sarawak. Mengapa saya cakap begitu, kerana SCORE di Tanjong Manis ini memang merupakan satu projek yang besar untuk membekalkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di pertengahan Sarawak. Kalau ia gagal, maksudnya pada masa yang akan datang, mungkin 10 tahun, 20 tahun, ia akan memberikan impak seperti kegagalan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang sepatutnya diwujudkan di pertengahan Sarawak.

Jadi, saya mahu kerajaan memberikan penjelasan, bagaimana perkembangan terkini di projek SCORE di Tanjong Manis ini. Adakah ia masih boleh diteruskan ataupun ia mesti dihentikan atau digantikan dengan projek yang lain supaya boleh memastikan ekonomi di zon pertengahan Sarawak boleh diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya ingin membangkitkan satu lagi masalah di Sibü iaitu hari itu di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan AADK hanya mempunyai satu lokap sahaja di Sarawak. Jadi di Sibü, AADK tidak mempunyai apa-apa lokap di—kemudahan lokap di Sibü. Di Sibü juga ada dua balai polis yang besar, iaitu Balai Polis Sentral Sibü dan Balai Polis Sungai Merah, yang besar dan mempunyai kemudahan lokap. Akan tetapi, sekarang di Balai Polis Sungai Merah Sibü, lokapnya sudah rosak kerana ia memakai *lock electronic* yang canggih, mungkin. Sudah beberapa tahun sudah rosak, tapi sampai masa sekarang masih belum diperbaiki.

Jadi lokap di *Central Police* Sibü itu memang selalunya penuh dan tidak mempunyai ruang yang cukup untuk melokap, menahan *criminals*. Jadi, adakah KDN akan memperuntukkan sebahagian duit untuk memperbaiki lokap yang sudah rosak di Balai Polis Sungai Merah Sibü, kerana ia memang lokap di Balai Polis Sungai Merah Sibü itu memang membekalkan satu kemudahan yang sangat penting kepada bukan sahaja untuk pihak polis, juga untuk membantu AADK. Ini kerana AADK sekarang ia meminjam lokap di Balai Polis Sibü untuk menahan banduan atau penagih dadah. Jadi, saya harap ini boleh diselesaikan.

Satu lagi isu saya hendak bangkitkan di sini ialah tentang Hospital Sibü. Baru-baru ini Kementerian Kesihatan mengumumkan bahawa Kementerian Kesihatan akan mewujudkan hospital kluster. Jadi di Sarawak dua tempat sudah di *identify* menjadi hospital kluster ini yang melibatkan hospital swasta dalam perkhidmatan kesihatan negara. Jadi saya diberitahu bahawa di Sarawak, dua kawasan yang akan mengadakan hospital kluster ini iaitu di Kuching dan di Miri. Tidak ada di Sibü.

Jadi, saya memohon jasa baik Kementerian Kesihatan supaya satu *cluster* hospital juga haruslah diwujudkan di Sibü, kerana di Sibü, Hospital Umum Sibü memang banyak kekurangan dari segi mesin perubatan. Jadi kalau ia juga merupakan hospital yang sangat penting di zon pertengahan Sarawak kerana ia juga membantu pesakit-pesakit bukan sahaja dari Sibü, juga dari Mukah, Kapit, Julau, Kanowit. Semua pesakit-pesakit dari kawasan-kawasan di sekeliling Sibü akan menggunakan kemudahan-kemudahan perubatan di Hospital Sibü ini.

Jadi kalau Hospital Sibul memang sekarang kekurangan banyak mesin-mesin perubatan untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit. Jadi, kalau ia boleh meminjam mesin-mesin sedia ada di hospital swasta, ia memang satu berita yang baik, supaya boleh membantu pesakit-pesakit di seluruh pertengahan Sarawak ini. Jadi, saya memohon jasa baik kementerian supaya mempertimbangkan lagi, supaya memberi, mewujudkan juga hospital kluster ini di Sibul juga untuk membantu penduduk-penduduk di seluruh pertengahan Sarawak. *Thank you*, terima kasih saya memohon menyokong.

■1620

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Sibul. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Terengganu, sila.

4.20 ptg.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: *Bismillah*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana dibenarkan untuk membahaskan sama Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2018) 2019 peringkat dasar.

Di dalam Al-Quran, Allah SWT berfirman di dalam Surah Yusuf, ayat 47 dan 48 yang maksudnya dia, yakni Yusuf berkata, "*Agar kamu bercucuk tanam tujuh tahun berturut-turut sebagaimana biasa kemudian apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan di tangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian setelah itu akan datang tujuh tahun yang sangat sulit yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya yakni tahun-tahun yang sulit kecuali sedikit daripada apa yakni ubi gandum yang kamu simpan*".

Belanjawan negara merupakan perancangan kewangan setahun oleh Kerajaan Persekutuan. Matlamat utama perancangan ini adalah untuk menyejahterakan kehidupan rakyat dengan menggunakan sumber ekonomi secara yang efisien dan efektif. Belanjawan tahunan adalah perancangan kewangan jangka pendek tetapi harus diselaraskan dengan perancangan jangka panjang. Belanjawan adalah alat dasar dan harus dilihat dengan lebih jauh terhadap kesan ke atas ekonomi negara. Oleh sebab itu, nasihat Nabi Yusuf di dalam surah yang dibaca tadi supaya Kerajaan Mesir melakukan perancangan strategik bagi berhadapan dengan cabaran ekonomi akan datang sangat berkaitan.

Kerajaan Persekutuan perlu merencanakan polisi ekonomi yang jelas. Pada akhir tahun 2018, DH menjalankan satu *survey* kalangan 5,000 orang responden. Sebanyak 39.7 peratus daripada responden, sangat prihatin terhadap keadaan pertumbuhan ekonomi negara. Manakala 16.8 peratus yang lain daripada responden, bimbang dengan kenaikan kos sara hidup. Sebanyak 36.87 peratus responden beranggapan Kerajaan Persekutuan pada hari ini tidak ada perbezaan di dalam menguruskan ekonomi manakala 28.31 peratus responden yang lain berpendapat ia semakin teruk berbanding dengan kerajaan sebelumnya. Satu lagi kajian tinjauan telah dilakukan oleh *Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)* dan *Malaysian Institute of Economic Research (MIER)* untuk mengkaji unjuran kondisi *business* bagi enam bulan pertama tahun ini, 2019.

Keseluruhannya, aktiviti *business* dijangka lebih perlahan berbanding enam bulan terakhir pada tahun yang lalu, 2018. Kajian menunjukkan *business condition index* menurun sebanyak 23 mata, daripada 124 turun kepada 101 mata. *Local sales index* jatuh sebanyak 94 mata daripada 113 mata pada enam bulan terakhir tahun 2018. *Export sales index* pula jatuh kepada 105 mata berbanding 122 mata. Dapatan ini adalah selari dengan *survey* yang telah dilakukan oleh RAM Holdings Berhad terhadap 3,500 firma di Malaysia. *RAM Business Confidence Index* menunjukkan kejatuhan lagi daripada 55.1 kepada 51 iaitu poin paling rendah semenjak tahun 2017. Indeks ini bertujuan untuk mengukur *forward looking expectation* bagi menggambarkan barometer aktiviti ekonomi pada masa yang akan datang.

Hal ini menunjukkan sekiranya sektor swasta turut terjejas dengan kondisi ekonomi semasa, bagaimana pula prospek ekonomi negara yang dijangka mudah terjejas menjelang tahun 2020? Seterusnya, kadar pengangguran negara sebanyak 3.4 peratus atau dalam bilangannya 502,000 orang penganggur daripada keseluruhan tenaga buruh seramai 14.9 juta orang. Data daripada PERKESO menunjukkan seramai 23,525 orang telah kehilangan pekerjaan pada tahun yang lalu, 2018. Daripada jumlah tersebut, seramai 7,512 orang yakni 31.9 peratus daripada sektor pembuatan dan disusuli seramai 2,059 orang, 8.8 peratus daripada sektor pembinaan.

Daripada keseluruhan jumlah tersebut, kebanyakan mereka terdiri daripada orang biasa, pekerja perkeranian dan bantuan am. Majoriti mereka berpendapatan di bawah RM2,000 sebulan sebanyak 50 peratus daripada jumlah keseluruhan itu daripada Lembah Klang. Data PERKESO tersebut harus dibaca dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk mengecilkan saiz penjawat awam secara berperingkat iaitu sebanyak lima peratus atau 81,000 di dalam tempoh tiga tahun.

Selain itu, Syarikat Randstad Malaysia juga telah menerbitkan satu laporan bertajuk, '*2019 Market Outlook*' pada awal Januari lalu dan menyatakan bahawa aktiviti pengambilan pekerja semakin perlahan semenjak bulan Mei 2018. Data-data pekerjaan ini juga harus dipadankan dengan kajian oleh *Khazanah Research Institute* yang mendapati 95 peratus daripada pekerja *junior* berada di dalam kategori pekerjaan yang tidak memerlukan kemahiran manakala 50 peratus daripada pekerja *junior* membuat pekerjaan berkemahiran rendah secara manual walaupun mempunyai kelayakan yang lebih tinggi.

Dalam tempoh 2010 sehingga 2017, pemegang diploma dan ijazah di dalam tenaga kerja secara purata meningkat sebanyak 173,457 orang setahun. Jumlah itu melebihi pertambahan guna tenaga di dalam kategori pekerjaan berkemahiran tinggi iaitu seramai 98,514 orang setahun. Keadaan ini menunjukkan negara tidak menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi yang mencukupi untuk menyerap jumlah bilangan siswazah yang memasuki pasaran saban tahun. Isu ini tidak termasuk kadar permulaan gaji yang berada di bawah, yang berada pada paras yang sederhana seperti mana yang telah didedahkan oleh Persekutuan Majikan Malaysia (MEF). Sekiranya mengambil kira faktor inflasi, gaji permulaan bulanan benar bagi kebanyakan siswazah baharu menurun sejak tahun 2010. Contohnya gaji permulaan bulanan benar semasa bagi pemegang ijazah sarjana, RM2,700 menurun daripada RM2,923 pada tahun 2010.

Seterusnya, rata-rata pendapatan penoreh getah telah merosot dengan teruk akibat kejatuhan harga getah. Di Gua Musang, penoreh getah mengadu harga getah tidak sampai RM3 sekilogram. Di Jerantut, penoreh getah mengadu pendapatannya sekitar RM8 hingga RM10 sehari. Di Masjid Tanah, harga getah berlegar sekitar RM2 sekilogram. Di Sanglang, anggaran kos pengeluaran bagi satu hektar sawah telah meningkat kos pengeluarannya sehingga RM2,800. Di Kelantan, 19,000 orang pesawah terjejas akibat musim kemarau yang berpanjangan. Di Bentong, peneroka FELDA lewat menerima bayaran sara hidup atau bayaran pendahuluan selama dua bulan. Di Temerloh, sebahagian peneroka FELDA hanya menerima bayaran separuh daripada pendapatan purata sebanyak RM1,000 sebulan.

Dapatan daripada kajian dan tinjauan lapangan menunjukkan ekonomi rakyat tidak berada di dalam kedudukan yang terbaik. Segenap segmentasi masyarakat dibelenggu dengan kemelesetan hidup dan ia akan mempengaruhi kesejahteraan kehidupan mereka. Sebaliknya, peruntukan belanjawan semakin besar, hutang kerajaan semakin membengkak daripada RM686 bilion kepada RM741 bilion di dalam kerajaan mengatakan mahu mengurangkan hutang negara. Kementerian Kewangan giat menambah bebanan hutang menerusi terbitan bon-bon. Perancangan kewangan kerajaan gagal sekiranya peningkatan peruntukan tidak berjaya menyelesaikan masalah-masalah sosioekonomi rakyat yang kelihatannya rakyat hari demi hari semakin bersungut bahawa perubahan kerajaan yang berlaku hari ini tidak mendatangkan faedah sedikit pun kepada rakyat yang ada pada hari ini.

Jadi itu sahaja perbincangan saya, terima kasih. *Assalamualaikum.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bukit Bendera, sila.

4.29 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyertai debat untuk Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 2018 (2019) dan tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memberitahu Dewan ini bahawa rang undang-undang ini ialah untuk menampung kekurangan dalam Bajet 2018. Saya dengar dengan jelas bahawa RM6 bilion adalah untuk perkara yang tidak disediakan dalam peruntukan Bajet. RM6 bilion perkara yang komited tetapi tidak disediakan dalam bajet, RM4 bilion untuk perkara-perkara *off-balance sheet debts*, hutang-hutang *off balance sheet* dan juga RM1.1 billion PFI iaitu *private finance initiative payment*.

■1630

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]

Ketiga-tiga perkara ini, perkara yang tidak disediakan dalam peruntukan, *off-balance sheet* hutang dan juga *private finance initiative* ini. Ketiga-tiga ini saya rasa merupakan satu amalan yang sebagai *bad governance*. Oleh kerana sebelum ini Kerajaan Barisan Nasional apabila perkara-perkara yang tidak menyediakan peruntukan, sepatutnya disediakan dalam Bajet 2018 tetapi tidak

disediakan. Banyak item yang perlu ditunjukkan dalam *balance sheet* tetapi *off-balance sheet* dan juga perkara-perkara yang perlu melalui *open tender*, perkara-perkara yang perlu melalui JKR, dilakukan sebagai *private finance initiative*. Saya meminta perkara ini diberi perhatian serius. Oleh kerana dalam penyediaan bajet, ada tiga perkara yang penting iaitu *transparency*, kedua - penyertaan umum (*public participation*), ketiga - pemantauan bajet (*budget oversight*).

Melalui satu *survey* yang dilakukan oleh *International Budget Partnership* yang dipanggil sebagai *Open Budget Survey 2017* yang dilakukan pada tahun 2017. Kedudukan *ranking* bajet Malaysia adalah tidak memuaskan berbanding dengan negara-negara lain.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pencelahan. Pertanyaan, boleh sikit?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Nanti, saya belum...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sikit saja.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Duduk, duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini *open tender* dekat itu...

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Duduk, duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Terowong Pulau Pinang itu *open tender* tapi dia orang kata... [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Only eyewash*, mengaburi mata rakyat. Sudah ditentukan lebih awal daripada itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, tentang tiga perkara, *transparency*. Bajet Malaysia pada tahun 2017 adalah dari segi *transparency* di belakang Filipina dan juga Thailand. Dari segi *public participation* atau penyertaan awam, kita adalah di belakang Filipina tetapi lebih baik daripada Indonesia dan juga Thailand.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, tidak jawab saya tanya ini.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Kita punya usaha pemantauan bajet adalah di belakang Filipina, Indonesia dan juga Thailand.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Bukit Bendera, minta sikit.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya. Saya huraikan perkara saya dulu, nanti...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Duduk dulu Yang Berhormat Kangar.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Tahun 2017, ketiga-tiga perkara ini Malaysia di belakang negara-negara Asean lain. Indonesia, Filipina dan juga Thailand. Saya rasa kita perlu memberi penekanan dalam penyertaan bajet ini kerana untuk sebagai *good governance*. *Survey* ini dilakukan tahun 2017, semasa Barisan Nasional menjadi kerajaan. Saya rasa banyak

kekurangan dalam penyediaan bajet yang dilakukan. Oleh itu, amalan-amalan sebelum ini, *bad governance* timbullah hari ini kita ada perkara yang tidak disediakan peruntukan, ada perkara yang banyak *off-balance sheet* dan juga *private finance initiative*. Oleh itu, Yang Berhormat Menteri perlu datang ke Parlimen untuk meminta tambahan peruntukan. Ya, silakan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Tadi saya hendak mencelah Yang Berhormat Pontian, dia tidak kasi tapi sebab ini ada kaitan sebab Yang Berhormat Bukit Bendera sebut fasal *off-balance sheet*. Tadi Yang Berhormat Pontian ada sebut tentang aset 1MDB yang katanya banyak. Akan tetapi kita jangan lupa, Yang Berhormat Pontian tidak sebut pun di Dewan ini berapa kali kerajaan perlu membayar hutang 1MDB dan 1MDB juga terpaksa menjual beberapa aset kepada pihak luar, daripada China, daripada Indonesia untuk menampung hutang mereka.

Yang Berhormat Pontian juga saya ingat tidak pernah sebut daripada dulu bahawa sampai sekarang 1MDB ini tidak pernah diaudit, yang mana yang syarikat yang besar-besar di dunia, bukan syarikat-syarikat yang *cikai*, pernah cuba hendak audit tetapi gagal, yang mana yang kononnya sudah audit pun terpaksa tarik balik laporan pengauditan mereka. Jadi, inilah satu contoh tadbir urus yang teruk pada zaman pentadbiran dulu yang cuba dibetulkan sampai sekarang.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat Kangar. Oleh kerana perkara-perkara *bad governance*, urus tadbir yang buruk *off-balance sheets* bukan saja 1MDB, SRC International Sdn. Bhd. yang...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, boleh?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Saya habiskan dulu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Habis dulu, habis dulu, bila hendak habis? Bila hendak habis?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Nanti, gulung dulu. Saya rasa perkara ini perlu diberi perhatian serius. Oleh kerana dalam buku Laporan *Parliamentary Budgeting and Transparency in ASEAN Member States* yang diterbitkan oleh *ASEAN Inter-Parliamentary Association* (AIPA) telah memberikan beberapa cadangan untuk mempertingkatkan proses penyediaan belanjawan untuk negara. Antara contoh yang boleh kita ambil pakai ialah tentang laporan berkala tentang pelaksanaan bajet. Dalam buku yang saya sebut tadi bahawa adalah baiknya *good governance* sekiranya kerajaan boleh menerbitkan bajet *execution reports* secara sama ada bulanan ataupun secara *quarter* ataupun tiga bulan dengan *detail-detail* sebagai *revenue*, *expenditure* dan *financing*. Ini untuk membolehkan orang awam dan juga Ahli Parlimen mengetahui *progress* ataupun perbelanjaan oleh Eksekutif.

Budget execution report dan juga ada satu amalan yang baik yang dicadangkan oleh AIPA ini ialah bahawa *mid-year review* untuk bajet. Contohnya, Parlimen Indonesia mempunyai *mid-year review* iaitu Parlimen menerima daripada kerajaan, laporan-laporan *mid-year review* untuk bajet iaitu enam bulan pada pertengahan Jun ataupun Julai supaya Parlimen boleh mengetahui apakah perbelanjaan yang dilakukan, apakah jangkaan yang dilakukan. Oleh kerana kita harus lihat sebagai cadangan-cadangan untuk mempertingkatkan *transparency*, untuk mempertingkatkan

public participation dan juga mempertingkatkan pemantauan bajet. Ini perlu dilakukan kerana...
[Disampuk] Yes, silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Saya juga ingin pendapat Yang Berhormat, kita lihat baru-baru ini pengumuman dibuat oleh kerajaan tentang rampasan aset-aset yang ada kena mengena dengan 1MDB. Pertamanya, kapal Equanimity telah dirampas. Kita lihat kerajaan sedang menanggung perbelanjaan untuk menampung menyelenggarakan kapal itu. Kedua, kita lihat banglo rumah kepunyaan Jho Low juga telah dirampas, di mana kerajaan juga terpaksa menjalankan tindakan-tindakan ini untuk memastikan bahawa kita dapat memperoleh kembali wang yang telah kita hilang akibat daripada skandal 1MDB. Apakah pendapat Yang Berhormat? Perkara-perkara ini juga adalah salah satu faktor yang menyebabkan kita terpaksa membentangkan belanjawan tambahan sekarang, terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, saya rasa perkara-perkara skandal 1MDB, SRC International, semua ini perlu kita lipat gandakan usaha supaya orang-orang yang terlibat, harta-harta yang diperoleh, dapatkan balik untuk menampung kekurangan kita.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya juga ingin tanya pendapat Yang Berhormat. Penjelasan juga tidak diberikan sehingga sekarang berkenaan dengan wang tunai RM114 juta yang dijumpai di rumah Yang Berhormat Pekan. Adakah wang itu juga wang kepunyaan rakyat yang juga menyebabkan kerajaan kita menanggung hutang yang teruk pada masa sekarang?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, yang itu saya rasa Yang Berhormat Pekan perlu menjawab sendirilah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Mungkin duit kutu itu, duit kutu.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Pekan perlu menjawab sendiri fasal...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sudah dijawab pun dalam surat khabar, sudah jawab. Tidak baca surat khabarlah itu.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: *Sorry*, Yang Berhormat Pontian tidak perlu jawab. Itu Yang Berhormat Pekan kena jawab sendiri. Saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini, pada 30 April 2018, Akaun Hasil Disatukan hanya tinggal RM450 juta dalam Akaun Hasil Disatukan. Perkara sebegini...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu *private and confidential*, mana *you* korek itu?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: RM450 juta hanya yang tinggal di dalam Akaun Hasil Disatukan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh kena OSA itu.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Sebelum ini, dalam Akaun Hasil Disatukan tutup pada 31 Disember 2017 - RM11.86 bilion. Dalam masa empat bulan, hanya tinggal RM450 juta.

■1640

Oleh itu, kita fahami cabaran oleh Menteri Kewangan dan juga Kementerian Kewangan apabila begitu banyak wang telah dibelanjakan dalam masa yang begitu singkat, hanya tinggal RM450 juta kepada kerajaan baharu ini. Saya rasa kita perlu mempertingkatkan usaha urus tadbir yang baik untuk membersihkan segala urus tadbir yang buruk yang ditinggalkan oleh kerajaan lama dan mendirikan sebagai...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kehilangan pelaburan asing RM200 bilion sejak Pakatan Harapan berkuasa.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Duduk, duduk, duduk. Oleh itu saya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: So, apa fasal?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, mimpi ke?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: RM200 bilion.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, mimpi ke? [*Sistem pembesar suara ditutup*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bukit Bendera, masa telah tamat, minta rumuskan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Perkara yang singkat iaitu...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: RM31 bilion.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Mana bukti? Mana statistik?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukti ada.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan mari goreng di sinilah, mana bukti?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hei, *you* tidak baca kah itu ... di *statistic department*.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Pasir Salak, *this is my floor*, sila duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Why? Your floor finished already.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey, baik. Saya minta Yang Berhormat Bukit Bendera untuk rumuskan, sila.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Saya ingin mengulangi bahawa tiga perkara yang penting dalam bajet iaitu *transparency*, penyertaan awam dan juga pemantauan bajet didirikan sebagai satu amalan yang baik supaya perkara-perkara sebelum ini tidak sediakan bajet, *off balance sheet* dan juga PFI yang merupakan urus tadbir yang buruk. Saya menyokong.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Masa sudah cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: FDI semua 31 percent, RM31 bilion.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak, sila duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *A drop more than 20 percent compared to... [Sistem pembesar suara ditutup]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak, sila duduk. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Kapit, 10 minit. Baik, tukar kepada sila Yang Berhormat Batang Sadong.

4.41 ptg.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk membahaskan perbekalan tambahan ini. Saya cuma ada dua isu di sini di mana apabila kita melihat dari segi penambahan peruntukan, maka saya hendak mengambil peluang ini untuk mengemukakan keperluan khususnya untuk negeri Sarawak terutamanya untuk pelajar-pelajar bumiputera selaras dengan Perkara 153 di bawah Perlembagaan Persekutuan kita.

Saya hendak merujuk kepada peruntukan pinjaman pendidikan MARA, hendak tahu daripada Menteri berapakah peruntukan pinjaman MARA diperuntukkan untuk pelajar-pelajar khususnya pelajar MARA Sarawak. Baru-baru ini keputusan peperiksaan SPM dan STPM baharu sahaja diumumkan dan ramai juga pelajar kita telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Memandangkan kos untuk pelajar pergi ke tempat lain selain daripada di Sarawak sendiri, sekiranya Kampus Kolej Politeknik MARA dan juga UniKL ditubuhkan di Sarawak, maka ia boleh mengurangkan lagi beban ibu bapa untuk menghantar anak mereka keluar daripada Sarawak. Saya hendak bertanya kepada kerajaan, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menubuhkan kampus KPTM iaitu Kolej Politeknik MARA dan juga UniKL di Sarawak? Ini kerana saya difahamkan tempat sekecil-kecil seperti Semporna pun sudah mempunyai KPTM ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, seterusnya lanjutan dari perbincangan MA63, kita ada satu jawatankuasa khas di peringkat Persekutuan yang telah membincangkan beberapa perkara berkaitan dengan MA63. Saya difahamkan sehingga hari ini belum ada lagi sebarang keputusan mengenai kerjasama positif di antara Petronas dan PETROS Sarawak. Saya hendak tahu bilakah kita dapat mengetahui keputusan ini kerana inilah satu peluang untuk Sarawak memperoleh *generate income* dengan izin dan ini dibenarkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Jadi, saya mengharapkan satu jawapan yang positif dan *affirmative* daripada kerajaan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Kalau ikut senarai seterusnya adalah Yang Berhormat Tebrau, tidak ada Yang Berhormat Tebrau. Saya menjemput Yang Berhormat Rasah, ikut senarai ya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya dah tarik diri dah. Saya hendak ambil bahagian dalam Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Bagan Serai, ada? Tidak ada. Saya jemput Yang Berhormat Tampin, ikut senarai. Baik, saya jemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

4.45 ptg.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, rezeki saya sebab sebelah sana semua tidak mahu ambil bahagian sudah. Saya mulakan dengan sepotong ayat. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Jangan disebabkan kamu berdendam kepada sesuatu kaum, maka kamu tidak berlaku adil kepada mereka, berlaku adillah kerana adil itu lebih hampir kepada takwa".*

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara yang ingin disebut. Pertamanya berkaitan dengan isu kemiskinan. Saya ingin memberi perhatian kepada isu kemiskinan yang nampaknya gagal ditangani secara komprehensif oleh kerajaan dalam Bajet 2019 sebelum ini serta terbaharu dalam bajet tambahan bernilai lebih daripada RM15 bilion yang mungkin juga membawa kegagalan yang sama. Saya ingin menarik perhatian terhadap kajian Madeline Berma, seorang sarjana ekonomi yang mengatakan masalah ketidaksetaraan dan kemiskinan di Malaysia lebih bersifat vertikal walaupun masalah secara horizontalnya masih belum selesai. Maksudnya, agihan kekayaan dalam kaum itu sendiri lebih serius untuk ditangani berbanding antara kaum, dikatakan dinamik telah berubah. Adakah kerajaan bersetuju dengan pandangan ini?

Persetujuan kerajaan untuk memulangkan kembali wang royalti kepada negeri Kelantan, saya ucapkan ribuan terima kasih setelah sekian lama kita dinafikan. Melalui peruntukan wang royalti minyak yang diterima oleh sesebuah kerajaan negeri, banyak bantuan kebajikan boleh dimanfaatkan secara langsung oleh rakyat. Saya bagi contoh bagaimana data e-Kasih negeri Terengganu melaporkan hanya 33 ketua isi rumah miskin tegar berbanding negeri Kelantan iaitu sejumlah 7,805 ketua isi rumah yang miskin tegar. Saya difahamkan kejayaan ini terjadi hasil daripada agihan wang royalti yang lebih adil dan dijadikan sumber utama membasmi kemiskinan tegar di negeri Terengganu.

Selanjutnya, saya ingin juga bertanya tentang proses verifikasi data e-Kasih oleh ICU. Saya dimaklumkan bahawa terdapat banyak isu kesahihan data yang menjadi cabaran kepada ICU. Antara lainnya kerana kegagalan ICU mendapatkan sepenuhnya kerjasama daripada badan-badan yang berkenaan mengakibatkan data e-Kasih menjadi tidak tepat. Saya mohon pihak kerajaan menamakan negeri yang gagal memberikan kerjasama sepenuhnya dalam usaha verifikasi data terutamanya maklumat berkaitan bantuan negeri serta badan-badan pemberi bantuan yang tidak berkongsi data yang mengakibatkan profil penduduk miskin gagal di verifikasi dengan tepat.

Saya juga hairan kenapa data e-Kasih negeri Pulau Pinang dilaporkan sebanyak 954 ketua isi rumah miskin tegar padahal dimaklumkan bahawa Pulau Pinang mempunyai bantuan-bantuan khas mengeluarkan penduduk daripada senarai miskin tegar. Adakah program Basmi Kemiskinan Tegar Pulau Pinang gagal atau ICU gagal memperoleh maklumat sebenar daripada negeri. Saya

juga ingin bertanya adakah kerajaan ingin mengekalkan dasar basmi kemiskinan atau mulai menukar kepada dasar membawa kemakmuran hak ekonomi kepada rakyat.

Kemudian saya ingin menyentuh tentang isu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya juga ingin menyoal kenapa tiada penambahan khusus dalam bajet tambahan kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan memberi fokus kebajikan dan sasaran rakyat yang termiskin. Secara perbandingan, Bajet Tambahan Mac 2018 lalu kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat diperuntukkan sebanyak RM235 juta menunjukkan kerajaan terdahulu lebih prihatin terhadap nasib golongan miskin. Adalah amat memalukan setelah perubahan kerajaan berlaku, tiada sedikit pun penambahan pada kadar bantuan kebajikan bulanan kepada penerima walhal kerajaan sendiri mengakui penambahan jumlah miskin tegar di beberapa negeri. Lebih malang lagi Tuan Yang di-Pertua, talian aduan 15999 bagi membolehkan penerima bantuan mengadu apa-apa permasalahan bantuan pun perlu dibayar perkhidmatannya. Soalan saya, adakah kerajaan bersetuju untuk menjadikan talian 15999 ini dibuat secara percuma.

■1650

Saya juga ingin menyambut baik penambahbaikan yang dibuat terhadap permohonan bantuan JKM yang tidak lagi memerlukan sokongan wakil rakyat serta borang yang telah diasingkan, diringkaskan daripada sembilan muka surat pada tiga muka surat sahaja.

Walau bagaimanapun, saya ingin cadangkan proses permohonan bantuan ini lebih dipermudahkan, dibuat secara *online* yang boleh diguna pakai oleh pemohon, aktivis sukarelawan, pemimpin setempat serta dibuat di Pusat Internet 1Malaysia yang mungkin lebih dekat berbanding JKM daerah dan tanpa perlu hadir ke pejabat JKM daerah. Adakah kerajaan juga boleh bersetuju dengan pandangan dan juga cadangan ini?

Ini kerana sistem permohonan sistem permohonan atas talian yang sedia ada menyukarkan kerana kerajaan menghendaki rakyat yang susah ke pejabat kerajaan yang sepatutnya kerajaanlah yang prihatin kepada kesusahan rakyat datang mencari rakyat. Syarat tempoh 14 hari supaya pemohon hadir ke pejabat JKM daerah sebenarnya menyusahkan rakyat, saya mohon supaya kerajaan mempermudah lagi permohonan bantuan seperti ini.

Kemudian pemberian kepada Kerajaan Negeri Kelantan, saya ingin tahu jumlah pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi infrastruktur dan kesejahteraan hidup kepada negeri-negeri di seluruh Malaysia sehingga Disember 2018. Laporan Peruntukkan Perbendaharaan Tahun 2017 walaupun Kelantan merupakan negeri ketiga paling miskin selepas Sarawak dan Sabah, Kelantan hanya menerima RM386 juta berbanding RM1.2 bilion dan RM1 bilion untuk Sarawak dan juga Sabah. Saya cadangkan pada tahun 2019 peruntukan ini tidak kurang daripada RM1 bilion diberikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Adakah ini juga satu pandang dan cadangan yang akan dipersetujui oleh kerajaan?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan tentang isu hak kontraktor bumiputera, saya ingin tarik perhatian terhadap dakwaan perubahan ketara dalam sistem perolehan kerajaan yang mana perolehan kontrak dan tender telah berubah daripada status kelayakan penyertaan kontraktor bumiputera kepada penyertaan terbuka kepada semua termasuk

non bumi. Secara agresif tanpa notis dan pekeliling, makluman kepada kementerian jabatan, perkara ini telah dibangkitkan oleh Persatuan Kontraktor Bumiputera sejauh mana perkara ini berlaku dan apakah jaminan kerajaan?

Dasar mengalahkan usahawan bumiputera dipertahankan, apakah bukit nyata dasar ini terus diperkukuh dalam pemerintahan Pakatan Harapan? Kalau sekiranya ini benar-benar terjadi sebagaimana yang didakwa, tidak keterlaluan kalau kita menganggap ini adalah satu cara untuk membunuh masa depan kontraktor-kontraktor bumiputera yang dipaksa bersaing dengan taiko-taiko dan kontraktor yang sudah *establish* dalam pengurusan perniagaan mereka dan mereka sudah lama memonopoli bahan-bahan binaan yang boleh dia dapatkan secara murah berbanding kontraktor bumiputera yang terpaksa bersaing dengan mereka dan membeli barangan-barangan ini daripada mereka.

Jadi saya rasa ini adalah salah satu daripada perkara yang sangat tidak patut diamalkan oleh Kementerian Kewangan dan sepatutnya diperbetulkan dan kembalikan hak kami sebagai bumiputera yang mendapat peluang yang setanding dengan apa yang didapati oleh kaum-kaum yang lain. Tuan Yang di-Pertua saya beralih kepada...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sebelum pergi, minta laluan Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Saya hendak tambah berkenaan – terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Saya hendak tambah kepada manifesto yang telah dijanjikan dalam Pakatan Harapan, nombor yang 30 iaitu Manifesto Pakatan Harapan, salah satu iltizam bagi membangunkan ekonomi bumiputera ialah dengan mengemas kini jumlah pegangan ekuiti dalam pasaran. Maka di sini kita mendapat beberapa persoalan dalam pemikiran kita, sekarang ini setelah ambil alih oleh Pakatan Harapan selama lebih kurang 11 bulan, berapakah jumlah pegangan ekuiti bumiputera pada tahun 2018? Bila kerajaan berhasrat untuk membentangkan laporan ini secara terperinci di Dewan Rakyat, sambungan daripada hak kontraktor bumiputera tadi, tender kita setuju.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang dan Menteri Kewangan ada di sini walaupun dia tengah fokus pada perkara lain saya yakin dia dengar. Saya ingat Menteri Kewangan jangan lari daripada tajuk ini dan sila jawab sekiranya berkesempatan selepas daripada ini. Kalaulah benar perkara-perkara ini berlaku kita bimbang terhadap masa depan kontraktor dan juga hak ekuiti bumiputera ini. Tidak keterlaluan kalau disebut, saya hendak dengan nada bertanya, adakah ini sebahagian daripada agenda yang di bawa oleh kerajaan baharu yang kewangannya didominasi oleh parti DAP untuk menghakis hak-hak bumiputera dalam negara kita? [*Dewan riu*] Ini hak...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, sudahlah jangan buat tuduhan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya tanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terus buat rumusan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Jangan melampau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau cakap pasal bumiputera, mengapa tidak bawa Jho Low? [*Dewan riuh*]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Jangan melampau.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Adakah...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Mengapa Yang Berhormat Pekan ambil Jho Low?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Cakap berdasarkan fakta lah! Sebagai Yang Berhormat...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Kalau tidak jawab tidak. Kalau ya, jawab ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bodohlah! [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat Pangkalan Chepa masa telah tamat. Terima kasih Yang Berhormat Pangkalan Chepa. Sekarang pembahas yang terakhir, saya jemput Yang Berhormat Ayer Hitam, 10 minit.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bumiputera, bumiputera! Pasal apa Yang Berhormat Pekan ambil Jho Low? Apalah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong. Sila Yang Berhormat Ayer Hitam.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Sana ada Jho Low, sini ada banglo.

4.55 ptg.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Banglo Jho Low lah.

Seorang Ahli: Terowong, terowong...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan untuk bajet tambahan ini. Saya ingin menyatakan di sini bahawa tempoh hari semasa penggulungan Titah Diraja Menteri Kewangan sendiri ada menyatakan bahawa kononnya kalau kita kata sebelum itu kerajaan terdahulu tidak pandai, salah satu contoh yang diambil ialah tanah atau Bangunan Malaysia yang dijual di Hong Kong.

Lantaran itu saya adalah seorang yang berdasarkan pada fakta, kita kena buat semakan saya setuju dengan kata Yang Berhormat Jeli, dahulu sama-sama dalam Kabinet. Berdasarkan pada fakta. Saya masih ingat dua tahun yang lalu bagaimana satu angka itu dapat kita letak adalah berpandukan pada harga pasaran.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat apa yang berlaku, bangunan ini dinamakan Bangunan Malaysia, nombor 47-50 Gloucester Road Wanchai, Hong Kong. Sepanjang 7,512 kaki persegi, pajakan hanya tinggal sembilan tahun lagi iaitu pada 25 Mei 2028 dan dibina pada tahun 1975. Usia bangunan 43 tahun dibeli pada tahun 1980 dengan kos 212,000,000 Hong Kong dolar

pada tahun 1980, semasa Tun Hussein Onn jadi Perdana Menteri. Bangunan 26 tingkat, keluasan lantai *saleable area* 103,000 kaki persegi, komersial dan purata kos penyelenggaraan 663,454 Hong Kong Dolar sebulan iaitu RM8 juta setahun.

Kemudian, hasil sewaan lebih kurang 2.112 juta sebulan ataupun 25.3 juta Hong Kong Dolar setahun. Jadi dari segi *occupancy rate* pada bulan Disember 2018 sebanyak 76.5 peratus. Ini berdasarkan kepada penilaian harga pada bulan April 2018 oleh Knight Frank, 2.167 bilion Hong Kong Dolar bersamaan dengan RM1.168 bilion, '..... Appraisers' - 2.2 bilion Hong Kong Dolar bersamaan dengan RM1.186 bilion.

Ini bermaksud apabila kita khusyuk mendengar jawapan daripada Yang Berhormat, ini adalah fakta yang ada, *financial report* yang ada dan berdasarkan sebelum itu ada juga dibuat perbandingan dengan lapan bangunan bersebelahan. *Comparable one, two, three, four, five* tentang bangunan *office* atau pejabat dan juga *retail*. Semua ada, *Tung Wai Commercial Building, Fortis Towers, Overseas Trust, Bank Buildings, Lockhart Centre, Henfa Commercial Building* dan seterusnya untuk *retail, Lock Gold Building, Neich Tower* dan *Bank of East Asia*. Ini berdasarkan pada perbandingan transaksi yang berlaku pada ketika itu.

Jadi secara ringkasnya saya hendak kata saya sudah semak, pemain industri di Hong Kong memberitahu saya memang ada tawaran untuk mendapatkan Bangunan Malaysia tetapi harga yang ditawarkan ialah 1.6 bilion Hong Kong Dolar bukan RM1.6 bilion seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Lagi satu, kalau kita menentukan satu tawaran itu betul-betul dimuktamadkan bermaksud orang itu menawarkan pada waktu yang sama, orang itu bayar juga, syarikat itu bayar deposit baru dikira dimuktamadkan. Saya juga dimaklumkan bahawa nilai pasaran hartanah lebih kurang 1.6 bilion hingga 1.7 bilion Hong Kong Dolar bersamaan dengan RM800 juta atau lebih sedikit daripada itu selepas dinilai bersandarkan keadaan bangunan serta status pajakan yang hanya berbaki sembilan tahun.

■1700

Walaupun kalau saya memohon di sini, saya yakin Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak akan atau tidak berani menunjukkan bukti bertulis tawaran RM1.6 bilion tersebut, bukan Hong Kong Dolar, RM1.6 bilion. Jadi, jangan kita hendak sama ratakan nilai mata wang kita Malaysia dengan Hong Kong Dolar. Oleh itu, saya memberi ruang kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menunjukkan laporan penilaian yang sebenar bangunan tersebut dan juga nilai rizab tender yang dikatakan mencecah RM1.6 bilion sebagaimana yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Sekiranya benar, saya ini berlaku adil, Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat menerima bidaan RM1.6 bilion, maka amatlah wajar Yang Berhormat Menteri Kewangan dipuji. Saya boleh buat *standing ovation* kerana berjaya menjual bangunan bernilai RM800 juta itu iaitu dua kali ganda daripada nilai pasaran.

Akan tetapi, sekiranya tawaran itu seperti mana yang disebutkan tidak dapat dibuat ataupun tersalah anggap Hong Kong Dolar sama dengan Malaysia Ringgit, bermaksud saya

menggesa supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan kena bertanggungjawab dengan meletak jawatan. Sebab apa Hong Kong Dolar dengan Malaysia Ringgit bezanya dua kepada satu bermaksud ini bukan laporan main-main. Ini adalah dilakukan oleh tiga firma penilaian yang terbaru, bermaksud dahulu kata kita hendak menipu, menipu apa? Ini adalah harga pasaran yang dibuat. Yang Berhormat Menteri minggu hadapan akan pergi ke Hong Kong atau pegawai akan pergi ke Hong Kong cari *valuer*. Tidak mengapa, cari sebab kita sudah tahu, sebelah bangunan Malaysia ini ada satu tanah hendak jual, *valuation report* pun akan dibuat dan berdasarkan nilai ini kita semua tahu dan *industrial player* sudah tahu apa yang berlaku.

Saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memberikan penerangan, apakah beliau tersilap anggap Ringgit Malaysia sama dengan Hong Kong Dolar. Kalau itulah kesilapannya, barangkali Yang Berhormat Menteri patut melakukan sesuatu untuk membetulkan keadaan.

Satu lagi perkara yang saya hendak beritahu dalam bajet ini, belanjawan tambahan pembangunan terdapat RM9.2 bilion dalam bentuk suntikan ekuiti kepada Dana Infra, PFI, Prasarana serta bayaran dana fasiliti. Di dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2017, Dana Infra dan Dana Prasarana merupakan badan berkanun yang telah mendapat jaminan pinjaman kerajaan sebanyak RM42.2 bilion serta RM26.6 bilion. Persoalannya, maklumat korporat Suruhanjaya Syarikat Malaysia tahun 2018 juga menunjukkan, tidak kira Dana Infra, PFI atau Prasarana serta anak syarikatnya. Walaupun mengalami kerugian, tetapi tiada keperluan untuk kerajaan untuk menambah sokongan ekuiti. Ini yang dilaporkan di SSM.

Saya bagi contoh, Dana Infra Nasional Berhad kerugian RM151 ribu. Prasarana Malaysia lima daripada tujuh anak syarikat, saya hendak tunjuk keseluruhan Prasarana Malaysia Berhad berdasarkan maklumat korporat Suruhanjaya Syarikat Malaysia tahun 2018 ialah kerugian sebanyak RM2.5 juta, Rapid Real Sdn Bhd kerugian sebanyak RM120 juta, Rapid Bus Sdn Bhd kerugian sebanyak RM65 juta kemudian Prasarana Integrated Management & Engineering Services Sdn Bhd kerugian sebanyak RM108 juta, Prasarana Integrated Development Sdn Bhd kerugian sebanyak RM10 juta, Prasarana Rail and Infrastructure Projects Sdn Bhd keuntungan sebanyak RM610,927. Ini adalah yang dirangkumkan di bawah Prasarana Malaysia Berhad.

Pembinaan PFI Sdn Bhd keuntungan sebanyak RM7 juta. Ini maklumat yang diperoleh daripada korporat Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang mengatakan walaupun ada mengalami kerugian tetapi tiada keperluan untuk kerajaan untuk menambah sokongan ekuiti. Kecualilah kalau maklumat itu tidak tepat.

Maka saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan mengapakah ketiga-tiga agensi kerajaan atau badan berkanun ini perlu diberi suntikan dana yang begitu tinggi sekali. Sebagai ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Ayer Hitam, satu minit 17 saat lagi. Sila rumuskan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Okey. Sebagai kesimpulan, saya mintalah supaya Yang Berhormat Menteri kalau usaha Yang Berhormat Menteri untuk meningkatkan hasil pendapatan, kita di sini akan sokong. Akan tetapi biarlah berdasarkan kepada fakta bukan dengan

perkataan “*rompakan*”. Saya bersyukur kerana baru-baru ini pada 13 Mac 2019, satu jawapan yang saya terima dalam ucapan penangguhan, Timbalan Yang Berhormat Menteri tidak sebut lagi fasal “*rompakan*”. Yang Berhormat Rembau buat laporan polis pada 9 Ogos 2018, sudah tujuh, lapan bulan tidak disiasat yang dikatakan dahulu ada orang merompak, saya hendak tahu siapa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Akan tetapi kita bersyukur kerana ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta penjelasan Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Akan tetapi kita bersyukur kerana jawapan daripada – Hei, *you* duduk, *you* tidak berani okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta penjelasan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Hari itu minta saya ulangi ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebab apa Yang Berhormat Rembau buat *report*?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Apa yang kamu hendak suruh saya cakap, saya sudah cakap, tetapi tidak berani. Tolong duduk, duduk. Bukan anak jantan, duduk.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Rembau sudah mengaku.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Duduk, okey. Saya minta supaya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta Yang Berhormat Jelutong duduk.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: ... gunakan perkataan yang betul-betul berdasarkan kepada fakta, kalau apa usaha kerajaan ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau anak jantan dahulu tengah 1MDB lah.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya akan sokong. Duduk, saya sudah sahut cabaran, sampai hari ini tidak berani

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau Yang Berhormat Ayer Hitam anak jantan dulu kena tanya Yang Berhormat Pekan tentang 1MDB.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Duduk, duduk ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dahulu tidak berani mengapa?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tidak payah, kamu tidak layak [*Pembesar suara dimatikan*] [*Dewan riuh*].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Ayer Hitam cepat, masa sudah tamat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya sahut cabaran Yang Berhormat Jelutong. Saya ulangi di luar, sampai hari ini tiada tindakan. Itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat ...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Ada isu lain Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: MIC sudah kahwin. *[Pembesar suara dimatikan].*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 18 Ahli-ahli Yang Berhormat telah membuat perbahasan dan sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab selama 45 minit. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

5.06 ptg.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Ya, sekiranya tidak ada gangguan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua 18 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2018 dan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2018 di Dewan yang mulia ini.

Saya akan cuba menjawab semua soalan-soalan khusus yang ditujukan. Akan tetapi sebelum saya mulakan dengan jawapan rasmi saya, saya amat tertarik dengan Yang Berhormat Ayer Hitam yang telah membuat satu tuduhan lagi ke atas saya. Sampai beliau bersama-sama dengan rakan-rakan ekstremis beliau meminta saya letak jawatan. So, itulah wajah parti beliau yang beliau memimpin menjadi seperti ini.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat tidak faham Bahasa Malaysia.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak bagi jalan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya kata kalau betul saya *[Pembesar suara dimatikan].*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan. Yang Berhormat Ayer Hitam bagi Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Ayer Hitam minta saya letak jawatan atas satu penjualan hartanah yang diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Di mana Yang Berhormat patut tahu, diluluskan di bawah pentadbiran Yang Berhormat Pekan secara rundingan terus, RM1.1 bilion bukan tender terbuka. Beliau pula menyatakan itulah harga yang mereka putuskan berdasarkan atas penilaian syarikat hartanah. Apa yang kita persoalkan ialah mengapa tidak dijalankan secara tender terbuka? Bila tender terbuka kita boleh dapat nilai dan harga yang lebih tinggi. Sekarang pula, apabila saya buat cabaran ini, masa itu Yang Berhormat Pekan takut dan tidak berani jawab.

Sekarang kita lihat pembela baru Yang Berhormat Pekan iaitu Yang Berhormat Ayer Hitam. Tahniah, syabas Yang Berhormat Ayer Hitam.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *That's not the point.*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Minta penjelasan ...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *The point is you are lying. [Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila teruskan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak teruskan ucapan saya dan itulah pembela baru ini pula cakap bahawa sebenarnya apabila saya sebut harga yang kita terima selepas kita mengeluarkan hasrat untuk mengadakan penjualan hartanah ini bukanlah secara rundingan terus di bawah kerajaan lama, tetapi di bawah kerajaan baharu ialah menerusi tender terbuka. Kerajaan terima di antara tawaran adalah RM1.6 bilion. Sekarang Yang Berhormat pula cakap bahawa saya sudah silap yang diterima ini bukan RM1.6 bilion, tetapi HK\$1.6 bilion iaitu lebih rendah daripada RM1.1 bilion secara rundingan terus.

Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak tahu perbezaan di antara Hong Kong Dolar dan Ringgit? Sekiranya itulah sebabnya beliau meminta saya letak jawatan. Sekiranya ...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri pusing, saya kata... *[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

■1710

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Show the document.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Show the document...*

Tuan Lim Guan Eng: Sekiranya saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Salak...

Tuan Lim Guan Eng:Tunjukkan surat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, *show [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tunjukkan surat di mana ada tawaran untuk membeli bangunan sebanyak RM1.6 bilion, adakah Yang Berhormat Ayer Hitam meletakkan jawatan sebagai Ahli Parlimen?

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat, saya...

[Dewan riuh]

Tuan Lim Guan Eng: Duduk. Saya tidak mahu bagi jawapan.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Dia tidak berani *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan riuh]* Yang Berhormat baca Hansard...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Baca ini.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak mahu bagi jalan kepada seorang yang jahil macam Yang Berhormat Ayer Hitam.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Menipu...

Tuan Lim Guan Eng: Saya profesional, kamu bukan profesional. Profesional...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Sudahlah.

Tuan Lim Guan Eng: Saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan tunjukkan surat itu. Esok, saya akan tunjukkan surat tawaran di mana...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tunjuk surat kah tunjuk sijil?

Tuan Lim Guan Eng: ...Untuk beli bangunan sebanyak RM1.6 bilion.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Don't show the fake one ya.*

Tuan Lim Guan Eng: Ini bukanlah...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Kalau betul, suruh dia duduk, letak jawatan.

Tuan Lim Guan Eng: ... yang penting ialah Tuan Yang di-Pertua...

Seorang Ahli: Bodohlah.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Letak jawatan!

Tuan Lim Guan Eng: ...Bahawa kita rasa harga ini boleh lebih tinggi daripada RM1.6 bilion. Itulah sebab kita hendak mengadakan secara tender terbuka, telus, bersih...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Oh, baru hendak buat?

Tuan Lim Guan Eng: ...Bagi kepada...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Baru hendak buat? *Just now you say* baru hendak buat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh berlatih hendak buat *standing ovation*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mana dia?

Tuan Lim Guan Eng: ...Tidak kepada kroni-kroni sebelum ini.

Seorang Ahli: Heh, Yang Berhormat Pasir Salak duduklah!

Tuan Lim Guan Eng:Yang menjadi perkara pokok di mana Yang Berhormat Ayer Hitam nampaknya telah membelakangkan ketelusan, telah membelakangkan *good practices*, telah membelakangkan amalan bersih seperti...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Yang Berhormat Menteri, saya cuma tanya tunjuk bukti sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak mahu...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Takkan Yang Berhormat Menteri tidak berani tunjukkan hari ini [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Yang Berhormat Ayer Hitam, sila duduk. Minta Yang Berhormat Menteri...

Tuan Lim Guan Eng: Itulah sebabnya Yang Berhormat Ayer Hitam, janganlah berpura-pura pandai.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya tidak tipu, kelulusan saya profesional, kamu profesional akauntan. Ini tidak berani jawab. Samanlah saya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sijil, sijil.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau anda...

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Heh! Yang Berhormat Tumpat, diamlah!

Tuan Lim Guan Eng: ...Biar orang lain buktikan anda pandai tetapi jangan tunjuk anda tidak pandai.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah jadi personal lah...

Tuan Lim Guan Eng: ...Tuduhan yang tidak berasas ini. Esok, saya akan tunjukkan surat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Aiseyman..*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Yang Berhormat Menteri, teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Surat tawaran untuk membeli bangunan sebanyak RM1.6 bilion. Akan tetapi sungguhpun ada tawaran RM500 juta lebih tinggi daripada harga rundingan terus yang dikeluarkan oleh pentadbiran lama Yang Berhormat Pekan, kita masih hendak menjalankan penjualan secara tender terbuka, supaya kita boleh mendapat harga...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belum buat lagi itu.

Tuan Lim Guan Eng: ...Lebih tinggi lagi. Akan tetapi saya amat kesal Yang Berhormat Ayer Hitam...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Malu apa bos ku?

Tuan Lim Guan Eng: ...membuat tuduhan yang tidak berasas ke atas kerajaan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belum buat lagi itu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Biar kita lihat apakah harga yang kita boleh perolehi daripada tender terbuka. Yang Berhormat Ayer Hitam tidak sokong tender terbuka, tidak apa.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Bila masa saya cakap, saya kata...

Tuan Lim Guan Eng: ... Yang Berhormat Ayer Hitam...

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: ... tanya lah kalau dapat harga yang lebih tinggi. Yang Berhormat [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Guan Eng: Duduk.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Amalan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, belum buat lagi baru hendak buat.

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Saya boleh bagi *standing ovation* terhormat kalau *you* buat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Baru hendak buat, baru hendak buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ini sesi Yang Berhormat Menteri. Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Sekarang hendak minta saya letak jawatan kerana saya hendak mengamalkan sistem tender terbuka. Malu Yang Berhormat Ayer Hitam.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua

[Dewan riuh]

Seorang Ahli: Yang Berhormat Ayer Hitam malu, Yang Berhormat Ayer Hitam.

Tuan Lim Guan Eng: Kerana mereka yang jahil...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belum buat lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Kerana mereka yang jahil dan tidak pernah malu.

[Dewan riuh]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak malu, Yang Berhormat Menteri Kewangan, tidak ada *standard*.

Tuan Lim Guan Eng: ...Kepada mereka.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sijil pun tidak ada lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Saya juga...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kata akauntan..

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri jawab. Minta Yang Berhormat Menteri jawab, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak jawab kepada Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Di mana...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Guan Eng: ... Yang Berhormat Pengkalan Chepa ada bertanya...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Soalan tender terbuka ini, Yang Berhormat, soalan tender terbuka. Boleh?

Tuan Lim Guan Eng: Lain kalilah Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak, saya hendak tanya.

Tuan Lim Guan Eng: Lain kali, lain kali. Sekarang ini saya dengan Yang Berhormat Ayer Hitam. Lain kali, duduk, duduk, lain kali.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Takut kah? Takut kah?

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak jawab soalan Yang Berhormat Pengkalan Chepa...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Takut kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Menteri teruskan.

[Yang Berhormat Pekan keluar Dewan]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Hoi ! Lari kah Yang Berhormat Pekan?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pekan mana Yang Berhormat Pekan?

[Dewan riuh]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Apa mahu malu Yang Berhormat Pekan. Lari kah?

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Pekan boleh jawab soalan ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hoi Yang Berhormat Pekan mana pergi?

Tuan Lim Guan Eng: Kenapa hendak lari?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Esok ada kes kah Yang Berhormat Pekan?

Tuan Lim Guan Eng: Saya harap Yang Berhormat Pekan jangan lari.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Heh, duduklah! Duduk lah! Hoi takut, hoi!

Tuan Lim Guan Eng: Jangan lari.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Takutlah hoi. *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Mungkin kita kerugian kerana tidak jalankan tender terbuka sebab ini rundingan terus. Yang Berhormat Pengkalan Chepa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: ...Saya anggap...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terowong tidak pernah jawab pun. Terowong, terowong. Terowong tidak pernah jawab pun.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Pengkalan Chepa bahas dengan bernas tetapi saya amat kesal hari ini...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Soalan Yang Berhormat...

Tuan Lim Guan Eng: ...Beliau cuba memainkan sentimen dengan isu tender terbuka.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Biar saya jawab dahulu. Nanti, Yang Berhormat Pengkalan Chepa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Nanti akan dijawab. Ya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Soalan tender terbuka ini.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak beritahu Yang Berhormat Pengkalan Chepa, apabila kita mengamalkan sistem tender terbuka, kita menggunakan kaedah lama yang berbeza ialah ia diadakan secara tender terbuka di kalangan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Belum buat.

Tuan Lim Guan Eng: ...Kontraktor bumiputera contohnya kontraktor kelas F atau G1. Masih dipakai kaedah lama tetapi dijalankan secara tender terbuka di kalangan mereka, bukanlah macam dahulu. Buat secara rundingan terus, *direct award* atau kena dapat tanda tangan ketua bahagian.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Apa yang saya bangkitkan ini tender terbuka. Kalau dahulu jenis tender hanya untuk bumiputera, sekarang terbuka untuk semua walaupun non bumi. Ini betul kalau Yang Berhormat Menteri, kalau Yang Berhormat Menteri sahkan makna betul ini agenda untuk menghapuskan masa depan kontraktor bumiputera. Saya ada contoh. Yang Berhormat Menteri, saya ada contoh. Saya boleh baca.

Seorang Ahli: Orang tanya lain, jawab lain.

Tuan Lim Guan Eng: Itulah yang saya kesalkan Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya lagi kesal dan kontraktor bumiputera lagi kesal.

Tuan Lim Guan Eng: Maklumat Yang Berhormat Pengkalan Chepa memainkan sentimen, ini tidak benar.

Seorang Ahli: Bumiputera kesal.

Tuan Lim Guan Eng: Ini tidak benar. kita gunakan...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Apa yang tidak benar. Kalau dahulu dalam status ini hanya tertutup untuk bumiputera, sekarang terbuka. Yang Berhormat Menteri boleh tengok di sini.

Tuan Lim Guan Eng: Terbuka untuk kalangan bumiputera.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, sumber dia daripada mana?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tidak ada.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Jangan cakap berbelit-belit.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Hanya kepada kontraktor bumiputera dan sumber dia daripada mana Yang Berhormat Pengkalan Chepa? Sumber dia. Sumber dia. Sila petik, sumber dia daripada mana.

Tuan Lim Guan Eng: Duduk.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Sumber dia kena petik daripada mana dahulu? Kita dalam SDO Sarawak pun kita *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* terbuka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak benarkan beberapa orang bercakap serentak. Saya minta penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan dahulu. Yang Berhormat Pengkalan Chepa duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak tegaskan di sini....

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tidak, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dengar, dengar.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Bagan bagi peluang kepada saya bacakan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: ... Yang Berhormat Puncak Borneo diam.

Tuan Lim Guan Eng: ...Kita adakan sistem tender terbuka...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: ... Yang Berhormat Menteri...

Tuan Lim Guan Eng: Duduk, duduk, saya jawab.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tidak, saya bacakan bukti.

Tuan Lim Guan Eng: Duduk.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Yang Berhormat Pengkalan Chepa baca dahulu, Yang Berhormat Pengkalan Chepa baca dahulu.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya bercakap dengan fakta.

Tuan Lim Guan Eng: Duduk.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Bukan Yang Berhormat Menteri tidak berani menjawab isu terowong, diam sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa bagi Menteri menjawab.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Isu terowong, laporan sudah bocor.

Tuan Lim Guan Eng: Inilah telatah seorang yang *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* tender terbuka yang kita pakai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dengar jawapan.

Tuan Lim Guan Eng: Kita hendak pastikan bahawa kita boleh mendapat harga yang paling baik. Akan tetapi kita menggunakan kaedah lama di mana ada disebut bahawa kalau dahulu kaedah lama berbeza, sekarang ia *open* untuk semua, bagi kepada saya.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Menteri saya baca.

Tuan Lim Guan Eng: Bagi kepada saya.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya baca. Saya baca.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak apa, tidak apa, bagi kepada saya. Tidak apa.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya baca.

Tuan Lim Guan Eng: Sekarang saya hendak tegaskan di sini bahawa...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Bagilah peluang saya baca.

Tuan Lim Guan Eng: Bahawa kita akan...*[Dewan riuh]*

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya bukan omong kosong, ini...

Tuan Lim Guan Eng: ...Ikut yang lama tetapi di kalangan itu...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: ya, ya, saya akan bacakan.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Bagi peluanglah.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Minta Yang Berhormat Menteri duduk dahulu.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Bagi peluang.

Tuan Lim Guan Eng: Duduk, duduk.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Saya...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Menteri, duduk dahulu. Saya bacakan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta....

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Macam mana saya hendak baca kalau Yang Berhormat Menteri [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa bagi peluang Yang Berhormat Menteri memberikan penerangan kerana dia akan bagi laluan kepada Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Beri penerangan dahulu. Dia tidak berani punya bagi.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Biar Yang Berhormat Pengkalan Chepa baca dahulu, baru Yang Berhormat Menteri bagi penerangan.

Seorang Ahli: Dia minta bukti.

Tuan Lim Guan Eng: Kenapa Yang Berhormat...

Seorang Ahli: Yang Berhormat Menteri minta bukti....

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Menteri duduk dahulu, saya bagi penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Duduk, saya cakap duduk. Ini *floor* saya...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: ...sebab *you* minta dengan saya bagi bukti.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tadi minta bukti, bila hendak bagi bukti suruh duduk, apa cerita ini?

Tuan Lim Guan Eng: Duduk [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya anak jantan bukan pondan macam Yang Berhormat Bagan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri minta bukti [*Dewan riuh*] [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tarik balik.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat [*Dewan riuh*]

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri minta bukti, orang bagi bukti, suruh duduk.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...Penipu.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tarik balik.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *[Menyampuk]*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tarik balik.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

■1720

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tarik balik!

[Sistem pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Peraturan Mesyuarat 36(6) sangkaan buruk terhadap seorang Ahli Parlimen. Tarik balik!

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Alah, sudahlah, sudah!

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Malu! Sebagai seorang Islam tidak boleh bersikap sedemikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk. Duduk, baik.

[Dewan riuh]

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri cabar minta bukti, hendak bagi bukti takut hendak dengar.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi peluang Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Tuan Lim Guan Eng: Tunjuk bukti kepada saya. Itu tidak jadi masalah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat, peraturan...

Tuan Lim Guan Eng: Tapi kalau sekadar buang masa, tentang perkara yang tidak berasas. Tunjuk kepada saya...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa hendak bacakan bukti kenapa takut? Bacakan bukti di sini supaya seluruh rakyat Malaysia boleh tengok.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tunjuk bukti di sini seluruh rakyat boleh tengok. Takut apa? Takut apa Yang Berhormat Menteri? Takut apa Yang Berhormat Menteri? Hendak baca bukti rakyat Malaysia boleh tengok... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

Tuan Lim Guan Eng: Jangan main sandiwara di sini. Tunjuk kepada saya. Saya hendak teruskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Menteri teruskan.

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Orang lain hendak dengar juga, Yang Berhormat Pengkalan Chepa kena baca dulu.

Tuan Lim Guan Eng: Seperti yang saya jelaskan, saya harap bahawa kalau Yang Berhormat ada bukti lain tunjuk bukti kepada saya. Saya...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Ya, saya akan baca supaya seluruh Malaysia tahu bahawa Yang Berhormat pembohong!

Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Orang lain hendak dengar juga.

Tuan Lim Guan Eng: Janganlah main sandiwara, janganlah main sentimen, jangan main emosi untuk membelakangkan kebenaran, mainkan fitnah! Itulah perangai Yang Berhormat. Tidak betul macam ini!

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Supaya orang tahu Yang Berhormat tidak berani, Yang Berhormat tidak berani saya akan baca bukti. Tidak ada fitnah! Ini ada bukti! Ini terbukti! Bagi saya peluang sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak teruskan dan saya sekarang ini...

[Sistem pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa saya minta kamu duduk! Saya minta Yang Berhormat Pengkalan Chepa jadi punca ini saya minta kamu duduk. Ini adalah *floor* Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjawab.

Seorang Ahli: Bacull!

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, dia mencabar saya tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya sudah kata suruh duduk.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya hendak bagi bukti kenapa dia takut? Lain kali jangan cabar! Saya anak jantan bukan macam Yang Berhormat Bagan!

[Dewan riuh]

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua. Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.

[Dewan riuh]

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Kalau Yang Berhormat Pengkalan Chepa anak jantan, Yang Berhormat Puncak Borneo lagi anak jantan!

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Pakaian kopiah, perangai macam itu.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri minta Yang Berhormat Pengkalan Chepa tunjuk bukti.

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Kalau hendak bagi kena bagi rujukan daripada mana... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Punca, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Pengkalan Chepa minta duduk saya sudah bagi kali ketiga, kalau tidak saya akan buat sesuatu, baik. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri teruskan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi cabar Yang Berhormat Pengkalan Chepa, cabar Yang Berhormat Pengkalan Chepa minta bukti. Sekarang ini Yang Berhormat Pengkalan Chepa hendak berikan bukti. Takut apa Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, jawab kemudian bukan sekarang. Bukan sekarang, bukan sekarang.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta Yang Berhormat Pengkalan Chepa tunjuk bukti menerusi salinan surat dan saya akan jawab sama dia tidak akan jadi masalah. Akan tetapi, janganlah mainkan emosi.

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: No, Yang Berhormat Menteri cabar dalam Parlimen, seluruh rakyat Malaysia melihat hendak bagi bukti mesti rakyat Malaysia hendak tengok.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri, sila Yang Berhormat Menteri bagi penerangan...

Tuan Lim Guan Eng: Yang penting adalah dokumen.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Takut apa Yang Berhormat Menteri?

Tuan Lim Guan Eng: Tidak perlu, tidak perlu. Kalau seseorang Yang Berhormat...

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Guan Eng: Kena sebut sampai dia anak jantan, dia sudah tidak ada *point* lagi lah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Guan Eng: Tidak ada *point* lagi. Saya hanya minta Yang Berhormat tunjukkanlah dokumen secara sah saya akan jelaskan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Dia hendak bagi *point* ini, takut apa Yang Berhormat Menteri? Kalau takut, ini bukti sebenar.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ini bukti sebenar, kalau benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia minta bukti kemudian, bukan sekarang. Ini dia punya *floor*.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *No*, rakyat hendak dengar, rakyat hendak dengar! Rakyat hendak dengar bukti.

Tuan Lim Guan Eng: Saya boleh jumpa Yang Berhormat untuk tengok bukti yang Yang Berhormat ada. Tidak perlu kita cabar dekat sini. Akan tetapi, saya hendak tegaskan Tuan Yang di-Pertua ialah... [*Sistem pembesar suara dimatikan*]

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri bersihkan diri, Yang Berhormat Menteri tolong bersihkan diri, rakyat hendak dengar bukti.

[*Dewan riuh*]

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri minta tunjuk, bukan baca.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Takut apa Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri minta tunjuk bukan baca.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: *Standing Order*.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *No...*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Peraturan mesyuarat.

[*Dewan riuh*]

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tidak kacau, bagi peluang kepada Yang Berhormat Pengkalan Chepa tunjuk bukti sahaja. Itukan Yang Berhormat Menteri yang cabar tadi.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Menteri sudah cakap, suruh dia menulis surat dengan bukti sekali. Bukan dengan tunjuk *WhatsApp* macam ini. Siapa-siapa boleh buat macam ini.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tadi dia cabar tadi. *No...*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat saya minta *Standing Order* satu, Yang Berhormat Lembah Pantai sila *Standing Order*.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa sudah baca kah?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Standing Order* Peraturan Mesyuarat 36(4) "*Adalah menjadi kesalahan bagi Ahli-ahli Dewan menggunakan bahasa kurang sopan...*"

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Alah duduk lah Yang Berhormat Lembah Pantai! Sama sahaja. Awak lagilah banyak kurang sopannya.

[*Dewan riuh*]

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya mohon Yang Berhormat Pengkalan Chepa tarik balik perkataan kurang sopan yang telah dikeluarkan, saya dengar perkataan yang *unparliamentarian*.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya dengar ucapan paling manis, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Duduk sahajalah. Banyak cakap kurang sopanlah, itulah, inilah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya mohon tarik balik. Kurang sopan, kurang sopan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apakah kata dekat orang...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri tidak sopan kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta Yang Berhormat Menteri...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengkalan Chepa hendak bagi bukti seperti mana yang dipohon, yang diminta, yang dicabar oleh Yang Berhormat Menteri. Rakyat Malaysia menunggu.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Baca tidak sopan kah?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pengkalan Chepa cuma hendak bacakan *WhatsApp* dia. Itu bukti apa, *WhatsApp*!

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Peraturan, peraturan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ha, baca-baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ha baik, silakan duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Saya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak gentar jumpa Yang Berhormat nanti kemudian bagi bukti. Akan tetapi, nampaknya Yang Berhormat takut hendak jumpa saya kemudian. Kalau Yang Berhormat tidak takut jumpa saya kemudian kita boleh jumpa tunjuk bukti. Apa hendak takut? Jumpa saya kemudian, tunjuk bukti. Saya hendak teruskan perbahasan...
[Sistem pembesar suara dimatikan]

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *No, no.* Rakyat Malaysia hendak dengar! Kenapa perlu di luar? di Parlimen ini. Kita selesaikan di Parlimen ini. Ya, kita selesai di Parlimen ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri telah menjawab jumpa dia kemudian. Sekarang ini adalah sesi jawapan, kita jumpa kemudian. Baik saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak perlu takut, datang jumpa saya kemudian.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri cabar dalam sidang ini.

Tuan Lim Guan Eng: Dan kita akan tunjuk bukti.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Dia kena tarik perkataan 'pondan', Tuan Yang di-Pertua. Tarik balik perkataan 'pondan'.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Pondan itu maknanya penakut. Takkan pondan begitu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta semua bertenang, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin minta Yang Berhormat Menteri Kewangan teruskan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tarik balik, tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Tarik balik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau anak jantan tarik balik!

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasar Salak]: Apa yang hendak tarik ini, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Kurang sesuai Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua kena tarik balik, Tuan Yang di-Pertua.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, peraturan mesyuarat perkataan 'pondan'. Sila minta tarik balik.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa sila, beri penjelasan. Yang Berhormat Pengkalan Chepa sila.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya tidak kata pondan, saya kata 'macam pondan'.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak ada!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Perkataan 'pondan'...

[Dewan riuh]

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Pondan-pondan ini semua perlu disokong, pondan-pondan ini...

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tipulah. Apa ini.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa kalau berani mengaku. Yang Berhormat Pengkalan Chepa kalau berani buat , berani mengaku salah.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Dia sokong LGBT, pondan-pondan ini perlu disokong. Saya kata... *[Sistem pembesar suara dimatikan]* *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, dua kali saya sebut, tarik balik perkataan 'pondan'.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tadi kata jantan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya kata macam pondan Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya tarik maknanya...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Jangan hendak menegakkan benang basah. Tarik balik...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Jangan buang masa Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, kali ketiga, tarik balik perkataan 'pondan'.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Menteri tunjuk jantan bagi peluang kepada Yang Berhormat Pengkalan Chepa supaya...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat tidak ada kaitan dengan kamu.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ha, tunjuk jantan, jangan jadi pondan, jadi jantan!

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak ada kaitan dengan Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Tumpat jangan menyibuk!

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta Yang Berhormat Menteri sendiri tunjuk tidak pondan, tunjuk jantan. Biar benar...

[Sistem pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat saya minta petugas-petugas jalankan - saya halau dia keluar kerana tidak mahu tarik balik. Sila bangun. Jalankan tugas. Tiga kali saya cakap!

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua sudah cakap, ini *floor* Yang Berhormat Menteri, minta tarik balik!

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Dua-dua jantan pun halau keluar! Dua-dua jantan pun halau keluar!

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Dewan ini bukan pasar malam.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Yang di-Pertua, bagi penjelasan dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tarik balik sahaja.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya bersetuju untuk tarik balik kalau Yang Berhormat Menteri bagi peluang kepada saya kemukakan bukti. Sekarang...

[Dewan riuh]

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Yang Berhormat Menteri sudah bagi peluang tarik balik sekarang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bagi peluang dia jawab dan dia tarik balik.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tarik balik, tidak sesuai perkataan itu.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Menteri tidak berani. Dia pondan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri kena jadi jantan.

[Sistem pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Dia hendak cari glamor sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pondan untuk Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Dia hendak cari glamor sahaja.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ini hendak mempermainkan Tuan Yang di-Pertua ini. Tuan Yang di-Pertua, sudah cakap sudah bagi bukti kemudian.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Tuan Yang di-Pertua, dia hendak cari *famous*.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta Yang Berhormat Menteri jadi jantan.

[Sistem pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya minta keluar, sila jalankan tugas. Saya minta keluar, sila keluar. Saya minta keluar.

[Dewan riuh]

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri tidak berani, Yang Berhormat Menteri tidak berani.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Baru betul anak jantan macam itu.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Bagi peluang kepada saya. Ini tidak adil, dia cabar saya kalau saya tidak bagi peluang untuk saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jangan mengganggu mesyuarat. Sudah tiga kali saya buat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Nanti balik beritahu pengundi kena keluar Dewan sebab panggil orang pondan.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Yang Berhormat Menteri tak jantan! Yang Berhormat Menteri jawablah kalau jantan. Mana Yang Berhormat Menteri tolong jawab!

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan macam Yang Berhormat Jelutong, pondan!

[Sistem pembesar suara dimatikan]

[Dewan riuh]

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *[Meninggalkan Dewan]*

■1730

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak, ikutlah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuduh BN perompak ini bila hendak tarik balik Yang Berhormat Bagan? *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Tidak payahlah mesyuarat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Bila hendak tarik balik tuduh BN perompak? GST tadi.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Keluar, keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sila Bentara, jalankan tugas.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Saya menghormati Speaker tetapi bukan kepada dia.

Beberapa Ahli: Keluar, keluar.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Keluarlah, keluarlah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan kurang ajarlah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Jangan biadab. Ini hendak mempermainkan Speaker.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini anak jantan.

[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Dia hendak jadi *famous* lah. Itu yang dia hendak.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Jangan buang masa Dewan. Yang Berhormat Kuala Terengganu pun keluar sekali.

Seorang Ahli: Bodoh punya Menteri. Jangan dengarlah, buang masa lah.

Seorang Ahli: Kelentong sahaja Menteri ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: MP PAS anak jantan. Bukan macam Yang Berhormat Jelutong. Pondan!

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Hai, UMNO tidak tunjuk kebersamaan kah? Tidak keluar sekali kah?

Seorang Ahli: Takut jawab, takut jawab.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Macam mana UMNO ini?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuduh kami perompak, wang GST ini bila hendak tarik balik Yang Berhormat Bagan?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Kata sudah satu keluarga.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong kurang ajar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...perompak wang GST ini bila hendak tarik balik?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Pontian, dalam rumah ada pisang goreng dengan sambal kicap...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong tunjuk pandai... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Ahli Yang Berhormat, saya minta Menteri Kewangan untuk menjawab.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ini kahwin tidak sah lagi.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Tidak ada prinsiplah.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Budak yang *ramos* itu pun serupa. *[Ketawa] [Dewan riuh]* Mat lembut. *[Ketawa]* Oh, keluar ya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak huraikan sekali lagi bahawa seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera, kalau kita hendak pastikan kita ada...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong kurang ajar.

[Ahli-ahli pembangkang keluar dewan]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Selamat bersidang pondan-pondan.

Tuan Lim Guan Eng: ...proses belanjawan yang paling terbaik dan teratur sekali, kita kena laksanakan amalan-amalan urus tadbir yang baik iaitu termasuk tender terbuka. Seperti yang saya tegaskan tadi, saya hendak ulangi pada kali yang terakhir. Bahawa kalau kita lihat kaedah lama yang telah dilaksanakan oleh kerajaan lama, ia dikekalkan. Perbezaannya ialah mesti diadakan secara tender terbuka. Oleh itu, sekiranya sesuatu daripada kontrak ini dikhususkan untuk kontraktor Bumiputera, maka ia akan dikekalkan tetapi kontrak dalam golongan Bumiputera ini mesti diadakan secara tender terbuka. So, di sini perbezaannya kaedah sama tetapi hanya dengan sistem tender terbuka. Kecuali ada sebab-sebab khusus seperti kecemasan iaitu apabila sesuatu bencana berlaku ataupun ada kepakaran istimewa seseorang atau sesuatu syarikat yang tidak wujud dalam syarikat lain ataupun faktor-faktor istimewa yang lain. Itulah perbezaan hanya dalam aspek tender terbuka. Saya harap bahawa perkara ini tidak dipermainkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Memandangkan sekarang ada ramai daripada Ahli Yang Berhormat pembangkang sudah tidak ada dalam Dewan, ini sekali lagi menunjukkan mereka lari daripada tanggungjawab mereka kerana tidak mahu mendengar penjelasan berdasarkan fakta dan kebenaran. Saya hendak tegaskan sekali lagi bahawa skandal 1MDB adalah sesuatu skandal yang benar-benar berlaku. Sekiranya ada pihak yang menyatakan asetnya begitu banyak, mereka hanya cuba sekali lagi, bukan sahaja menyembunyikan perkara yang sebenarnya berlaku ataupun mengalihkan perhatian bahawa ia bukanlah sesuatu skandal. Seperti yang saya telah sebutkan sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu skandal yang terbesar di dunia sehingga Kerajaan Amerika Syarikat sendiri menyatakan ini adalah skandal kleptokrasi paling besar dalam sejarah dunia.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Ini tidak boleh dinafikan.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Sekiranya tentang aset-aset...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Minta pencelahan.

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Kapar.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Menteri, saya sebenarnya sedih bila Menteri berbicara soal 1MDB. Oleh kerana pembangkang tidak ada, cakap *s/ow* lah sebab dia tidak

dengar. *[Dewan ketawa]* Saya mengambil pendekatan begini. 1MDB telah pun mengambil wang dana awam, terutama sekali EPF - RM1.2 bilion tidak silap saya dan duit SOCSO - RM900 juta. Saya sedih kerana skandal ini mengheret pekerja-pekerja yang sewajibnya dijaga tetapi telah dianiayai dan telah pun diambil wang mereka tanpa- tidak tahu dibayar atau tidak. Saya pernah mengutarakan sebelum ini Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri ada rancangan untuk memulangkan balik duit EPF, duit SOCSO, duit LTAT dan juga duit Tabung Haji? Terima kasih Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Inilah soalan yang padat, yang tajam, yang harus diutarakan oleh seorang Ahli Parlimen yang bertanggungjawab. Syabas kepada Yang Berhormat Kapar. Akan tetapi saya hendak beri maklumat tentang soalan yang ditujukan tadi. KWSP berkaitan dengan 1MDB untuk jumlah sebanyak RM200 juta. Sekarang adalah bakinya. Sebelum ini lebih banyak. 1MDB untuk PERKESO/SOCSO adalah sebanyak RM2.1 bilion. 1MDB - PERKESO juga pernah memberi pinjaman kepada *TRX City* sebanyak RM800 juta dan sekarang tinggal RM485 juta, masih belum dibayar. Akan tetapi saya hendak berikan jaminan, tidak perlu gelabah di sini. Mengapa? Ini kerana semua pinjaman ini dijamin oleh Kerajaan Malaysia. *[Tepuk]* Bermakna, bahawa pinjaman sungguh pun pada 1MDB, mereka masih selamat, pasti selamat kerana dijamin oleh Kerajaan Malaysia. Masalahnya ialah Kerajaan Malaysia kena tanggung dan bayar. Itu yang menjadi masalah. Seperti yang saya sebutkan tadi...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Tahun lepas RM1.6 bilion telah dibayar. Kalau kita tambah, tadi ada Yang Berhormat Pontian, itu sebab dia tidak ada. Dia sebut mengapa tiba-tiba saya boleh sebut bahawa RM100 bilion. Saya sebut untuk 1MDB secara khusus adalah RM50.9 bilion, kalau kita campur faedah. Faedah itu sampai 2038. Akan tetapi kalau kita sebut tentang skandal-skandal yang bersangkutan-paut dengan 1MDB seperti SSER, yang *Multi-Product Pipeline*. Itu pun melibatkan dana berpuluh bilion. Jangan lupa lagi, skandal ECRL yang mana kita lihat kos yang begitu tinggi sehingga kita ada tawaran daripada pihak syarikat China yang hendak mengurangkan sebanyak RM20 bilion. RM66 bilion hendak kurangkan kepada RM46 bilion dan sekarang kita dengar berita baik daripada Tun Daim Zainuddin bahawa akan kurangkan RM10 bilion lagi. Sekiranya ini jadi, saya hendak mengucapkan tahniah dan syabas kepada beliau.

Kita kena ingat, kalau sekiranya RM66 bilion kos asal kos pembinaan yang telah dipersetujui oleh pentadbiran kerajaan dahulu, untuk tempoh 20 tahun bila kita pinjam wang ini, kita akan bayar berapa? RM147 bilion. Mana kita mampu? Kalaupun RM46 bilion, kita pun terpaksa bayar lebih RM100 bilion kalau kita ambil kira kos operasi dan juga faedah yang dibayar. Itu sebab perlukan kita turunkan harga supaya ia dalam keadaan yang kita mampu bayar. Kalau tidak, yang kita gadaikan bukan masa depan kita sahaja, Yang Berhormat. Kita gadaikan masa depan anak-anak dan generasi akan datang. Itu sebab adalah penting bahawa kita rangka semula supaya hutang tidak melambung tinggi, supaya anak-anak kita tidak akan dalam keadaan hutang sekeliling pinggang.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak mengucapkan...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta sedikit.

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Tadi- selalunya pembangkang bawa isu bahawa 1MDB ini asetnya banyak. Boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri ceritakan sebab tadi saya sudah sebut sebahagian aset yang telah dijual kepada Tabung Haji, Mulia Group, Waterfront Holdings, China Railway Engineering. Boleh atau tidak kita hendak tahu berapa banyak aset 1MDB yang telah dijual? Kedua, kalau dahulu sebelum ini kita banyak kali dengar syarikat-syarikat audit yang terbesar di dunia pun tidak boleh hendak audit akaun 1MDB. Bilakah akaun 1MDB akan selesai diaudit?

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Kalau kita hendak sebut tentang aset-aset yang dijual, itu senarai panjang. Saya hendak berikan secara bertulis. Saya tidak ada di sini dan kita bukan sahaja tentang hartanah tetapi juga Edra dan sebagainya.

■1740

Ada banyak yang itu Jho Low, dia pandai betul bersama dengan Arul Kanda dan juga Yang Berhormat Pekan, mereka betul-betul menipu sama rakyat Malaysia. Kesannya masih kita tanggung hari ini. Kalau kita sebut tentang itu kesan-kesan sampingan dan limpahan, kita pun lihat Goldman Sachs pun terbabit. Tolonglah kita bayangkan macam mana Goldman Sachs bila mereka anjurkan satu terbitan bon boleh dengan kadar hampir enam peratus, bila dijamin oleh Kerajaan Malaysia. Ini tidak masuk akal langsung, jauh lebih tinggi daripada harga pasaran. Ini enam peratus untuk US Dolar belum buat *swap* lagi. Kalau *swap* lagi tinggi. Berbanding dengan apa yang dilakukan oleh pihak Malaysia, bon Samurai 0.63 peratus. Itulah kadar yang harus dibayar oleh sebuah kerajaan *sovereign* yang mempunyai rating A tiga atau A minus. So, itulah perbezaan di antara sebuah kerajaan bersih dan sebuah Kerajaan Barisan Nasional yang bergelumang dalam skandal 1MDB. Kita akan tahu keadaan esok. Saya pun tidak mahu cerita panjang lebar tetapi itu adalah cabaran yang kita terpaksa hadapi.

Apa yang saya hendak tegaskan tentang Akta Perbekalan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, yang kita buat ialah sebenarnya sebahagian kita kena tanggung kerana kita terpaksa bayar kos sampingan berkaitan dengan 1MDB di mana rakyat Malaysia tidak dapat sebarang manfaat langsung. Sehingga hari ini kita tidak dapat lihat apakah manfaat daripada perbelanjaan puluhan bilion 1MDB. Pihak lawan pun tidak boleh jelaskan. So, itulah perkara yang kita kena tegaskan. Pada masa yang sama, tentu – kerana masa pun hampir sampai. Saya telah janji untuk bagi 45 minit...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada 14 minit lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Bagus. So, saya hendak jawab beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini. Yang Berhormat Kapar, saya telah jawab tentang soalan Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat daripada Lembah Pantai tentang hospital pengajar. Di sini hospital pengajar memberi kemudahan rawatan kesihatan kepada semua

golongan orang awam, tiada keperluan bagi hospital pengajar untuk ditukar taraf kepada hospital awam dan – tetapi kita memang akui bahawa mereka mainkan peranan yang penting dan itulah sebabnya tidak timbul isu hospital pengajar dianaktirikan. Bajet diberikan berdasarkan keperluan tetapi sekiranya ada pandangan ataupun cadangan yang bernas daripada Yang Berhormat, pihak kementerian sudi menerimanya dan kita akan lihat apa yang kita boleh lakukan untuk memantapkan perkhidmatan mereka.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Boleh sebentar?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri dan keprihatinan tentang isu hospital pengajar. Isunya adalah hospital seperti Pusat Perubatan Universiti Malaya, dia rata-rata yang menjadi pesakit di situ adalah dari golongan B40, ramai. Apabila ada masalah pentakrifan ataupun tarafnya, statusnya sebagai hospital kerajaan, hospital awam ataupun hospital pengajar, maka ada kesan dari segi kos kepada rawatan ataupun akses kepada dengan izin, *certain types of medication*.

Akan tetapi yang saya ingin tekankan sekiranya pihak kementerian boleh pertimbangkan satu mekanisme agar boleh contohnya, orang ramai ataupun mereka yang telah menerima rawatan dan mereka daripada keluarga-keluarga yang berkemampuan, sekiranya mereka ingin memberi sumbangan semula sebagai tanda kasih mereka kepada contohnya PPUM. Kalau kita lihat di sesetengah universiti mungkin alumni boleh memberikan sumbangan ataupun diwakafkan perkhidmatan dan sebagainya, aset-aset kepada hospital pengajar mungkin ini boleh dipertimbangkan. Saya sedia untuk bertemu – untuk memberikan cadangan lain. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Lembah Pantai selalu jumpa saya. So, saya rasa ini tidak jadi masalah dan kita boleh bincang macam mana kita boleh bantu mereka. *[Dewan riuh]*

Saya juga hendak rujuk kepada Yang Berhormat Beaufort tentang Sabah. Di sini saya hendak sebutkan bahawa kita sentiasa berikan penekanan ke atas pembangunan luar bandar. Beliau tidak ada di sini, saya ada jawapan tentang peruntukan yang kita berikan untuk Sabah. Saya akan hantarkan secara bertulis kepada beliau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Secara bertulis.

Tuan Lim Guan Eng: Untuk Yang Berhormat Sibu projek skor di Tanjong Manis diteruskan sehingga kini. Buat masa ini, projek ini di dalam proses untuk membuat tender yang dijangka akan dilaksanakan pada suku tahun kedua 2019. Projek-projek skor yang lain tetap diteruskan seperti dalam perbincangan.

Tentang pelaksanaan Hospital Kluster Sarawak Tengah oleh Yang Berhormat Sibu. Ini telah dilaksanakan mulai tahun 2019 melibatkan Hospital Sibu sebagai *lead hospital* dan Hospital Kanowit dan juga Hospital Sarikei dan Hospital Mukah adalah sebagai *non-lead hospital*. Akan

tetapi ini saya dapat maklumat daripada Kementerian Kesihatan hendak maklumat terperinci, tolong tanya pihak Kementerian Kesihatan. So, itulah...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Mengenai – *sorry*.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak berkesempatan untuk mengambil bahagian tadi. Jadi saya ingin – satu sahaja hendak pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan ini kepada satu perkara yang spesifik. Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri, berapakah banyak jumlah dana yang dipohon oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia untuk menyelesaikan bayaran yang masih tertunggak, bayaran kepada kontraktor-kontraktor kecil dan pelaksana-pelaksana pelbagai projek seperti projek jalan kampung, projek bantuan rumah dan sebagainya yang telah disiapkan dan pelaksanaannya di Sarawak pada tahun lepas atau tahun 2018.

Saya tahu sebenarnya dana yang mencukupi telah sedia ada disimpan dalam agensi-agensi KKLW dahulu seperti di FELCRA dan RISDA ya, untuk melaksanakan projek-projek tersebut sehingga siap dapat dibayar. Akan tetapi selepas pilihan raya umum tahun lepas, saya difahamkan oleh kerana FELCRA dan RISDA ini dipindah kepada kementerian yang lain, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Maka saya difahamkan Kementerian Kewangan telah membekukan segala bayaran. Jadi ini mengakibatkan ramai kontraktor dan pelaksana projek jalan kampung dan projek bantuan rumah, projek-projek kecil, projek mesra rakyat dan termasuk – pelaksanaannya termasuk juga JKJK di Sarawak belum dibayar sehingga ke hari ini. Jadi ini tidak sepatutnya berlaku. Perbuatan ini sungguh membebankan kontraktor-kontraktor kecil ini dan JKJK yang terlibat dalam pelaksanaan projek ini.

Jadi saya difahamkan oleh KPLB baru-baru ini, mereka telah memohon kepada Kementerian Kewangan (MOF) untuk diberi peruntukan. Saya difahamkan lebih daripada RM200 juta. Jadi saya ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh bantulah kerana mereka yang terlibat ini adalah kontraktor-kontraktor kecil dan JKJK. Mereka dari golongan bawahlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Kapit.

Tuan Lim Guan Eng: Ya?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sibu, Sibu. Tadi saya ada satu soalan tentang *sufferance wharf fee* dan juga fi perkhidmatan kastam di jeti persendirian di Sarawak. Jadi sekarang fi itu sudah naik semenjak tahun 2018 dari RM50 kepada RM150. Jadi ia bukan sekali sahaja caj, ia caj dua kali untuk satu penghantaran dari Sibu ke Lawas. Jadi, adakah Kementerian Kewangan akan *review* ini fi? Supaya ia lebih mengurangkan beban kepada sesiapa yang menghantar barang. Mungkin barang itu murah sahaja. Ia *charge per parcel*. Jadi agak mahal kalau ia *charge per parcel*. Kalau ia boleh *charge* satu *shipment* dalam satu kapal berapa, mungkin ia lebih meringankan beban.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Lim Guan Eng: Kepada Yang Berhormat Sibu, saya telah menjawab soalan secara bertulis kepada Yang Berhormat Sibu tetapi nampaknya dari segi itu saya rasa masalah dari segi definisi. Apakah sama ada – kerana mengikut kastam, ia kekal sama. Mereka tidak buat perubahan.

■1750

Saya mencadangkan bahawa perbincangan yang lebih lanjut lagi harus diadakan dengan pihak kastam supaya kita boleh lebih faham dari segi pelaksanaan ia tidak menjejaskan ataupun menambah beban kepada pengusaha-pengusaha di sana. So, di sini saya cadangkan Yang Berhormat sama-sama dengan Jabatan Kastam Diraja untuk lebih mendalami perkara ini.

Okey, tentang Yang Berhormat Kanowit tadi, Yang Berhormat Kapit, minta maaf. Yang Berhormat Kapit tadi, semua peruntukan itu telah pun diberikan kepada kementerian masing-masing. Saya telah pun membuat satu pengumuman bahawa 121 buah projek yang telah pun diberikan surat setuju terima oleh kerajaan lama tetapi kita telah tangguhkan untuk menilai sama ada ia melibatkan salah laku ataupun adakah harganya terlalu tinggi selepas rundingan diadakan, ia diteruskan dengan pengurangan sebanyak RM806 juta.

Jumlah projek ini adalah sebanyak RM13.2 bilion dan semua projek-projek ini kini diuruskan oleh kementerian masing-masing. Bukanlah di bawah Kementerian Kewangan dan sekiranya ada perkara-perkara yang berbangkit saya harap Yang Berhormat boleh rujuk kepada kementerian yang berkenaan. Tentang peruntukan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, saya tidak berapa jelas tentang perkara ini, saya akan dapatkan maklumat daripada pegawai saya dan kita akan maklumkan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Baik, Yang Berhormat Pasir Gudang ada tanya tentang status Majlis Keselamatan Negara dan saya ucapkan terima kasih atas peringatan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya dinasihatkan bahawa saya tidak boleh menjawab kepada Yang Berhormat Pasir Gudang kerana Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat tidak membenarkan saya berbuat demikian kerana perkara ini masih dalam mahkamah. So, saya minta maaf saya hanya boleh sebut dalam perkara ini.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak juga berikan sedikit maklumat kepada semua Yang Berhormat yang tanya tentang insentif dan subsidi dan sebagainya. Ini adalah sesuatu yang selalu dibangkitkan oleh pihak pembangkang yang digunakan untuk menyatakan seakan-akan pihak kerajaan tidak menjalankan ataupun bantuan kebajikan seperti mana kita telah lakukan selama ini.

Kalau kita lihat dari segi insentif dan bantuan yang kita telah berikan, kerajaan telah menambah baik beberapa pemberian kepada rakyat contohnya, penambahbaikan penetapan paras harga insentif pengeluaran getah daripada RM2.20 sekilo kepada RM2.50 dan ini melibatkan tambahan sebanyak RM155 juta. Kadar subsidi harga padi dinaikkan daripada RM300 satu tan kepada RM360 satu tan metrik berat bersih padi dengan implikasi kewangan sebanyak RM132 juta.

Bantuan musim tengkujuh masih kita jalankan dengan implikasi kewangan sebanyak RM169 juta. Bantuan sara hidup peneroka FELDA, RM77 juta, penurunan harga siling RON95 daripada RM2.18 seliter kepada RM2.08 seliter. Sungguhpun harga minyak antarabangsa telah naik tetapi kita masih kekal pada harga yang lebih rendah RM2.08. Bayaran bantuan sara hidup secara *one-off* kepada individu bujang dan juga kepada keluarga sebanyak RM300, ini pun sudah dibayar dan di samping dengan pembayaran balik.

Penambahbaikan ini dapat dibiayai melalui penjimatan dan lebihan hasil yang dijangka pada tahun 2019. So, di samping penjimatan yang kita jalankan yang membolehkan kita buat sedikit tambahan dari segi bayaran bantuan dan juga insentif kepada pihak yang memerlukannya. Kita dapat buat pembayaran lebihan berdasarkan apa yang kita dapat jimat dan sekiranya penjimatan dapat berterusan. Kita harap kita boleh umumkan berita yang lebih baik untuk bulan-bulan yang akan datang tetapi itu tentu tertakluk kepada keputusan Kabinet.

Sekali lagi saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang berucap dan sekiranya ada mana-mana yang tertinggal saya akan cuba berikan secara bertulis. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ahli Yang Berhormat, mungkin ada yang bertanya berapa hari Yang Berhormat Pengkalan Chepa diperintah keluar, saya rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 44(2) sekiranya saya tidak menyebut berapa hari bermaksud 2 hari, jadi hari ini dan hari esok. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak lima belas bilion empat ratus lapan puluh lima juta tiga ratus lapan puluh empat ribu dan satu ratus empat puluh dua ringgit (RM15,485,384,142) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2 Tahun 2019 dan yang

disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat,
Majlis ditangguhkan sehingga hari esok pukul 10 pagi, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.57 petang]